



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

MENELUSURI STATISTIK SOSIAL MALAYSIA

Statistik Sosial yang Komprehensif ke Arah Pembangunan Holistik dalam
Mencapai Kesejahteraan Sejagat

EDISI 2023

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian”.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Pangkalan Data Utama (PADU) telah dilancarkan pada 2 Januari 2024. PADU mengandungi profil individu dan isi rumah meliputi warganegara dan pemastautin tetap di Malaysia. Matlamat utama PADU untuk memastikan rakyat Malaysia tidak tercicir daripada setiap inisiatif berpaksikan rakyat yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dimohon kerjasama untuk mendaftar dan mengemaskini PADU sebelum atau pada 31 Mac 2024. Sila layari <https://www.padu.gov.my> bagi maklumat lanjut berkaitan PADU atau menghubungi talian *hotline* berikut:

- i) Jabatan Perangkaan Malaysia : 1-800-88-7720 /1-800-88-7721
- ii) Pertanyaan secara online melalui SISPAA: <https://padu.spab.gov.my>

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Diterbitkan dan dicetak oleh/ *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia

Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62514 Putrajaya

MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>

Facebook/ X/ Instagram/ YouTube : StatsMalaysia
E-mel : info@dosm.gov.my (pertanyaan umum)
 : data@dosm.gov.my (pertanyaan & permintaan data)

Harga : RM15.00

Diterbitkan pada Mac 2024

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

ISBN 978-967-2000-75-4

KATA PENGANTAR

Menelusuri Statistik Sosial Malaysia Edisi 2023 merupakan penerbitan kali kedua yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang memaparkan senario sosial negara bagi tahun 1970 hingga 2022. Edisi kali ini memberi fokus kepada 11 topik iaitu penduduk dan demografi dari tahun 1970 hingga 2023; indeks harga pengguna tahun 1980 dan 2022; guna tenaga dari tahun 2010 hingga 2022; kesihatan dari tahun 2010 hingga 2022; dan pengangkutan dari tahun 2010 sehingga 2022; pendapatan dan perbelanjaan isi rumah pada tahun 2022; internet dan media sosial dari tahun 2018 hingga 2022; alam sekitar dari tahun 2017 hingga 2022; pelancongan dari tahun 1991 hingga 2022; Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) pada tahun 2022 dan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) pada tahun 2021. Penerbitan pada kali ini telah mendapat kerjasama daripada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dalam penyuntingan artikel bagi memastikan kualiti penerbitan ini bertambah baik.

Mendepani persekitaran yang kian mencabar, keperluan terhadap statistik yang komprehensif dan bertepatan masa amat diperlukan pihak kerajaan dalam merangka pelan pemulihan ekonomi kesan daripada pandemik COVID-19 yang memberikan kesan kepada sosioekonomi negara. Justeru, keperluan capaian statistik rasmi yang holistik adalah penting bagi membantu kerajaan membuat keputusan dan mengukuhkan agenda negara, membantu dalam pengukuran SDG dan membuat perancangan pembangunan serta infrastruktur dengan lebih bersasar.

DOSM sebagai pembekal statistik rasmi negara komited dalam memenuhi aspirasi merakyatkan statistik dan membuat keputusan berasaskan bukti serta responsif terhadap keperluan penyediaan produk dan perkhidmatan statistik yang relevan dan andal.

Jabatan mengucapkan terima kasih atas kerjasama dan sumbangan semua pihak dalam menjayakan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan untuk penambahbaikan laporan pada masa hadapan adalah amat dihargai.

DATO' SRI DR. MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Mac 2024

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

ISI KANDUNGAN

KATA PENGANTAR	i
MENELUSURI STATISTIK SOSIAL MALAYSIA	1
RINGKASAN EKSEKUTIF	3
STATISTIK SOSIAL MALAYSIA	
PENDUDUK DAN DEMOGRAFI	7
GUNA TENAGA	23
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ISI RUMAH	41
INDEKS HARGA PENGGUNA	47
KESIHATAN	51
ALAM SEKITAR	59
PENGANGKUTAN	65
PELANCONGAN	75
INTERNET DAN MEDIA SOSIAL	81
MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG)	87
INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT MALAYSIA	95
RUMUSAN	101
SIDANG PENGARANG	103
SENARAI EDITOR	105
PENGHARGAAN	107
INDIKATOR UTAMA	109

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



MENELUSURI STATISTIK SOSIAL MALAYSIA

PENDUDUK, 1970 – 2023^e


Bilangan Penduduk dan Kadar Pertumbuhan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

GUNA TENAGA, 2010 – 2022


Tenaga Buruh dan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KESIHATAN, 2010 – 2022

Nisbah Doktor kepada Penduduk Malaysia



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

ALAM SEKITAR, 2017 – 2022

Stesen Terpilih yang Mencatatkan Bilangan Hari Udara Berstatus " Baik "




Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Sumber: Menelusuri Statistik Sosial Malaysia Edisi 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

MENELUSURI STATISTIK SOSIAL MALAYSIA

PENGANGKUTAN, 2015 – 2022


Bilangan Penumpang Perkhidmatan Rel



Sumber: Kementerian Pengangkutan Malaysia

PELANCONGAN, 2012 – 2022

Bilangan Pelawat Domestik



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN ISI RUMAH, 2022

Pendapatan

Penengah
RM6,338
Purata
RM8,479



Perbelanjaan

Penengah
RM4,282
Purata
RM5,150

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

INDEKS HARGA PENGGUNA, 2023



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

INTERNET DAN MEDIA SOSIAL, 2022

Peratusan Penggunaan Tiga Peranti Utama Komputer di Malaysia



Papan Elektronik
Mudah Alih
26.2%



Komputer Riba
38.4%



Komputer Peribadi
24.5%

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

INDEKS KEBAHAGIAAN RAKYAT MALAYSIA, 2021



berada pada tahap "Bahagia"

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumber: Menelusuri Statistik Sosial Malaysia Edisi 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Menelusuri Statistik Sosial Malaysia Edisi 2023 terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) ini memaparkan senario sosial negara bagi tempoh tahun 1970 hingga 2023. Laporan ini meliputi sebelas topik iaitu penduduk dan demografi, guna tenaga, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah, indeks harga pengguna, kesihatan, alam sekitar, pengangkutan, pelancongan, internet dan media sosial, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI). Laporan ini boleh dijadikan tanda aras penting dalam mendepani persekitaran yang kian mencabar. Keperluan terhadap statistik yang komprehensif dan bertepatan masa amat diperlukan pihak Kerajaan dalam merangka pelan pemulihan ekonomi kesan daripada pandemik COVID-19 yang memberi impak kepada sosioekonomi negara.

Penemuan utama Banci Penduduk dan Perumahan mencatatkan penduduk Malaysia pada tahun 2020 ialah 32.4 juta iaitu peningkatan tiga kali ganda berbanding 10.4 juta pada tahun 1970. Namun, pertumbuhan penduduk pada tahun 2020 adalah lebih perlahan dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 1.7 peratus berbanding 3.9 peratus pada tahun 1970. Berdasarkan anggaran penduduk semasa pada tahun 2023, penduduk Malaysia dianggarkan seramai 33.4 juta dengan kadar pertumbuhan 2.1 peratus. Transisi demografi Malaysia ini dipengaruhi oleh empat faktor yang memberikan kesan kepada pertumbuhan penduduk serta perubahan populasi di Malaysia sejak tahun 1970 hingga 2040 iaitu kadar kesuburan, kadar kematian (jangka hayat), struktur umur (agihan di antara umur muda dan tua) serta migrasi.

Sebahagian besar daripada penduduk terdiri daripada penduduk umur bekerja yang berumur 15 hingga 64 tahun iaitu 70.0 peratus pada tahun 2023 dan majoritinya adalah kategori tenaga buruh. Statistik tenaga buruh memperihalkan indikator utama tenaga buruh iaitu bilangan tenaga buruh, luar tenaga buruh, penganggur, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) dan kadar pengangguran. Selaras dengan pertumbuhan tahunan penduduk khususnya penduduk dalam kumpulan umur bekerja, bilangan tenaga buruh di Malaysia merekodkan peningkatan purata 2.7 peratus setahun daripada 12.30 juta orang pada tahun 2010 kepada 16.02 juta orang pada tahun 2022.

Penduduk belia turut menyumbang dalam menggerakkan ekonomi Malaysia. Bilangan penduduk belia pada tahun 2022 adalah 8.5 juta orang. Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata bagi isi rumah belia pada tahun 2022 ialah RM6,701. Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata isi rumah belia ialah RM4,430. Isi rumah belia cenderung berbelanja lebih tinggi untuk Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain dengan 22.8 peratus. Ini diikuti untuk Makanan & minuman (16.9%) dan Restoran & perkhidmatan penginapan (18.0%). Peratusan perbelanjaan yang paling rendah bagi belia ialah untuk Minuman alkohol & tembakau (1.9%) dan Perkhidmatan Pendidikan (0.7%).

ICT menjadi medium perhubungan utama dalam talian bagi mendapatkan maklumat berkaitan pekerjaan dan pembelajaran dengan pantas dan cepat. Peratusan penggunaan ICT dalam kalangan masyarakat Malaysia pada tahun 2022 menunjukkan penggunaan komputer 80.2 peratus. Penggunaan komputer terutamanya komputer peribadi mengalami penurunan kepada 24.5 peratus pada tahun 2022 berbanding tahun 2021, iaitu sebanyak 29.7 peratus. Manakala, penggunaan komputer riba juga menunjukkan peratusan penurunan kepada 38.4 peratus berbanding tahun 2021, iaitu 45.1 peratus. Dalam pada itu juga, penggunaan papan elektronik mudah alih menunjukkan penurunan kepada 26.2 peratus berbanding tahun 2021, iaitu 30.9 peratus.

Kadar inflasi di Malaysia pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus berbanding negatif 1.2 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan

oleh pelbagai faktor termasuk pembukaan semula aktiviti ekonomi dan kenaikan harga makanan global (DOSM, 2022).

Kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan akan mengakibatkan penurunan kuasa beli. Kuasa beli ialah jumlah barangan dan perkhidmatan yang boleh dibeli dengan unit mata wang. Kalkulator Inflasi ialah satu alat yang berguna untuk memperoleh anggaran perubahan harga umum dan perkaitan perubahan dalam kuasa beli.

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mempunyai akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang baik dan membanggakan. Sistem kesihatan negara telah mengalami cabaran yang getir dalam mendepani pelbagai isu terutamanya mengekang kemunculan semula penyakit berjangkit sedia ada dan baharu antaranya COVID-19. Kes penyakit berjangkit yang dilaporkan setiap tahun bagi tempoh tahun 2010 hingga 2022 ialah 20 jenis penyakit. Sistem penjagaan kesihatan dibangunkan dengan fasiliti kesihatan yang baik bagi memberikan keyakinan kepada rakyat Malaysia terhadap sistem penjagaan dan fasiliti kesihatan negara.

Dalam usaha kerajaan untuk membendung penularan COVID-19, sekatan perjalanan rentas sempadan yang dilaksanakan telah menjadi krisis ekonomi terbesar kepada sektor pengangkutan. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah mengehadkan sebilangan pengangkutan untuk beroperasi dan ini memberikan impak terhadap operasi pengangkutan awam bukan sahaja dari segi jumlah penumpang tetapi juga aspek pilihan orang ramai untuk bergerak secara selamat. Bilangan penumpang bagi jenis perkhidmatan rel mencatatkan penurunan sepanjang enam tahun kepada 179.7 juta pada tahun 2022 berbanding 233.8 juta pada tahun 2015

Industri pelancongan yang merupakan pemangkin kepada pendapatan dan pertumbuhan ekonomi negara turut terkesan disebabkan penularan COVID-19. Industri pelancongan negara telah mengalami penurunan kedatangan pelancong sebanyak 83.4 peratus pelancong masuk ke dalam negara pada tahun 2020 yang hanya merekodkan 4.3 juta orang berbanding 26.1 juta orang pada tahun sebelumnya. Ketibaan pelancong di Malaysia pada tahun 2022 kembali mencatatkan peningkatan yang agresif, iaitu 7,375.0 peratus dengan bilangan pelancong sebanyak 10.1 juta orang. Hal ini kerana peralihan Malaysia ke fasa endemik dan pembukaan semula sempadan negara kepada pengembara antarabangsa pada bulan April 2022 serta pemansuhan keperluan kuarantin dan ujian saringan COVID-19 ketika tiba di Malaysia mulai 1 Ogos 2022.

Pasca COVID-19, pembukaan semula aktiviti ekonomi dan fenomena perubahan iklim mempunyai pelbagai kesan terhadap alam sekitar pada tahun 2022. Pelepasan asap kenderaan, aktiviti perindustrian dan aktiviti pembakaran kawasan perladangan dan tapak pelupusan sampah menjadi punca utama mempengaruhi kualiti udara di Malaysia. Secara ringkasnya, bagi tempoh Januari hingga Disember 2022 merekodkan PM10 berjulat antara 17.35 sehingga 23.55 mikro gram meter padu berbanding 16.84 sehingga 25.74 mikro gram meter padu pada tahun 2021. Manakala bacaan CO ialah 0.501 hingga 0.575 bahagian setiap juta (Januari — Disember 2022) berbanding 0.488 hingga 0.564 bahagian setiap juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Sejajar dengan fasa pelan pemulihan negara, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dapat dilaksanakan melalui beberapa inisiatif oleh kerajaan seperti Program Kemiskinan Bandar (5MY), *Short-Term Employment Programme* (MySTEP), Peranti Siswa Keluarga Malaysia (PRSiS) dan Program Pembiayaan Mikro untuk Penjaja dan Peniaga Kecil (MPPK). Inisiatif ini secara tidak langsung telah menyokong dalam pencapaian empat matlamat iaitu tiada kemiskinan, pertumbuhan ekonomi mampan, kadar pengangguran, perkadaran industri berskala kecil dengan pinjaman atau garis kredit dan menggalakkan teknologi yang mampan kepada negara membangun. Status ketersediaan indikator SDG Malaysia telah menunjukkan perkembangan positif dengan ketersediaan 99 indikator (41%) pada tahun 2018 meningkat kepada 195 indikator (79%) pada tahun 2022.

Sungguhpun negara berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19 dan krisis ekonomi, rakyat Malaysia masih berada pada tahap bahagia pada tahun pelaksanaan Survei *Malaysia Happiness Index* (MHI) 2021. Ini ditunjukkan prestasi skor Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia pada tahun 2021 berada di tahap Bahagia iaitu pada skor 6.48. Analisis mengikut komponen menunjukkan skor indeks tertinggi yang dicatatkan ialah komponen keluarga iaitu 7.23, diikuti komponen amalan kerohanian (7.21) dan kesihatan (6.75). Penyumbang utama bagi komponen keluarga ialah indikator hubungan kekeluargaan iaitu (83.0%) dan keselamatan keluarga (76.6%) yang memilih skala Bahagia dan Sangat Bahagia.

Secara keseluruhannya, evolusi statistik yang dipaparkan dapat memberikan manfaat kepada kerajaan dalam menambahbaik tadbir urus dan keperluan sosioekonomi rakyat bagi pembangunan inklusif dan memastikan pertumbuhan ekonomi mampan dengan menitikberatkan kesejahteraan rakyat.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

TRANSISI DEMOGRAFI MALAYSIA: FAKTOR DAN IMPLIKASI

Wan Mohd Shahrulnizam Wan Mohd Najuri, Ezatul Nisha Abdul Rahman,
Mohamad Shukor Mat Lazim dan Suhaily Safie

Pengenalan

Matlamat kependudukan 70 juta telah diumumkan oleh mantan YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed pada September 1982 dan dijelaskan semula dalam ucapan pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat pada 29 Mac 1984¹. Matlamat kependudukan 70 juta ini disasarkan dapat dicapai pada tahun 2100. Sasaran ini diharapkan akan melahirkan saiz kependudukan yang besar dan seterusnya memiliki saiz pasaran yang luas dan mampu mengeluarkan hasil barangan yang secara relatifnya lebih murah.

Artikel ini memberikan gambaran senario sebenar kependudukan Malaysia selepas 40 tahun matlamat Kependudukan 70 juta dilontarkan. Kupasan tertumpu kepada transisi demografi penduduk, pertumbuhan penduduk yang semakin perlahan dan faktor yang mempengaruhinya. Artikel ini juga membincangkan mengenai isu penuaan, implikasi dan persediaan negara menuju ke arah negara menua.

Pertumbuhan Penduduk Dunia


Pertumbuhan penduduk dunia diunjurkan semakin perlahan disebabkan oleh penurunan kadar kesuburan jumlah daripada 5.0 pada tahun 1960 kepada 2.3 pada tahun 2020. Pertumbuhan penduduk dunia menurun daripada 2.0 peratus pada tahun 1970 kepada 1.2 peratus pada tahun 2020 (Carta 1). Penurunan dalam kadar kesuburan telah berlaku di seluruh dunia dan proses ini dikenali sebagai transisi demografi. Penduduk dunia telah mencecah 8 bilion pada tahun 2022.

Pertumbuhan penduduk mengikut benua menunjukkan bahawa benua Afrika kekal mencatatkan pertumbuhan penduduk melebihi kadar 2.0 peratus, iaitu 2.5 peratus pada tahun 2020 (1970: 2.5%). Benua Asia yang merangkumi 59.5 peratus penduduk dunia juga menunjukkan trend pertumbuhan perlahan 1.0 peratus pada tahun 2020, menurun daripada 2.3 peratus pada tahun 1970. Benua Oceania dengan jumlah penduduk terendah 43.9 juta (2020) turut merekodkan pertumbuhan penduduk yang perlahan 1.7 peratus pada tahun 2020 berbanding 2.1 peratus pada tahun 1970.

Benua Amerika Selatan yang terdiri daripada antaranya negara Brazil, Argentina dan Peru, dan benua Amerika Utara yang terdiri daripada antaranya negara Amerika Syarikat, Mexico dan Kanada mencatatkan pertumbuhan penduduk 0.9 peratus pada tahun 2020. Dari segi bilangan penduduk, negara China kekal sebagai negara paling ramai penduduk pada tahun 2020 (1.42 bilion), diikuti oleh India (1.40 bilion) dan Amerika Syarikat (0.33 bilion).

¹Dasar Kependudukan Malaysia Ke Arah 70 Juta Penduduk, Jabatan Perdana Menteri

Carta 1: Kadar Pertumbuhan Penduduk Bagi Negara Terpilih, 1970 — 2020




Sumber: <https://ourworldindata.org/>

Pertumbuhan Penduduk ASEAN

Pertumbuhan penduduk bagi negara-negara ASEAN turut menunjukkan trend lebih perlahan dalam tempoh lima dekad. Malaysia mencatatkan pertumbuhan penduduk tertinggi dalam kalangan negara ASEAN pada tahun 2020, iaitu 1.7 peratus (1970: 3.9%). Thailand mencatatkan pertumbuhan penduduk paling perlahan dalam kalangan negara ASEAN pada tahun 2020, iaitu 0.4 peratus (1970: 3.0%).

Dari segi bilangan penduduk pada peringkat negara ASEAN, Indonesia kekal sebagai negara paling ramai penduduk, iaitu 271.9 juta pada tahun 2020, diikuti oleh Filipina (112.2 juta) dan Vietnam (96.6 juta). Malaysia berada pada kedudukan yang keenam dan bilangan penduduk terendah ialah Brunei Darussalam, iaitu seramai 441.7 ribu penduduk.

Carta 2: Kadar Pertumbuhan Penduduk Bagi Negara ASEAN Terpilih, 1970 — 2020




Sumber: <https://ourworldindata.org/> dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan Penduduk Malaysia

Penduduk Malaysia mencatatkan 32.4 juta pada tahun 2020, iaitu peningkatan tiga kali ganda berbanding 10.4 juta pada tahun 1970. Namun, pertumbuhan penduduk lebih perlahan dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 1.7 peratus pada tahun 2020 berbanding 3.9 peratus pada tahun 1970. Berdasarkan data anggaran penduduk semasa pada tahun 2023 menunjukkan penduduk Malaysia seramai 33.4 juta dengan pertumbuhan tahunan, 2.1 peratus.

Carta 3: Bilangan Penduduk dan Kadar Pertumbuhan, Malaysia, 1970 — 2023^e



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2020 terdiri daripada 29.8 juta warganegara (91.7%) dan 2.7 juta bukan warganegara (8.3%). Bagi penduduk warganegara, 50.7 peratus ialah lelaki, manakala 49.3 peratus ialah perempuan, dengan nisbah jantina 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Bagi penduduk bukan warganegara pula, 69.6 peratus penduduk ialah lelaki berbanding 30.4 peratus penduduk perempuan, dengan nisbah jantina 229 lelaki bagi setiap 100 perempuan. Komposisi penduduk warganegara mengikut etnik pada tahun 1970 ialah Bumiputera 5.8 juta (55.8%), Cina 3.6 juta (34.1%), India 936.3 ribu (9.0%) dan Lain-lain 117.0 ribu (1.1%). Penduduk Bumiputera pada tahun 2020 masih majoriti, iaitu 20.6 juta (69.4%), diikuti Cina 6.9 juta (23.2%), India 2.0 juta (6.7%) dan Lain-lain 215.6 ribu (0.7%). Walaupun bilangan penduduk etnik Cina dan India telah meningkat, namun peratus sumbangan mereka kepada jumlah penduduk telah menurun.

Penduduk Malaysia pada tahun 2023 dianggarkan 33.4 juta berbanding 32.7 juta pada tahun 2022 dengan kadar pertumbuhan penduduk tahunan 2.1 peratus. Kadar pertumbuhan penduduk yang lebih laju disebabkan oleh peningkatan bilangan penduduk bukan warganegara, iaitu daripada 2.5 juta (2022) kepada 3.0 juta (2023). Kadar pertumbuhan penduduk yang perlahan pula berlaku di beberapa negara lain seperti Singapura (-0.3%), Australia (1.3%), United Kingdom (0.4%), Jepun (-0.3%) dan New Zealand (1.3%). Hal tersebut disebabkan oleh penurunan kadar kesuburan dan jumlah migrasi bersih antarabangsa serta peningkatan bilangan kematian.


Penduduk warganegara pada tahun 2023 telah meningkat daripada 30.2 juta (2022) kepada 30.4 juta orang dengan pertumbuhan penduduk warganegara pada kadar 0.7 peratus. Daripada 30.4 juta penduduk warganegara, komposisi Bumiputera ialah 70.1 peratus pada tahun 2023 berbanding 69.4 peratus pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, komposisi penduduk Cina dan India masing-masing menurun kepada 22.6 peratus (2020: 23.2%) dan 6.6 peratus (2020: 6.7%), manakala Lain-lain kekal pada 0.7 peratus.

Terdapat tiga negeri mencatatkan kadar pertumbuhan lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan pada peringkat nasional bagi tahun 2023. Tiga negeri yang mencatatkan komposisi penduduk tertinggi pada tahun 2022 ialah Selangor (21.6%) diikuti Johor (12.3%) dan Sabah (10.8%). Sebaliknya, WP Labuan dan WP Putrajaya mencatatkan komposisi penduduk terendah, iaitu masing-masing 0.3 peratus dan 0.4 peratus. Walau bagaimanapun, WP Labuan mencatatkan kadar pertumbuhan penduduk tahunan tertinggi dari tempoh 2022 hingga 2023, iaitu 42.6 peratus.

Transisi Demografi Malaysia

Transisi Demografi Model (TDM) dikategorikan kepada lima fasa menunjukkan perubahan jumlah penduduk dari semasa ke semasa dengan melihat kepada kadar kematian dan kadar kelahiran mempengaruhi keseluruhan penduduk sesebuah negara. Setiap peringkat menunjukkan hubungan antara kadar kelahiran (bilangan kelahiran tahunan bagi setiap seribu orang) dengan kadar kematian (bilangan kematian tahunan bagi setiap seribu orang). Perubahan kadar kelahiran dan kematian mempengaruhi jumlah penduduk sesebuah negara. Dalam model tersebut, sesebuah negara akan maju dari masa ke masa dan dari satu peringkat ke peringkat seterusnya apabila pergerakan sosial dan ekonomi tertentu bertindak ke atas kadar kelahiran dan kematian.

Paparan 1: Transisi Demografi Model




Sumber: <https://sites.google.com/site/populationchange/demographic-transition-model>

Terdapat empat faktor yang mempengaruhi pertumbuhan penduduk di Malaysia dari tahun 1970 hingga 2040, iaitu kadar kesuburan, kadar kematian (jangka hayat), struktur umur (agihan antara umur muda dan umur tua) dan migrasi. Perubahan penduduk dan transisi demografi berlaku apabila berlakunya perubahan struktur penduduk yang lebih perlahan. Penduduk beralih dari tahap kesuburan dan kematian yang tinggi ke tahap kesuburan dan kematian yang rendah serta berlaku perubahan ketara terhadap taburan umur penduduk. Peralihan demografi Malaysia menunjukkan Kadar Kelahiran Kasar (CBR) menunjukkan penurunan daripada 39.1 pada tahun 1911 kepada 12.9 bagi setiap seribu penduduk pada tahun 2022 dan Kadar Kematian Kasar (CDR) juga menurun daripada 19.4 pada tahun 1911 kepada 6.3 bagi setiap seribu penduduk pada tahun 2022 (Paparan 2).

Pada peringkat negeri, CBR terendah yang dicatatkan pada tahun 2022 ialah WP Kuala Lumpur (10.1), Pulau Pinang (10.2), Perak (11.7) dan Selangor (11.9).

Paparan 2: Transisi Demografi, Malaysia, 1911 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar Kesuburan Terus Menurun


Menurut *United Nations Population Division*, kadar kesuburan di seluruh dunia dianggarkan akan terus mencatatkan penurunan dalam dekad akan datang dan secara perlahan menuju kepada 2.1 anak bagi seorang wanita, yang secara tradisinya dilihat sebagai “paras penggantian” yang diperlukan untuk mengekalkan penduduk yang stabil di negara-negara yang mempunyai kadar kematian yang rendah dalam kalangan golongan muda.

Berdasarkan kepada *Manual Principles and Recommendations for a Vital Statistics (Revision 3)*, *United Nations Statistics Division (2014)*, paras penggantian kesuburan adalah pada 2.1 anak bagi setiap wanita pada umur produktif 15 – 49 tahun. Nilai ini mewakili purata bilangan anak yang perlu dilahirkan oleh seorang wanita dengan menanggung seorang anak perempuan yang hidup sehingga anak tersebut melahirkan anak. Jika paras penggantian kesuburan kekal dalam tempoh yang panjang, setiap generasi secara tepat akan menggantikan dirinya tanpa mengambil kira migrasi penduduk.

Dalam tempoh lima dekad, kadar kesuburan di Malaysia telah jatuh dengan mendadak. Seorang wanita secara puratanya akan melahirkan empat orang anak sepanjang umur produktifnya dalam tempoh tahun 1970 sehingga 1980. Namun, secara puratanya hanya dua orang anak bagi setiap wanita berumur 15 – 49 tahun bagi tempoh tahun 2010 sehingga 2020. Kadar Jumlah Kesuburan (TFR) bagi seorang wanita di Malaysia dalam tempoh reproduktif telah menurun kepada 1.6 bayi pada tahun 2022 berbanding 4.9 bayi pada tahun 1970 (Carta 4), iaitu TFR terendah dalam tempoh 50 tahun.

Pada peringkat negeri, TFR terendah dicatatkan pada tahun 2022 ialah WP Kuala Lumpur 1.2 bayi, Pulau Pinang 1.2 bayi, Sabah 1.4 bayi dan Selangor 1.5 bayi. Pada tahun 2022, terdapat tiga negeri yang mencatatkan TFR melebihi paras penggantian kesuburan 2.1 anak bagi setiap wanita, iaitu Terengganu 2.9 bayi, Kelantan 2.7 bayi dan Pahang 2.1 bayi.


Carta 4: Kadar Kesuburan Jumlah, Malaysia, 1970 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Bagi tempoh tahun 1970 sehingga 2022, TFR bagi semua kumpulan etnik di Malaysia menunjukkan trend menurun. Etnik Bumiputera mencatatkan penurunan TFR daripada 5.0 bayi kepada 2.0 bayi, Cina (4.7 bayi kepada 0.8 bayi) dan India (4.8 bayi kepada 1.1 bayi) pada tahun 2022. Etnik Cina dan India merekodkan TFR di bawah paras penggantian masing-masing bermula tahun 2003 dan 2005.

Carta 5: Kadar Kesuburan Jumlah Mengikut Kumpulan Etnik Utama, Malaysia, 1970 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Wanita memainkan peranan yang penting dalam menentukan bilangan dan kadar kelahiran di dalam negara. Trend penurunan dalam kelahiran disumbangkan oleh peningkatan tahap pendidikan dalam kalangan wanita dan peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh bagi wanita. Pada tahun 2020, kadar penyertaan tenaga buruh wanita ialah 55.3 peratus (2022: 55.8%). Selain itu, beberapa faktor lain seperti peningkatan purata umur perkahwinan


pertama, perbandaran, perubahan gaya hidup, status ekonomi dan peningkatan penggunaan kaedah perancang keluarga juga merupakan penyumbang kepada penurunan trend kelahiran. Purata umur ibu pada kelahiran hidup pertama meningkat 0.5 tahun daripada 27.4 tahun pada tahun 2000 kepada 27.9 tahun pada tahun 2022. Secara umumnya, peningkatan purata umur ibu pada kelahiran hidup pertama merupakan satu petunjuk kepada tempoh reproduksi wanita yang semakin pendek.

Peningkatan Jangkaan Hayat

Jangkaan hayat ketika lahir ialah anggaran seseorang dijangka dapat hidup. Berdasarkan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, jangkaan hayat ketika lahir meningkat daripada 48 tahun pada tempoh 1950 – 1955 kepada 71 tahun pada tahun 2021². Penduduk kebanyakan negara hidup lebih lama disebabkan peningkatan akses kepada penjagaan kesihatan, peningkatan dalam diet dan kebersihan, keberkesanan respons kepada penyakit berjangkit dan faktor-faktor lain.

Seorang bayi yang baru lahir pada tahun 2023 secara purata dijangka hidup 11.2 tahun lebih lama berbanding lima dekad yang lalu, 63.6 tahun (1970). Di Malaysia, peningkatan purata jangkaan hayat kepada 74.8 tahun (2023) disumbangkan oleh faktor positif sosioekonomi seperti peningkatan taraf pendidikan, pekerjaan, tahap penjagaan kesihatan dan penurunan kadar kematian. Sementara itu, bagi perbandingan antara jantina, secara puratanya, bayi perempuan dijangka hidup lebih lama berbanding bayi lelaki dengan peningkatan jangkaan hayat 11.8 tahun berbanding lelaki 10.9 tahun bagi tempoh tahun 1970 sehingga 2023. Ini bermakna, seorang bayi perempuan yang baru lahir pada tahun 2023 secara purata dijangka boleh hidup sehingga 77.4 tahun, manakala bayi lelaki dijangka boleh hidup sehingga 72.5 tahun. Antara faktor yang menyumbang termasuklah perbezaan cara hidup lelaki dan perempuan, iaitu lelaki lebih terdedah kepada *nature of work* yang berisiko. Peningkatan jangkaan hayat selari dengan sistem perkhidmatan kesihatan yang baik dan kesedaran penduduk terhadap kepentingan menjaga kesihatan yang semakin meningkat.

Carta 6: Jangkaan hayat ketika lahir mengikut jantina, Malaysia, 1991 — 2023^e



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jangkaan hayat yang meningkat menunjukkan Malaysia akan berhadapan dengan penuaan penduduk pada tahun 2030, iaitu peratus penduduk berumur 60 tahun dan ke atas telah mencapai 15.3 peratus daripada jumlah penduduk. Penuaan penduduk bukan sahaja memberikan kesan

² World Population Prospect Report, United Nations, 2022

kepada ekonomi negara, malah individu. Justeru, persediaan kesihatan dan simpanan kewangan yang mencukupi perlu dibuat bagi mengelakkan kesukaran hidup selepas persaraan.

Urbanisasi telah meningkatkan kualiti hidup (Jiang et al., 2021) dan seterusnya peningkatan jangkaan hayat. Pada peringkat global, penduduk lebih ramai tinggal di kawasan bandar berbanding di kawasan luar bandar, dengan 55 peratus daripada penduduk dunia tinggal di kawasan bandar pada tahun 2018. Pada tahun 1950, hanya 30 peratus penduduk dunia tinggal di bandar, dan menjelang tahun 2050, 68 peratus daripada penduduk dunia diunjurkan sebagai penduduk bandar. Malaysia, sebagai sebuah negara yang sedang membangun mengalami proses perbandaran yang pesat dalam tempoh tiga dekad yang lalu. Penduduk bandar di Malaysia pada tahun 2020 mencecah 75.1 peratus berbanding 50.7 peratus pada tahun 1991 dan hanya 28.4 peratus pada tahun 1970.


Perubahan Taburan Struktur Umur Penduduk – Malaysia Menuju Negara Menua

Perubahan taburan umur penduduk yang perlahan merupakan ciri utama transisi demografi daripada tahap kesuburan dan kematian yang tinggi kepada yang semakin rendah. Transisi demografi merupakan fenomena sejagat, yang mana dunia kini menunjukkan kadar pertumbuhan penduduk yang semakin perlahan bagi kanak-kanak dan belia, manakala penduduk berumur 65 tahun dan lebih semakin meningkat³.

Komposisi kanak-kanak di bawah umur 15 tahun (umur muda) menunjukkan trend penurunan daripada 44.9 peratus pada tahun 1970 kepada 24.0 peratus pada tahun 2020. Pada masa kini, kanak-kanak berumur 15 tahun mewakili satu daripada empat orang di Malaysia. Nisbah ini dianggarkan akan semakin menurun kepada satu daripada lima orang pada tahun 2030.

Peratusan penduduk umur bekerja 15 – 64 tahun menunjukkan peningkatan daripada 52.1 peratus pada tahun 1970 kepada 69.3 peratus pada tahun 2020 dan terus meningkat kepada 70.0 peratus pada tahun 2023. Trend pertumbuhan ini disumbangkan oleh umur bekerja yang berumur 25 tahun sehingga 64 tahun yang meningkat daripada 32.8 peratus kepada 52.1 peratus pada tahun 2020. Trend pertumbuhan diunjurkan meningkat secara perlahan-lahan dengan 53.1 peratus jumlah penduduk pada tahun 2040. Bilangan umur bekerja di Malaysia diunjurkan akan meningkat sedikit pada dekad akan datang, walau bagaimanapun ia hanya mencatatkan penurunan kepada sumbangan peratusan kepada jumlah penduduk. Sekiranya penurunan yang berterusan dalam kumpulan umur ini, dijangkakan Malaysia akan berhadapan dengan kekurangan tenaga buruh pada masa akan datang.

Carta 7: Peratus Taburan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur, Malaysia 1970 — 2040




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

³ *Changing Population Age Structures and Sustainable Development, United Nations, 2017*

Komposisi penduduk umur tua (65 tahun dan lebih) juga menunjukkan peningkatan daripada 3.1 peratus pada tahun 1970 kepada 6.8 peratus pada tahun 2020. Berdasarkan data anggaran penduduk semasa, Malaysia telah mencapai status negara menua pada tahun 2021 apabila komposisi penduduk umur tua mencecah 7.0 peratus dan terus meningkat kepada 7.4 peratus pada tahun 2023. Anggaran penduduk semasa tahun 2023 menunjukkan Perak mencatatkan peratusan penduduk tua (65 tahun dan lebih) tertinggi dengan 9.7 peratus. Ini diikuti oleh Kedah dan Sarawak masing-masing mencatatkan 8.8 peratus dan 8.3 peratus. Lapan daripada 16 negeri dan wilayah telah mencapai status negeri menua setelah komposisi penduduk umur tua melebihi 7.0 peratus pada tahun 2022.


Carta 8: Peratusan Penduduk Mengikut Kumpulan Umur Utama dan Negeri, Malaysia, 2023^a



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perubahan dalam struktur umur penduduk boleh digambarkan melalui piramid penduduk. Pada tahun 1957, bentuk piramid penduduk adalah progresif dengan tapak yang luas, cerun cekung dan puncak yang tajam. Pada tahun 2020, bentuk piramid penduduk Malaysia lebih regresif, iaitu tapak semakin mengecil dan dijangka kekal sehingga tahun 2040. Puncak yang rata dan lebar menunjukkan populasi penduduk tua semakin meningkat.

Carta 9: Piramid Penduduk Malaysia Pada Tahun 1957 dan Tahun Banci 1970 Serta Tahun Banci 2020 dan Unjuran Tahun 2040



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Situasi ini berkait rapat dengan beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan penduduk tua di Malaysia seperti peningkatan jangkaan hayat bagi lelaki dan perempuan. Perkadaran bagi *baby-boomer's* (individu yang lahir di antara tahun 1946 sehingga 1964) telah beralih kepada fasa yang berumur 65 tahun ke atas dan kadar kesuburan yang rendah di bawah paras penggantian (2.1 anak bagi setiap wanita berumur 15 – 49 tahun) pada peringkat nasional. Kesuburan yang semakin berkurangan dan peningkatan jangkaan hayat telah membawa kepada perubahan struktur umur yang ketara. Median umur penduduk Malaysia telah meningkat dari 17.6 tahun pada tahun 1970 kepada 29.2 tahun pada tahun 2020, iaitu 30.7 tahun pada tahun 2023 dan dianggarkan akan mencapai umur 36.3 tahun pada tahun 2040. Saiz kohort penduduk umur bekerja dan umur tua yang besar telah menyebabkan peningkatan median umur pada tahun 2020.

Penuaan penduduk merupakan satu fenomena individu warga tua menjadi penyumbang sebahagian besar komposisi daripada keseluruhan jumlah populasi (*Ageing in the Twenty-First Century, United Nations, 2012*). Malaysia telah mentakrifkan warga tua atau warga emas sebagai individu yang berumur 60 tahun dan lebih seperti yang diterima pakai dalam *United Nations World Assembly on Ageing di Vienna (United Nations, 1982)* dan dalam kalangan negara-negara ASEAN. Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) telah digubal dan diluluskan oleh kerajaan pada 5 Januari 2011 bagi memberikan perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan golongan warga emas. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah menetapkan tiga kategori penuaan, iaitu *ageing society*, *aged society* dan *super-aged society* yang masing-masing merujuk kepada penduduk berumur 65 tahun dan lebih mencecah 7 peratus, 14 peratus dan 20 peratus.

Jadual 1: Kategori Penuaan Penduduk

Kategori penuaan penduduk	Malaysia	
	Tahun	Peratus penduduk (%)
Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (65 tahun dan lebih)	2023 ¹	7.4
1. <i>Ageing Society</i> (7%)	2020 ²	7.2
2. <i>Aged Society</i> (14%)	2039 ²	14.1
3. <i>Super Aged Society</i> (20%)	2050 ²	19.9
Dasar Warga Emas Negara (DWEN) (60 tahun dan lebih: 15%)	2030 ²	15.3

Nota:

¹ Anggaran Penduduk Semasa, 2023

² Unjuran Penduduk (Semakan Semula), 2010 — 2040 berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan 2010

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengenal pasti dua pemacu utama penuaan penduduk dunia adalah disebabkan oleh penurunan berterusan dalam Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) dan peningkatan jangka hayat. Penurunan TFR dan peningkatan jangka hayat penduduk Malaysia telah menyumbang kepada peningkatan komposisi penduduk tua dan seterusnya menjurus kepada pertambahan bilangan negeri yang mencapai status menua.

Migrasi


Dalam tempoh jangka panjang, migrasi boleh memberi perubahan kepada struktur penduduk. Di bawah penjajahan British, migran Cina datang dalam jumlah yang semakin meningkat pada abad ke-19 dan 40 tahun pertama abad ke-20. Mereka pada mulanya terlibat terutamanya dalam aktiviti perdagangan dan perniagaan, dan kemudian terlibat dengan aktiviti perlombongan dan pertanian⁴. Migran India pula pada mulanya di bawa ke Semenanjung Tanah Melayu untuk aktiviti penanaman gula, kopi, ubi kayu dan kemudiannya tanaman getah. Sebahagian daripada pendatang ini berasimilasi dalam masyarakat tempatan dan kemudiannya menjadi warganegara.

Migrasi memberikan implikasi kepada peningkatan pertumbuhan penduduk. Peningkatan semula jadi yang rendah, kemasukan bersih (*net inflow*) migran dilihat dapat mempengaruhi peningkatan pertumbuhan penduduk sesebuah negara. Tanpa migrasi, penduduk negara maju akan menjadi lebih kecil pada tahun 2050, manakala penduduk negara membangun akan meningkat. Tanpa migrasi, diunjurkan bahawa Amerika Utara dan Oceania akan mencatatkan 13 peratus penduduk yang lebih rendah pada tahun 2050 sekiranya trend migrasi semasa berterusan. Sebaliknya, tanpa migrasi, penduduk Afrika dan Asia diunjurkan akan menjadi satu peratus lebih besar, manakala penduduk Amerika Latin dan Caribbean akan menjadi dua peratus lebih besar⁵.

Pada tempoh sebelum merdeka, pertumbuhan penduduk Malaysia meningkat seiring dengan perkembangan ekonomi. Harga getah meningkat pada tahun 1910 hingga 1912 dan secara tidak langsung migrasi turut meningkat pada tahun 1911 hingga 1913. Sektor pertanian terutamanya getah terus berkembang memberikan implikasi kepada peningkatan permintaan tenaga buruh, seterusnya pertumbuhan penduduk turut meningkat pada tahun 1926 dan 1927, seiring kemasukan tenaga buruh dari luar.

Bilangan migrasi antarabangsa di Malaysia pada tahun 2020 yang diukur melalui bilangan penduduk bukan warganegara telah meningkat kepada 1.23 juta (1991: 0.75 juta), dengan pertumbuhan 5.5 peratus. Penduduk bukan warganegara terus meningkat pada tahun 2010 dengan bilangan 2.3 juta dan pertumbuhan 6.1 peratus. Pertumbuhan warganegara kekal pada kadar 2.6 peratus (2000) dan 2.1 peratus (2010). Penduduk warganegara dan bukan warganegara pada tahun 2020 mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan, masing-masing pada kadar 1.8 peratus dan 1.6 peratus.

Carta 10: Kadar Pertumbuhan Penduduk Mengikut Taraf Kewarganegaraan, Malaysia, 2000 — 2023^e



Sumber: Banci Penduduk dan Perumahan Malaysiadan Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun, 2023e

⁴Striving For Inclusive Development, From Pangkor to a Modern Malaysian State, Sultan Nazrin Shah, 2020


⁵Migration and Population Change - Drivers and Impacts, Population Facts, UN DESA, Disember 2017

Malaysia mempunyai pekerja asing yang terdiri dari negara ASEAN seperti Indonesia, Thailand, Filipina dan Myanmar. Kebanyakan pekerja asing di Malaysia terlibat dalam sektor pembuatan, perladangan, pembinaan dan pertanian. Migrasi antarabangsa telah memberikan pelbagai isu dan cabaran kepada negara asal atau negara destinasi. Migrasi telah memberi kesan kepada ekonomi, pendidikan, kesihatan, keselamatan, masyarakat dan keluarga. Namun, susulan penutupan pintu antarabangsa dan Program Rekalibrasi Pekerja Asing (RTK) yang dilaksanakan susulan penularan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 telah memberikan kesan kepada penurunan bilangan pekerja warga asing dan seterusnya pertumbuhan penduduk bukan warganegara.

Perbandaran

Di peringkat global, penduduk lebih ramai tinggal di kawasan bandar berbanding di kawasan luar bandar, dengan 55 peratus daripada penduduk dunia tinggal di kawasan bandar pada tahun 2018. Hanya 30 peratus penduduk dunia di kawasan bandar pada tahun 1950 dan menjelang 2050, 68 peratus daripada dunia penduduk diunjurkan sebagai penduduk bandar menjelang 2050. Malaysia, sebagai sebuah negara yang sedang membangun mengalami proses perbandaran yang pesat dalam tempoh tiga dekad yang lalu. Penduduk bandar di Malaysia telah meningkat daripada 28.4 peratus pada 1970 kepada 75.1 peratus pada 2020. Penduduk di bandar telah melepasi penduduk di luar bandar pada tahun 1991, iaitu kadar perbandaran ialah 50.7 peratus berbanding 49.3 peratus bagi luar bandar.

Carta 11: Penduduk Mengikut Strata (Kadar Perbandaran), Malaysia, 1970 — 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Proses perbandaran berkait rapat dengan penghijrahan masuk penduduk luar bandar, perubahan aktiviti ekonomi, perkembangan kawasan bandar, pertambahan penyediaan kemudahan perbandaran, perubahan sosial, nilai dan sifat masyarakat tradisional kepada masyarakat moden serta memberikan perubahan guna tanah keseluruhannya.

Kawasan bandar merupakan nadi pertumbuhan ekonomi negara. Sejak mencapai kemerdekaan, Malaysia telah mempergiatkan matlamat pertumbuhan ekonomi yang tinggi dan seterusnya meningkatkan taraf hidup penduduknya. Di Malaysia, sebahagian besar daripada pembangunan ekonomi adalah tertumpu di bandar-bandar yang terletak dalam Konurbasi Nasional, Konurbasi Utara, Konurbasi Selatan dan Konurbasi Timur. Konurbasi ialah sekumpulan pusat bandar yang berdekatan antara satu sama lain dan telah berkembang baik dalam jumlah penduduk dan ruang geografi untuk bergabung. Antara contoh Konurbasi Nasional Lembah Klang termasuk WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan sebahagian negeri Selangor⁶.

⁶Dasar Perbandaran Negara Kedua Semenanjung Malaysia dan WP Labuan

Takrifan bandar yang diguna pakai dalam pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan 2020 ialah kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk 10,000 orang atau lebih. Kawasan tepu bina ditakrifkan sebagai kawasan yang terletak bersebelahan dengan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan lebih) terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

Perubahan struktur ekonomi negara telah beralih daripada sektor pertanian kepada sektor pembuatan pada tahun 1990-an dan seterusnya kepada sektor perkhidmatan turut mempengaruhi transisi dalam struktur pekerjaan. Pertumbuhan ekonomi yang pesat disumbangkan oleh sektor perindustrian khususnya sektor pembuatan dan perkhidmatan yang didirikan di kawasan yang berhampiran dengan bandar utama di negara ini seperti Selangor, Pulau Pinang dan Johor. Hal ini mendorong peningkatan bilangan penduduk di negeri berkenaan disebabkan oleh pergerakan kemasukan migran, dari dalam dan luar negara, ke kawasan bandar dan juga ke kawasan tepu bina yang bersebelahan dengan kawasan teras bandar.

Implikasi Penuaan

• Peningkatan Perbelanjaan Awam

Peningkatan bilangan warga tua yang tidak diimbangi dengan bilangan penduduk muda dan bekerja akan memberikan implikasi kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Senario ini dilihat sebagai satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos perbelanjaan awam khususnya kepada program insurans sosial dan sistem pencen seperti Skim Pencen Perkhidmatan Awam, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta Skim Persaraan Swasta (SPS). Sumbangan kepada dana keselamatan sosial semakin berkurangan, tetapi dana disalurkan kepada warga tua semakin meningkat.

Petikan artikel *How Demographic Drives the Economy* oleh Adam Hayes pada 28 Mei 2021 menyatakan bahawa penduduk yang semakin tua dan pertumbuhan tenaga buruh yang lebih perlahan akan menjejaskan ekonomi. Hal ini mendorong pertumbuhan KDNK menjadi perlahan, nisbah tanggungan bagi umur tua meningkat dan belanjawan awam tertekan akibat bebanan jumlah kos program kesihatan.

• Nisbah Tanggungan Umur Tua Terus Meningkat

Nisbah tanggungan jumlah memaparkan nisbah umur muda (0 – 14 tahun) dan umur tua (65 tahun dan lebih) yang perlu ditanggung bagi setiap 100 penduduk umur bekerja (15 – 64 tahun). Nisbah tanggungan jumlah menurun daripada 44.3 (2020) dan 43.7 (2022) kepada 42.9 (2023). Situasi ini disebabkan penurunan nisbah umur muda (0 – 14 tahun) daripada 33.3 (2022) kepada 32.3 pada tahun 2023. Komposisi umur tua (65 tahun dan lebih) yang telah meningkat daripada 7.2 peratus (2022) kepada 7.4 peratus (2023) mempengaruhi peningkatan nisbah tanggungan umur tua daripada 10.4 peratus (2022) kepada 10.6 peratus (2023).

• Penguncupan Tenaga Buruh

Penuaan penduduk boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi disebabkan oleh pengurangan produktiviti. Penuaan penduduk dijangka mengurangkan kadar penyertaan tenaga buruh dan tabungan serta meningkatkan kebimbangan terhadap pertumbuhan ekonomi lebih perlahan (Bloom et al., 2010)⁷. Perubahan struktur penduduk bagi kumpulan umur bekerja secara beransur-ansur menguncup akan menyebabkan pungutan cukai oleh kerajaan daripada kumpulan umur ini semakin berkurang. Ini secara tidak langsung akan menyekat perbelanjaan negara.

Umur wajib bagi persaraan di Jepun, Amerika Syarikat dan Singapura masing-masing ditetapkan pada 60 tahun, 62 dan 62 – 65 tahun (Kashiwagi, 2018). Sebaliknya, umur persaraan wajib anggota sektor awam di Malaysia dipinda tiga kali dalam tempoh 11 tahun, iaitu daripada 55 tahun kepada 56 tahun, 58 tahun dan terkini kepada 60 tahun yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2012.

• Pengukuhan Sistem Kesihatan

Peningkatan penuaan penduduk mendorong perbelanjaan kerajaan terhadap kos rawatan dan penjagaan kesihatan penduduk meningkat dari semasa ke semasa. Tahap kesihatan secara amnya menurun dan lebih banyak rawatan perubatan diperlukan apabila umur meningkat seperti mendapatkan rawatan di klinik atau hospital, pembedahan, terapi fizikal dan pembelian ubat-ubatan.

Warga tua juga sering dikaitkan dengan penyakit kronik yang memerlukan rawatan dan penjagaan berpanjangan. Peningkatan penyakit *Non-Communicable Diseases* (NCD) seperti kanser, sakit jantung, strok dan diabetes menyebabkan kerajaan perlu menggunakan lebih banyak peruntukan bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan penduduk. Di samping itu, penuaan penduduk mendorong implikasi keperluan untuk geriatrik jangka panjang penjagaan kesihatan. Matlamat penjagaan geriatrik untuk warga emas tidak semestinya untuk menyembuhkan tetapi untuk meningkatkan kesihatan warga emas. Apabila penduduk tua semakin meningkat, perbelanjaan untuk penjagaan kesihatan akan meningkat dan Malaysia telah menyemak semula perbelanjaannya untuk penjagaan kesihatan warga emas. Pada tahun 1970, perbelanjaan penjagaan kesihatan hanya 2.7 peratus daripada KDNK berbanding 4.3 peratus pada tahun 2019.

• Struktur Sosial

Penuaan penduduk bukan sahaja memberi kesan kepada ekonomi negara, malah kepada individu. Individu perlu menyediakan wang persaraan mencukupi atau membuat perancangan bermula sekarang bagi persediaan menghadapi masa tua.

Jangkaan hayat pada umur 60 tahun pada tahun 2020 bagi lelaki dan perempuan, masing-masing 18.2 dan 20.9 tahun dan kehidupan sepanjang jangka hayat ini dengan tanpa pendapatan bulanan sepertimana ketika masih bekerja merupakan satu cabaran besar kepada penduduk tua. KWSP juga telah mengumumkan bahawa kuantum baharu Simpanan Asas akan dinaikkan daripada RM228,000 kepada RM240,000 bermula 1 Januari 2019. Jumlah ini ditetapkan sebagai sasaran simpanan minimum ahli perlu ada apabila mencecah umur 55 tahun untuk menampung keperluan asas persaraan selama 20 tahun, iaitu sehingga 75 tahun⁸.

⁷*Implications of Population Ageing for Economic Growth*, David Bloom, David Canning and Günther Fink, *Oxford Review of Economic Policy*, 2010

⁸Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (13 Februari 2019)

Kesimpulan

Penemuan utama artikel ini menunjukkan bahawa struktur penduduk di Malaysia telah berubah secara mendadak dari tahun 1970 kepada 2020 dan ke arah tahun 2040. Malaysia mensasarkan untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2030 melalui Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Mampan Menuju 2030. Malaysia menggunakan strategi untuk mengekalkan TFR antara 1.9 dan 2.1 sehingga tahun 2030. Antara usaha kerajaan adalah mempelbagaikan pilihan penjagaan kanak-kanak, menekankan penjagaan dan keperluan ibu, membantu pasangan bergelut dengan subkesuburan, menurunkan kos penjagaan anak, dan menyediakan insentif prokesuburan. Usaha juga dibuat untuk menggalakkan *work life balance*, dan penyusunan semula masa kerja yang fleksibel. Disamping itu, kempen gaya hidup sihat dilihat dapat memberikan pendidikan kesihatan dalam membendung NCD selain menawarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan percuma dan bersubsidi disediakan di hospital kerajaan.

Penurunan kadar kesuburan dan kadar kematian telah menyebabkan peningkatan kepada jangkaan hayat penduduk dan memberi kesan kepada penuaan penduduk di Malaysia. Pertumbuhan penduduk semasa adalah penting untuk memberikan tumpuan kepada isu kependudukan yang dijangka berlaku pada masa hadapan terutamanya berkenaan isu-isu baharu yang memberikan kesan kepada perubahan demografi, impak pasaran buruh dan masyarakat. Pelbagai usaha dan strategi yang diambil oleh kerajaan dan pihak berkaitan dilihat mampu mengatasi isu demografi dan seterusnya membetulkan struktur sosioekonomi Malaysia yang akan dijangka semula meliputi kadar pertumbuhan ekonomi, pertumbuhan struktur produktiviti, taraf hidup, kadar simpanan, penggunaan dan pelaburan, trend pasaran perumahan dan permintaan untuk aset kewangan.

Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini hanya pandangan penulis sahaja dan tidak semestinya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

MENGIMBAU SENARIO TENAGA BURUH NEGARA: 2010 — 2022

Nur Qistinna Israrr Ahmad, Siti Aminah Abdullah, Ahmad Thawrique Mohd Taufan,
Muhammad Shafiq Harun dan Nur Layali Mohd Ali Khan

Pengenalan

Mengimbas kembali lebih dari satu dekad yang lalu, landskap ekonomi global mengalami pelbagai perubahan ketara, bermula dengan pemulihan daripada krisis kewangan 2008 sehingga 2009, diikuti ketidakpastian harga minyak global pada 2014 sehingga 2015 dan perubahan landskap geopolitik pasca Brexit pada tahun 2016. Namun, pandemik COVID-19 pada tahun 2020 telah memberi impak terbesar ke atas kedudukan ekonomi dunia dan pasaran buruh sehingga tahun 2021. Sewaktu usaha pemulihan yang dilaksanakan akibat pandemik, persekitaran global sekali lagi dilanda cabaran baharu, termasuk kenaikan inflasi, kadar faedah yang lebih tinggi, pengurangan pelaburan dan ketegangan geopolitik seperti krisis antara Rusia dan Ukraine. Pada masa yang sama, dasar toleransi sifar China terhadap pandemik COVID-19 menambahkan kerumitan terhadap pembangunan ekonomi global.

Malaysia mempamerkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan pada tahun 2022, dipacu oleh aktiviti ekonomi dan sosial yang mampan, didorong oleh permintaan domestik yang berterusan, prestasi pasaran buruh yang lebih baik, permintaan yang berdaya tahan terhadap produk Elektrik & Elektronik (E&E) dan kebangkitan semula sektor pelancongan. Hal ini menghasilkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang berkembang sebanyak 8.7 peratus berbanding 3.1 peratus yang dicapai pada tahun 2021 mencatatkan rekod tertinggi sejak tahun 2000 (8.9 peratus). Bilangan tenaga buruh bertambah 1.4 peratus untuk merekodkan 16.0 juta orang, didorong oleh kenaikan 2.2 peratus dalam penduduk bekerja yang merangkumi 15.4 juta orang. Sebaliknya, pengangguran berkurangan kepada 630.4 ribu, menjadikan kadar pengangguran negara pada 3.9 peratus hampir kembali ke paras pra-pandemik (2021: 4.6%, 2019: 3.3%). Manakala, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) meningkat 0.7 mata peratus tahun ke tahun, mengekalkan kadar tertinggi iaitu 69.3 peratus. Sementara itu, 30.7 peratus penduduk dalam umur bekerja dikelaskan sebagai luar tenaga buruh.

Artikel ini membentangkan naratif kedudukan penawaran buruh dan penerimaan gaji & upah dalam kalangan penduduk berumur 15 hingga 64 tahun sejak sedekad yang lalu mengikut ciri-ciri demografi dan sosioekonomi. Selain itu, artikel ini turut memaparkan penawaran siswazah dalam tenaga buruh dan luar tenaga buruh bagi tahun 2016 hingga 2022.

Latar belakang

Sebahagian besar penduduk umur bekerja, iaitu berumur 15 hingga 64 tahun tergolong dalam tenaga buruh yang menjana pendapatan bagi memastikan kelangsungan serta kesejahteraan hidup. Statistik tenaga buruh memainkan peranan penting dalam memahami dinamik antara majikan dan pekerja, menawarkan pandangan mengenai tindak balas terhadap perubahan faktor seperti harga, keuntungan, gaji & upah dan keadaan kerja. Statistik ini memberikan pandangan menyeluruh mengenai struktur tenaga buruh dan hubungannya dengan ekonomi yang lebih luas, termasuk petunjuk utama seperti bilangan penduduk bekerja, penganggur dan luar tenaga buruh serta KPTB dan kadar pengangguran.

Melihat kepada pulangan keuntungan ekonomi kepada buruh pula, statistik gaji & upah merujuk kepada kadar upah yang diterima oleh pekerja bergaji warganegara Malaysia berumur 15 hingga 64 tahun dalam pekerjaan utama sepenuh masa. Kadar upah ini merangkumi gaji pokok, elaun sara hidup dan lain-lain elaun dalam bentuk tunai atau mata benda seperti makanan dan

penginapan percuma atau konsesi yang dibayar secara tetap dan berkala serta bayaran kerja lebih masa. Ia tidak termasuk bonus dan gratuiti, elaun keluarga dan lain-lain bayaran keselamatan sosial oleh majikan.


Fokus juga diberikan kepada siswazah yang mengambil kira aspek kualiti penawaran buruh dalam pasaran kerja di negara ini. Statistik siswazah dalam penulisan ini ditakrifkan sebagai individu berumur 15 tahun dan lebih dengan sijil tertinggi yang diperoleh daripada universiti, kolej, politeknik, badan yang diiktiraf atau setaraf dalam tempoh pengajian sekurang-kurangnya dua tahun. Siswazah dikelaskan kepada dua kategori pensijilan iaitu diploma dan ijazah.

Kedudukan Tenaga Buruh Negara

Selaras dengan pertumbuhan tahunan penduduk keseluruhan dan penduduk dalam kumpulan umur bekerja, bilangan tenaga buruh di Malaysia merekodkan peningkatan purata 2.7 peratus setahun daripada 12.3 juta orang pada tahun 2010 kepada 16.0 juta orang pada tahun 2022. Selepas mencatatkan pertumbuhan tahunan dalam jajaran 2.0 peratus atau sekitar 300 ribu orang setahun dalam tempoh tahun 2017 sehingga 2019, bilangan tenaga buruh naik dengan kadar yang lebih perlahan, iaitu 0.6 peratus (+86.1 ribu) pada 2020 dengan merekodkan 15.7 juta orang dan 0.8 peratus (+129.5 ribu) pada tahun 2021 dengan merekodkan 15.8 juta orang. Berikutan kelangsungan terhadap operasi aktiviti ekonomi dan sosial negara, momentum pertumbuhan yang lebih baik direkodkan pada tahun 2022, iaitu 1.4 peratus (+224.9 ribu orang) kepada 16.0 juta orang.

KPTB juga menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 4.7 mata peratus dalam tempoh 2010 hingga 2020 iaitu dari 63.7 peratus kepada 68.4 peratus. Namun, peningkatan 0.2 mata peratus dicatatkan pada tahun 2021 kepada 68.6 peratus susulan daripada tindakan kawalan penularan COVID-19. Pada tahun 2022, KPTB telah merekodkan peningkatan 0.7 mata peratus kepada 69.3 peratus.

Carta 1: Tenaga Buruh dan KPTB, Malaysia, 2010 — 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penduduk bekerja pada tahun 2010 merangkumi 61.6 peratus daripada penduduk dalam kumpulan umur bekerja, seperti diukur oleh nisbah guna tenaga kepada penduduk. Nisbah ini meningkat kepada catatan tertinggi sebanyak 66.4 peratus pada tahun 2019 sebelum merekodkan kejatuhan 1.1 mata peratus kepada 65.3 peratus pada tahun 2020. Pada tahun 2021, nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 0.1 mata peratus kepada 65.4 peratus sebelum meningkat lagi sebanyak 1.1 mata peratus untuk merekodkan 66.5 peratus.

Sementara itu, bilangan penduduk bekerja pula meningkat pada kadar purata 2.7 peratus setahun sepanjang tempoh tahun 2010 sehingga 2022, iaitu dari 11.90 juta orang kepada 15.39 juta orang. Selari dengan kedudukan ekonomi pada tahun 2021, penduduk bekerja merekodkan peningkatan sebanyak 0.7 peratus (+107.4 ribu) kepada 15.06 juta orang. Pada tahun 2022, sejumlah 15.39 juta penduduk bekerja direkodkan dengan peningkatan sebanyak 2.2 peratus atau bertambah seramai 327.5 ribu orang. Pertambahan ini lebih besar berbanding peningkatan sekitar 303 ribu orang yang direkodkan setiap tahun bagi tempoh tahun 2017 sehingga 2019.

Carta 2: Penduduk Bekerja dan Nisbah Guna Tenaga Kepada Penduduk, Malaysia, 2010 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Dari sudut komposisi penduduk bekerja di Malaysia, warganegara meliputi lebih 80 peratus daripada penduduk bekerja berbanding sumbangan peratusan sekitar 11.6 sehingga 15.5 peratus penduduk bekerja bukan warganegara. Bilangan penduduk bekerja warganegara sentiasa berada dalam jajaran pertumbuhan positif bagi tempoh tahun 2010 hingga 2022 dengan merekodkan peningkatan purata 2.4 peratus setahun daripada 10.2 juta orang (2010) kepada 13.6 juta orang (2022).

Sementara itu, penduduk bekerja bukan warganegara pula merekodkan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 2.6 peratus bagi tempoh tahun 2010 hingga 2019 daripada 1.68 juta orang kepada 2.24 juta orang. Walaupun mencatatkan pertumbuhan tahunan positif pada kebanyakan masa dari tahun 2010 hingga 2019, peningkatan ketara 16.1 peratus bagi bilangan penduduk bekerja bukan warganegara dilihat pada tahun 2013 berikutan pelaksanaan Program Penyelesaian Menyeluruh Pendatang Asing Tanpa Izin atau singkatannya Program 6P yang bermula pada tahun 2011 bagi menangani kebanjiran pendatang asing tanpa izin ke Malaysia (Rahim et al., 2019).

Selanjutnya, bilangan penduduk bekerja bukan warganegara mula merekodkan penurunan 6.5 peratus pada tahun 2020 diikuti kejatuhan 8.7 peratus pada tahun 2021 bagi merekodkan sebanyak 1.91 juta penduduk bekerja bukan warganegara.

Hal ini susulan daripada penutupan sempadan antarabangsa negara mulai bulan Mac 2020 serta Program Rekalibrasi Pulang pendatang asing tanpa izin pada tahun 2021 (Jabatan Imigresen Malaysia, 2021). Begitu juga, pada tahun 2022 bilangan penduduk bekerja bukan warganegara mencatatkan penurunan sebanyak 6.9 peratus bagi merekodkan 1.78 juta penduduk.


Carta 3: Penduduk Bekerja Mengikut Kewarganegaraan, Malaysia, 2010 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Mengikut taraf pekerjaan, kategori pekerja mewakili sumbangan majoriti daripada jumlah penduduk bekerja, iaitu dalam lingkungan 72.4 sehingga 78.5 peratus bagi tempoh tahun 2010 hingga 2022. Pada tempoh masa yang sama, kategori bekerja sendiri menyumbang sekitar 14.8 sehingga 19.4 peratus kepada keseluruhan penduduk bekerja. Bilangan penduduk bekerja dalam kategori pekerja masih berada pada jajaran pertumbuhan positif dalam tempoh pandemik COVID-19 berikutan usaha mengekalkan pekerja melalui inisiatif Program Subsidi Upah kepada entiti perniagaan. Sebaliknya, kategori bekerja sendiri merekodkan kejatuhan 12.5 peratus pada tahun 2020 diikuti dengan pengurangan 6.4 peratus pada tahun 2021. Perkara ini selari dengan penglibatan kebanyakan penduduk bekerja sendiri dalam pekerjaan tradisional seperti petani, peruncit dan penjaja serta pekerjaan profesional seperti perunding dan pekerja bebas (*freelancer*) yang terjejas kesan daripada pengurangan atau ketiadaan permintaan dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Namun, kategori ini melonjak 4.2 peratus (+94.0 ribu) kepada 2.3 juta orang pada tahun 2022 [Carta 4].


Carta 4: Penduduk Bekerja Mengikut Taraf Pekerjaan, Malaysia, 2010 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Menelusuri profil penduduk bekerja lebih sedekad yang lalu, kumpulan yang bekerja dalam kategori separuh mahir meliputi komposisi terbesar dengan sumbangan melebihi 50 peratus, mewakili 8.99 juta penduduk bekerja pada tahun 2022. Pekerjaan dalam kategori ini adalah pekerja sokongan perkeranian; pekerja perkhidmatan dan jualan; pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan; pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan; dan operator mesin dan loji dan pemasang. Sementara itu, komposisi penduduk yang bekerja dalam kategori mahir iaitu Pengurus; Profesional dan Juruteknik dan profesional bersekutu meliputi sumbangan antara 24.2 sehingga 29.6 peratus. Sejak tahun 2013, penduduk bekerja dalam kategori pekerjaan mahir mencatatkan momentum pertumbuhan yang positif secara berterusan, dengan peningkatan 2.4 peratus (+105.4 ribu orang) pada tahun 2022 kepada 4.56 juta orang.


Carta 5: Penduduk Bekerja Mengikut Tahap Kemahiran, Malaysia, 2010 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Menurut perspektif aktiviti ekonomi, majoriti penduduk bekerja tertumpu dalam sektor Perkhidmatan dengan peratus sumbangan sebanyak 65.0 peratus pada tahun 2022 diikuti oleh Pembuatan (16.8%) dan Pertanian (10.0%). Sementara itu, penduduk bekerja dalam sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing mencatatkan komposisi sebanyak 7.6 peratus dan 0.5 peratus. Dapat dilihat peratusan penduduk bekerja dalam sektor Perkhidmatan semakin berkembang daripada 59.1 peratus yang dicatatkan pada 2010 kepada 65.0 peratus pada 2022. Berbeza pula dengan sumbangan penduduk bekerja dalam sektor Pertanian yang semakin mengecil kepada 10.0 peratus berbanding 12 tahun yang lalu merekodkan 13.6 peratus.


Carta 6: Penduduk Bekerja Mengikut Aktiviti Ekonomi, Malaysia, 2010 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sebelum berlakunya krisis kesihatan awam pandemik COVID-19, kadar pengangguran nasional bagi tempoh 2010 hingga 2019 berada dalam julat antara 2.9 peratus dan 3.4 peratus. Namun, kadar pengangguran melonjak kepada catatan tertinggi iaitu 4.6 peratus pada 2021 dan selanjutnya merekodkan penurunan 0.7 mata peratus kepada 3.9 peratus pada tahun 2022. Selepas mencatatkan peningkatan tahunan 3.1 peratus (+22.0 ribu) penganggur pada tahun 2021, bilangan ini menurun sebanyak 14.0 peratus (-102.6 ribu) pada tahun 2022 dengan merekodkan seramai 630.4 ribu penganggur. Walaupun situasi pengangguran pada 2022 telah menunjukkan pemulihan, namun bilangan penganggur dan kadar pengangguran yang direkodkan masih belum kembali kepada paras pra-pandemik.


Carta 7: Penganggur dan Kadar Pengangguran, Malaysia, 2010 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penganggur aktif ialah mereka yang melaksanakan pelbagai aktiviti carian pekerjaan merangkumi lebih 60 peratus daripada jumlah penganggur. Sumbangan penganggur aktif pada tahun 2022 adalah sebanyak 79.8 peratus yang bersamaan dengan 503.0 ribu orang. Berhubung tempoh menganggur, sumbangan terbesar bagi penganggur aktif adalah mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan iaitu sebanyak 51.4 peratus. Pada masa yang sama, mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi satu tahun terdiri daripada 8.2 peratus pada tahun 2022.

Carta 8: Kategori Penganggur dan Tempoh Menganggur, Malaysia, 2017 — 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Trend Penerimaan Gaji & Upah Bulanan

Lebih 70 peratus daripada penduduk bekerja merupakan mereka yang berada dalam kategori taraf pekerjaan sebagai pekerja. Sebanyak 7.15 juta penerima gaji & upah pada tahun 2010 direkodkan yang meliputi pekerja bergaji dalam sektor awam dan swasta. Selari dengan peningkatan penduduk bekerja, bilangan penerima gaji & upah turut menunjukkan peningkatan kepada 9.95 juta orang pada tahun 2022.

Carta 9: Bilangan Penerima Gaji & Upah Bulanan, Malaysia, 2010 — 2020




Nota: Data merujuk kepada warganegara sahaja

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Dalam tempoh antara tahun 2010 hingga 2022, penengah gaji & upah bulanan yang diterima oleh pekerja bergaji sepenuh masa di sektor awam dan swasta berada dalam trend pertumbuhan tahunan positif dengan merekodkan peningkatan daripada RM1,500 (2010) kepada RM2,442 (2019). Walau bagaimanapun, nilai penengah mencatatkan penurunan dua digit (-15.6%) buat pertama kalinya sejak siri masa ini direkodkan kepada RM2,062 dan kembali meningkat pada tahun seterusnya kepada RM2,250 (2021) dan RM2,424 (2022). Sementara itu, nilai purata gaji & upah yang merekodkan peningkatan daripada RM1,936 kepada RM3,224 bagi tempoh tahun 2010 hingga pada 2019 turut menyusut 9.0 peratus kepada RM2,933 pada 2020. Kemudian, nilai purata gaji & upah beransur meningkat sebanyak 3.6 peratus kepada RM2,037 pada tahun 2021 dan 5.8 peratus kepada RM3,212 pada tahun 2022.

Carta 10: Penengah dan Purata Gaji & Upah Bulanan, Malaysia, 2010 — 2022



Nota: Data merujuk kepada warganegara sahaja

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan penerima gaji & upah bulanan mengikut sektor ekonomi pada 2022, penengah dan purata gaji & upah bulanan tertinggi direkodkan oleh sektor Perlombongan dan pengkuarian masing-masing pada RM4,268 dan RM5,247. Penengah dan purata gaji di sektor Perkhidmatan berada di kedudukan kedua masing-masing dengan RM2,630 dan RM3,416, diikuti oleh sektor Pembuatan dan Pembinaan. Sementara itu, sektor Pertanian merekodkan nilai penengah dan purata gaji & upah bulanan paling rendah iaitu masing-masing pada RM1,504 dan RM1,927 [Jadual 1].

Jadual 1: Penengah dan Purata Gaji & Upah Bulanan Mengikut Aktiviti Ekonomi, Malaysia, 2010 — 2022

Tahun	Jumlah	Aktiviti ekonomi				
		Pertanian	Perlombongan & pengkuarian	Pembuatan	Pembinaan	Perkhidmatan
PENENGAH (RM)						
2010	1,500	780	2,800	1,270	1,200	1,615
2011	1,500	800	2,400	1,320	1,300	1,600
2012	1,566	900	2,500	1,500	1,300	1,706
2013	1,700	900	2,800	1,500	1,500	1,814
2014	1,800	1,044	3,500	1,700	1,500	2,000
2015	1,942	1,130	3,600	1,610	1,560	2,000
2016	2,000	1,200	3,690	1,800	1,630	2,165
2017	2,160	1,350	3,700	1,900	1,900	2,260
2018	2,308	1,392	3,703	1,959	2,164	2,431
2019	2,442	1,531	3,968	1,967	2,169	2,672
2020	2,062	1,291	3,402	1,908	1,856	2,268
2021	2,250	1,490	3,921	1,976	1,781	2,550
2022	2,424	1,504	4,268	2,205	1,839	2,630
PURATA (RM)						
2010	1,936	1,159	3,544	1,691	1,646	2,064
2011	1,959	1,182	3,557	1,709	1,767	2,068
2012	2,052	1,229	3,441	1,884	1,814	2,143
2013	2,186	1,218	3,558	1,969	1,908	2,301
2014	2,377	1,351	5,016	2,154	2,024	2,492
2015	2,487	1,543	4,295	2,187	2,131	2,618
2016	2,657	1,729	4,940	2,348	2,220	2,784
2017	2,879	1,825	5,706	2,443	2,587	3,028
2018	3,087	1,865	6,017	2,565	2,821	3,253
2019	3,224	1,997	6,154	2,616	2,854	3,426
2020	2,933	1,598	5,064	2,542	2,557	3,103
2021	3,037	1,776	5,040	2,606	2,347	3,254
2022	3,212	1,927	5,247	2,813	2,535	3,416


Nota: Data merujuk kepada warganegara sahaja

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Melihat kepada siri masa gaji & upah bulanan yang diterima oleh pekerja bergaji, kelima-lima sektor menunjukkan peningkatan nilai purata dan penengah dari tahun 2010 hingga 2019. Selaras dengan senario pasaran buruh yang mencabar pada 2020, penyusutan gaji & upah bulanan direkodkan oleh semua sektor pada tahun tersebut. Penengah gaji & upah bulanan merekodkan pengurangan peratus tahunan dua digit di semua sektor ekonomi iaitu dalam julat negatif 15.7 peratus hingga negatif 14.3 peratus, kecuali sektor Pembuatan yang menyusut pada kadar 3.0 peratus.

Semua sektor pada tahun 2021 kembali mencatatkan peningkatan yang signifikan dalam nilai penengah gaji dan upah bulanan kecuali sektor pembinaan yang mengalami penurunan sebanyak 4.0 peratus. Namun, kesemua sektor merekodkan pertumbuhan positif pada tahun 2022 dengan sektor Pertanian mencatat pertumbuhan terendah sebanyak 0.9 peratus, sementara pertumbuhan tertinggi direkodkan oleh sektor Pembuatan dengan 11.6 peratus [Carta 11].

Carta 11: Perubahan Tahunan bagi Penengah Gaji & Upah Bulanan, Malaysia, 2011 — 2022




Nota: Data merujuk kepada warganegara sahaja

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sementara itu, purata gaji & upah bulanan di sektor Pertanian naik 8.5 peratus berbanding tahun 2021. Dua lagi sektor ekonomi yang mencatatkan peningkatan yang signifikan purata gaji & upah adalah Perlombongan dan pengkuarian (4.1%) serta Pembinaan (8.0%). Pada masa yang sama, purata gaji & upah bagi sektor Perkhidmatan dan Pembuatan masing-masing menunjukkan sedikit peningkatan pada kadar 5.0 peratus dan 7.9 peratus.


Carta 12: Perubahan Tahunan Bagi Purata Gaji & Upah Bulanan, Malaysia, 2011 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Perbandingan secara relatif dengan negara terpilih di rantau Asia Tenggara dalam mata wang USD, purata gaji & upah bulanan bagi Malaysia berada di kedudukan kedua. Namun, dapat dilihat jurang gaji yang besar antara Malaysia dan Singapura yang berada pada kedudukan pertama.

Carta 13: Purata Gaji & Upah Bulanan Malaysia & Negara Terpilih di Asia Tenggara, 2021




Sumber: International Labour Organization, ILOSTAT

Penawaran Buruh Siswazah

Bilangan siswazah di negara ini meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 0.38 peratus bagi tempoh tahun 2016 hingga 2022, iaitu daripada 4.28 juta orang kepada 5.92 juta orang. Secara keseluruhannya, bilangan siswazah telah meningkat sebanyak 1.64 juta orang dalam tempoh enam tahun. Namun, perubahan peratus tahunan yang lebih perlahan iaitu 4.4 peratus direkodkan pada 2020 susulan penangguhan kemasukan ke semester baharu di institusi pengajian tinggi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun tersebut. Walaupun pandemik COVID-19 terus mencatatkan peningkatan pada tahun 2021, pelbagai langkah kawalan secara bersasar dilaksanakan di samping inisiatif mempertingkatkan kadar vaksinansi COVID-19 kepada penduduk dewasa dan remaja di negara ini. Di sebalik pelbagai tempoh PKP dan prosedur operasi standard yang ketat yang mengehadkan interaksi secara fizikal bagi pengoperasian institusi pendidikan tinggi di negara ini, kaedah serta peralatan digital telah diguna pakai dalam memastikan pelaksanaan kurikulum pendidikan sepanjang tahun 2021. Mulai Oktober tahun tersebut, pelajar institusi pengajian tinggi telah dibenarkan untuk kembali ke kampus bagi sesi akademik 2021/ 2022. Walaupun sempadan antarabangsa negara masih ditutup, pelajar antarabangsa dibenarkan masuk dan kembali ke Malaysia sejak Januari 2021. Sehubungan itu, bilangan siswazah meningkat 4.7 peratus pada tahun 2021, meliputi komposisi 22.1 peratus daripada penduduk umur bekerja 15 tahun dan lebih. Peningkatan tersebut berterusan pada tahun 2022 dengan pertambahan sebanyak 5.1 peratus, membentuk komposisi sebanyak 23.1 peratus.

Melihat kepada komposisi siswazah mengikut kategori sijil, peratusan siswazah yang berkelulusan ijazah sentiasa melebihi siswazah yang berkelulusan diploma. Sumbangan siswazah berkelulusan ijazah meningkat daripada 50.8 peratus pada tahun 2016 kepada 53.9 peratus pada tahun 2022. Dari segi bilangan, siswazah lulusan ijazah meningkat pada kadar 6.7 peratus setahun daripada 2.17 juta orang (2016) kepada 3.19 juta orang (2022) manakala siswazah lulusan diploma meningkat pada kadar purata 4.3 peratus daripada 2.11 juta orang (2016) kepada 2.73 juta orang (2022) [Carta 14].


Carta 14: Bilangan Siswazah, Malaysia, 2016 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Siswazah bekerja meningkat 1.39 juta orang daripada 3.48 juta orang pada tahun 2016 kepada 4.87 juta orang pada tahun 2022. Selari dengan pertumbuhan positif siswazah bekerja dalam tempoh enam tahun ini, pecahan mengikut sijil menunjukkan bilangan siswazah bagi kedua-dua kategori juga menunjukkan peningkatan sejak tahun 2016.

Carta 15: Siswazah Bekerja, Malaysia, 2016 — 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sama seperti penduduk bekerja keseluruhan, sebahagian besar siswazah bekerja adalah dalam kategori taraf pekerjaan sebagai pekerja. Malahan, komposisi pekerja siswazah dalam tempoh enam tahun melebihi 80 peratus iaitu sekitar 84.2 sehingga 90.3 peratus. Siswazah bekerja dalam kategori ini sentiasa merekodkan peningkatan tahun ke tahun, dengan pertumbuhan pada 5.4 peratus kepada 4.37 juta orang pada tahun 2022.

Siswazah bekerja sendiri yang juga boleh dikaitkan dengan keusahawanan merangkumi sumbangan 4.6 peratus pada tahun 2022. Bilangan siswazah dalam kategori ini berada dalam trend pengurangan sejak tahun 2019, merekodkan penyusutan 36.7 peratus pada tahun 2021 kepada 194.9 ribu orang. Sebaliknya, terdapat peningkatan sebanyak 14.7 peratus kepada 223.5 ribu orang siswazah yang bekerja sendiri pada tahun 2022.


Carta 16: Siswazah Bekerja Mengikut Taraf Pekerjaan, Malaysia, 2016 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Seiring dengan peranan sektor Perkhidmatan yang mendominasi sumbangan kepada ekonomi, siswazah bekerja sebahagian besarnya tertumpu di sektor tersebut dengan komposisi hampir 80 peratus. Siswazah bekerja dalam sektor Perkhidmatan pada tahun 2022 meliputi sumbangan sebanyak 76.7 peratus (3.73 juta orang). Sebanyak 14.4 peratus lagi (702.1 ribu orang) daripada siswazah bekerja adalah di dalam sektor Pembuatan, diikuti 5.7 peratus dalam sektor Pembinaan (279.7 ribu orang). Pada masa yang sama, sektor Pertanian dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang 2.2 peratus (105.2 ribu orang) dan 0.9 peratus (45.7 ribu orang).

Carta 17: Siswazah Bekerja Mengikut Aktiviti Ekonomi, Malaysia, 2016 — 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan kelayakan dan kemahiran yang dimiliki, tentunya sebahagian besar siswazah bekerja dalam kategori pekerjaan mahir. Namun, peratusan siswazah dalam kategori ini menyusut daripada 77.1 peratus pada tahun 2016 kepada 65.6 peratus pada tahun 2022. Cabaran struktur pasaran buruh yang semakin ketara dalam tempoh pandemik menyaksikan komposisi dan bilangan siswazah dalam kategori mahir terus merekodkan pengurangan, manakala trend peningkatan dapat diperhatikan bagi kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah. Kedua-dua kumpulan ini boleh dikaitkan sebagai ketidaksepadanan pasaran buruh mengambil kira pendidikan, pengetahuan dan kemahiran siswazah tidak dapat digunakan sepenuhnya dalam pekerjaan semasa, memberi petunjuk kepada peningkatan dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran.

Hampir dua pertiga daripada siswazah bekerja (65.6%) pada tahun 2022 adalah dalam kategori pekerjaan mahir, mewakili 3.19 juta orang. Sementara itu, 32.8 peratus (1.60 juta) lagi siswazah bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir, diikuti 1.6 peratus (78.1 ribu) bekerja dalam kategori berkemahiran rendah.


Carta 18: Siswazah Bekerja Mengikut Tahap Kemahiran, Malaysia, 2016 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Salah satu dimensi ketidakcekan buruh boleh dikaitkan dengan kemahiran yang mana merujuk kepada siswazah bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah. Trend menaik dilihat pada kadar penggunaan tenaga kerja tidak sepenuhnya berkaitan dengan kemahiran mengalami peningkatan, daripada 22.9 peratus pada tahun 2016 menjadi 26.7 peratus pada tahun 2019. Isu struktur di pasaran buruh terus mengalami pertambahan yang ketara sejak krisis kesihatan pada tahun 2020, mencapai 31.2 peratus pada tahun tersebut dan meningkat kepada 33.8 peratus pada tahun 2021. Sekitar satu per tiga siswazah pada tahun 2022 berada dalam guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran iaitu 34.4 peratus atau 1.68 juta orang [Carta 19].


Carta 19: Guna Tenaga Tidak Penuh Siswazah Berkaitan Kemahiran, Malaysia, 2016 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar pengangguran siswazah menurun daripada 4.0 peratus pada tahun 2016 kepada 3.9 peratus pada tahun 2019 dengan merekodkan bilangan penganggur siswazah sebanyak 165.2 ribu orang. Kadar ini meningkat 0.5 mata peratus kepada 4.4 peratus pada tahun 2020 selari dengan senario pengangguran nasional pada tahun tersebut. Justeru, bilangan penganggur siswazah meningkat 22.5 peratus kepada 202.4 ribu orang. Situasi penganggur bertambah baik dengan kadar pengangguran turun 0.7 mata peratus kepada 3.7 peratus, bilangan penganggur yang direkodkan iaitu 187.8 ribu orang lebih tinggi berbanding tempoh pra-pandemik pada 2019.


Carta 20: Penganggur dan Kadar Pengangguran Siswazah, Malaysia, 2016 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sekitar 14 hingga 17 peratus daripada siswazah dalam kumpulan umur bekerja berada di luar tenaga buruh dari tahun 2016 hingga 2022. Bilangan siswazah di luar tenaga buruh pada tahun 2021 meningkat sebanyak 5.1 peratus kepada 841.8 ribu orang selepas merekodkan pengurangan 5.1 peratus pada tahun 2020 dan terus merekodkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus (+862.6 ribu orang) pada tahun 2022 [Carta 21].

Carta 21: Siswazah Luar Tenaga Buruh, Malaysia, 2016 — 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Berdasarkan taburan siswazah di luar tenaga buruh pada tahun 2022 mengikut sebab tidak mencari pekerjaan, lebih daripada satu per tiga iaitu sebanyak 32.4 peratus (279.8 ribu orang) adalah kerana kerja rumah atau tanggungjawab keluarga. Mereka yang sedang bersekolah atau mengikuti program latihan terdiri daripada 26.1 peratus (225.0 ribu orang), sementara 2.3 peratus (19.6 ribu orang) akan melanjutkan pelajaran. Oleh itu, pendidikan dan latihan merupakan sebab kedua siswazah berada di luar tenaga buruh. Manakala, 37.1 peratus siswazah berada di luar tenaga buruh kerana mereka telah bersara atau lanjut umur (319.9 ribu orang) diikuti sebanyak 1.0 peratus (8.3 ribu orang) hilang upaya. Di samping itu, sumbangan sebanyak 1.2 peratus (10.0 ribu orang) daripada siswazah luar tenaga buruh tidak mencari pekerjaan disebabkan tidak berminat atau baru tamat belajar.

Kumpulan yang sedang belajar atau akan melanjutkan pelajaran dilihat sebagai berpotensi menyertai pasaran buruh selepas tamat belajar. Namun, bagi yang tidak aktif kerana kerja rumah/ tanggungjawab keluarga, potensi dan kelayakannya boleh dimanfaatkan dalam pasaran buruh melalui aturan kerja fleksibel melalui perkembangan teknologi digital.

Carta 22: Peratus Sumbangan Siswazah Luar Tenaga Buruh Mengikut Sebab Tidak mencari pekerjaan, Malaysia, 2016 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kesimpulan

Meskipun menghadapi pelbagai cabaran dalam dan luar negara dari tahun 2010 hingga 2022, prestasi tenaga buruh Malaysia kekal positif, terutama dengan penurunan kadar pengangguran negara kepada paras terendah sejak pandemik COVID-19, iaitu 3.9 peratus pada tahun 2022. Kejayaan ini mencerminkan kestabilan asas ekonomi negara dan kemampuan pemulihan dari kesan pandemik, yang dihasilkan daripada aktiviti ekonomi dan sosial yang berterusan. Pada masa yang sama, situasi penganggur siswazah bertambah baik dengan kadar pengangguran menurun kepada 3.7 peratus. Penurunan ini menunjukkan momentum pemulihan keseluruhan, yang dicapai melalui pelaksanaan inisiatif kerajaan seperti program Jamin Kerja-Insentif Penggajian (JKIP) dan pendirian Portal Pekerjaan Negara, MyFutureJobs.

Peralihan ke fasa endemik pada April 2022 yang melibatkan pembukaan semula sempadan antarabangsa dan kebenaran aktiviti pelancongan dan perniagaan beroperasi pada kapasiti pekerja dan jam bekerja optimum telah berupaya mengekalkan keadaan ekonomi dan pasaran buruh yang positif. Seiring dengan penggunaan teknologi dan automasi, perkembangan ini juga telah membuka peluang untuk pekerjaan mahir dengan nilai ditambah yang tinggi diisi oleh tenaga buruh tempatan. Hal ini turut menyumbang kepada peningkatan produktiviti serta pengekalan kemahiran oleh majikan dan seterusnya menangani isu-isu struktur seperti ketidaksepadanan kemahiran dan ketidaksetaraan upah.

Menjelang tahun seterusnya, ekonomi Malaysia dijangka bertambah baik didorong oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan dan pemulihan permintaan luaran. Dalam keadaan tersebut, pasaran buruh dijangka kekal stabil, selari dengan perkembangan ekonomi semasa dan kemajuan teknologi yang terhasil daripada pelaburan bernilai tinggi yang disokong oleh inisiatif kerajaan yang berterusan. Dengan pendekatan proaktif untuk menangani cabaran dan memanfaatkan peluang, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk mengekalkan momentumnya dan memupuk pertumbuhan inklusif bagi kesemua segmen masyarakat. Namun begitu, prospek itu tertakluk kepada potensi cabaran global dan domestik serta trend pasaran yang berubah-ubah berpunca daripada situasi luar jangka yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini hanya pandangan penulis sahaja dan tidak semestinya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

STATISTIK PERBELANJAAN DAN GAYA HIDUP ISI RUMAH BELIA 2022

Tassha Hilda Adnan dan Siti Ruhaya Sujunu

Pengenalan

Bilangan penduduk belia¹ di Malaysia pada tahun 2022 berjumlah 8.5 juta orang. Golongan ini merupakan sebahagian daripada penduduk bekerja berumur 15 — 64 tahun yang menyumbang dalam aktiviti ekonomi termasuk mewujudkan permintaan domestik yang sangat penting dalam menggerakkan ekonomi Malaysia.

Perbelanjaan penggunaan isi rumah ialah perbelanjaan penggunaan persendirian untuk barangan dan perkhidmatan sepanjang tempoh rujukan. Perbelanjaan merujuk kepada nilai barangan dan perkhidmatan yang diperoleh, digunakan atau dibayar oleh isi rumah melalui pembelian, pengeluaran sendiri, melalui pertukaran barangan dan perkhidmatan atau pendapatan. Perbelanjaan bukan penggunaan isi rumah merujuk kepada pembayaran ke atas perkhidmatan kewangan dan lain-lain bayaran kepada kerajaan untuk tujuan meningkatkan hasil negara, contohnya seperti cukai pendapatan, caruman keselamatan sosial, pembayaran balik pinjaman dan pelaburan. Kedua-dua kategori perbelanjaan ini membentuk perbelanjaan semasa isi rumah. Walau bagaimanapun, penggunaan ini tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada jumlah perbelanjaan isi rumah.

Analisis perbelanjaan ini memberikan tumpuan kepada isi rumah diketuai belia yang berumur 15 hingga 30 tahun berdasarkan Survei Perbelanjaan Isi Rumah, 2022.

Isi Rumah Belia di Malaysia

Profil Taburan Isi Rumah


Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata pada tahun 2022 di Malaysia adalah RM5,150. Purata ini dipengaruhi oleh corak perbelanjaan oleh isi rumah belia yang meliputi seramai 1.0 juta atau 11.3 peratus daripada jumlah isi rumah di Malaysia. Negeri Selangor mencatatkan peratusan isi rumah belia tertinggi (28.0%) manakala terendah adalah di WP Putrajaya dan WP Labuan (0.3%) (Carta 1).

Paparan 1: Taburan Isi Rumah Mengikut Kumpulan Umur Ketua Isi Rumah, Malaysia, 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


¹ Dasar Belia Malaysia 2015 mendefinisikan belia sebagai mereka yang berumur 15 hingga 30 tahun

Carta 1: Taburan Isi Rumah Belia mengikut Negeri, Malaysia

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Profil di kalangan isi rumah belia menunjukkan peratusan terbesar adalah isi rumah diketuai belia berumur 26 — 30 tahun (72.4%) diikuti umur 21 — 25 tahun (24.3%) dan 15 — 20 tahun (3.3%). Pada lingkungan umur yang masih muda, majoriti belia dikategorikan masih dalam peringkat awal memulakan pekerjaan dan berpendapatan rendah dan sederhana. Bagi isi rumah yang diketuai oleh belia, komposisi ahli isi rumah yang mempunyai bayi adalah sebanyak 5.3 peratus, manakala ahli isi rumah yang mempunyai pelajar pula adalah sebanyak 22.8 peratus. Komposisi ahli isi rumah yang mempunyai warga emas adalah sebanyak 31.0 peratus.

Bagi isi rumah belia mengikut kumpulan etnik warganegara pula menunjukkan peratusan isi rumah tertinggi terdiri daripada etnik Bumiputera iaitu sebanyak 62.5 peratus diikuti etnik Cina (12.8%), India (5.9%) dan Lain-lain (0.8%).

Carta 2: Taburan Isi Rumah Belia mengikut Kelas Umur dan Kumpulan Etnik Utama Ketua Isi Rumah, Malaysia, 2022

Nota: Etnik utama merujuk kepada warganegara Malaysia

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Secara purata, saiz isi rumah belia ialah 3.4 orang berbanding keseluruhan isi rumah Malaysia (3.8 orang). Dari segi peratusan, isi rumah belia yang tinggal berseorangan meliputi 8.3 peratus daripada keseluruhan isi rumah. Sementara itu, isi rumah dengan dua dan tiga orang ahli pula masing-masing merangkumi 21.9 peratus dan 29.3 peratus, diikuti isi rumah yang mempunyai empat orang ahli dan lebih (40.5%). Secara purata, bilangan penerima pendapatan isi rumah belia di Malaysia ialah 1.8 orang.

Statistik Pendapatan

Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata bagi isi rumah belia pada tahun 2022 ialah RM6,701 iaitu meningkat 2.2 peratus daripada RM6,273 pada tahun 2019. Manakala pendapatan penengah adalah RM5,576 iaitu meningkat daripada RM5,273 pada tempoh sama dengan kadar pertumbuhan 1.9 peratus. Sementara itu, kumpulan isi rumah belia B40 mencatatkan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata sebanyak RM3,663 berbanding isi rumah belia M40 (RM7,729) dan T20 (RM15,755).

Statistik Perbelanjaan

1. Corak Perbelanjaan Isi Rumah

Sebahagian besar perbelanjaan isi rumah di Malaysia adalah bagi Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (23.2%); Makanan & minuman (16.3%); Restoran & perkhidmatan penginapan (16.1%) dan Pengangkutan (11.3%).

Jadual 1: Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Belia, Malaysia, 2022

Kumpulan Utama Perbelanjaan	Keseluruhan		Belia	
	RM	(%)	RM	(%)
Makanan & minuman	841	16.3	750	16.9
Minuman alkohol & tembakau	95	1.8	85	1.9
Pakaian & kasut	140	2.7	130	2.9
Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain	1,193	23.2	1,011	22.8
Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah	242	4.7	195	4.4
Kesihatan	141	2.8	117	2.6
Pengangkutan	584	11.3	476	10.7
Maklumat & komunikasi	337	6.6	302	6.8
Rekreasi, sukan, & kebudayaan	156	3.0	107	2.4
Perkhidmatan pendidikan	68	1.4	33	0.7
Restoran & perkhidmatan penginapan	831	16.1	799	18.0
Insurans & perkhidmatan kewangan	208	4.0	174	3.9
Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barangan dan perkhidmatan	314	6.1	252	5.7
Perbelanjaan penggunaan isi rumah purata	5,150	100.0	4,430	100.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata isi rumah belia ialah RM4,430. Isi rumah belia juga cenderung berbelanja lebih tinggi untuk Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain dengan 22.8 peratus. Ini diikuti untuk Makanan & minuman (16.9%) dan Restoran & perkhidmatan penginapan (18.0%). Peratusan perbelanjaan yang paling rendah bagi belia ialah untuk Minuman alkohol & tembakau (1.9%) dan Perkhidmatan Pendidikan (0.7%).

2. Analisis Corak Perbelanjaan Isi Rumah Belia

2.1 Kumpulan Pendapatan

Isi rumah belia B40 memperuntukkan 23.1 peratus perbelanjaannya untuk Makanan & minuman berbanding isi rumah belia M40 (17.1%) dan T20 (11.2%). Bagi perbelanjaan Pengangkutan, kumpulan pendapatan B40 berbelanja lebih rendah sebanyak 10.6 peratus berbanding M40 (10.9%) dan T20 (12.5%). Bagi perbelanjaan Perkhidmatan pendidikan dan Minuman alkohol & tembakau, ketiga-tiga kumpulan pendapatan isi rumah belia menunjukkan peratusan yang rendah.

Carta 3: Komposisi Perbelanjaan Penggunaan Isi Rumah Belia Mengikut Kumpulan Pendapatan, Malaysia, 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

2.2 Barangan Keutamaan Perbelanjaan

Berdasarkan pola perbelanjaan, komitmen bulanan isi rumah belia tertumpu kepada perbelanjaan bagi kumpulan item Makan di luar rumah dan juga Makan di rumah. Kedua-dua item tersebut memiliki peratusan yang tinggi iaitu 17.5 peratus dan 16.9 peratus berbanding dengan item perbelanjaan yang lain. Seterusnya, peratusan bagi Bayaran sewa juga merupakan item perbelanjaan yang tinggi selepas perbelanjaan terhadap makanan.

Jadual 2: Barangan dan Perkhidmatan Keutamaan Perbelanjaan Isi Rumah Belia, Malaysia, 2022


Barangan / Perkhidmatan	Purata (RM)	Peratus (%)
Bayaran sewa	358.70	8.1
Bayaran sewa (dinilai)	422.40	9.5
Makan di luar rumah	775.30	17.5
Makan di rumah	750.30	16.9
Pengangkutan persendirian	433.60	9.8
Pengangkutan awam	36.10	0.8
Bayaran bil & prabayar telefon bimbit	126.30	2.9
Bayaran internet & telekomunikasi gabungan	81.50	1.8

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

2.3 Perbelanjaan Makanan di Luar Rumah

Dapatan survei menunjukkan peratusan tertinggi bagi item Makan di luar rumah adalah masakan berasaskan mee iaitu sebanyak 10.7 peratus isi rumah, diikuti nasi campur/ nasi kerabu/ nasi paprik/ nasi dagang (9.8%) dan makanan lain (5.2%). Paparan 2 menunjukkan 10 jenis makanan di luar rumah yang menjadi pilihan isi rumah belia di Malaysia.

Paparan 2: Peratusan Tertinggi Isi Rumah Belia bagi 10 Item Perbelanjaan Makan di Luar Rumah, Malaysia, 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

2.4 Komunikasi

Trend perbelanjaan bagi kumpulan Komunikasi di Malaysia menunjukkan perbandingan perbelanjaan relatif kecil iaitu menyumbang hanya 6.6 peratus pada tahun 2022 daripada jumlah perbelanjaan penggunaan isi rumah, tetapi lebih tinggi berbanding Kesihatan dan Perkhidmatan pendidikan. Namun begitu, bagi isi rumah belia, perbelanjaan ke atas Komunikasi sedikit tinggi iaitu 6.8 peratus. Perbelanjaan bagi bil & prabayar telefon bimbit memiliki peratusan tertinggi iaitu 46.9 peratus, diikuti bayaran internet & telekomunikasi gabungan (30.3%), perkhidmatan maklumat & komunikasi lain (13.0%) dan peralatan telefon bimbit (9.8%).

Jadual 3: Peratusan Perbelanjaan Bulanan Sub-Kumpulan Komunikasi bagi Isi Rumah Belia, Malaysia, 2022

Sub-Kumpulan Komunikasi	Peratus (%)
Bayaran bil & prabayar telefon bimbit	46.9
Bayaran internet & telekomunikasi gabungan	30.3
Perkhidmatan maklumat & komunikasi lain	13.0
Peralatan telefon bimbit	9.8
Perbelanjaan kumpulan Komunikasi	100.0


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

2.5 Penjagaan Kesihatan

Penjagaan kesihatan yang baik membolehkan seseorang mengecapi kehidupan yang produktif dan menyumbang dalam ekonomi. Statistik perbelanjaan Kesihatan oleh isi rumah belia pada tahun 2022 ialah 2.6 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan penggunaan isi rumah.

Perbelanjaan isi rumah belia mengikut tiga sub-kumpulan kesihatan menunjukkan perbelanjaan purata di bandar lebih tinggi berbanding luar bandar. Sub-kumpulan perbelanjaan Barangan perubatan yang meliputi ubat-ubatan, suplemen dan alat rawatan menjadi penyumbang tertinggi dengan purata RM91.50. Isi rumah belia yang diketuai oleh perempuan berbelanja lebih tinggi dengan purata RM133.80 sebulan berbanding lelaki (RM112.20).

Carta 4: Purata Perbelanjaan Barangan dan Perkhidmatan Kesihatan bagi Isi Rumah Belia mengikut Strata, Malaysia, 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini hanya pandangan penulis sahaja dan tidak semestinya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

PENGUKURAN KUASA BELI MENGGUNAKAN KALKULATOR INFLASI

Maslina binti Samsudin, Siti Faizah Hanim binti Md. Matar dan Nur Fazlin binti Abdullah

Pengenalan

Kadar inflasi pada tahun 2022 meningkat 3.3 peratus berbanding 2.5 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan oleh pelbagai factor, termasuk kenaikan harga komoditi dan minyak global, pengukuhan nilaimata wang Amerika Syarikat (USD) berbanding mata wang utama dan isu geopolitik (DOSM, 2023)

Inflasi ialah kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan dan amnya akan mengakibatkan penurunan kuasa beli kerana isi rumah dan individu perlu membayar lebih untuk jumlah barangan dan perkhidmatan yang sama seperti dibeli sebelum ini. Beberapa organisasi statistik antarabangsa seperti *Bureau of Labor Statistics*, Amerika Syarikat dan *StatsCan*, Kanada telah membangunkan kaedah ini sebagai satu alat yang mudah diakses secara dalam talian yang dikenali sebagai kalkulator inflasi. Aplikasi ini dibangunkan untuk menentukan dan mengira nilai barangan dan perkhidmatan bagi tahun-tahun yang lepas dan menukar harga dari tahun lepas kepada harga hari ini.

Kalkulator inflasi ialah satu alat yang berguna untuk memperoleh anggaran perubahan harga umum dan perkaitan perubahan dalam kuasa beli. Aplikasi kalkulator ini sesuai digunakan bagi anggaran kuasa beli untuk sejumlah wang antara dua titik masa, atau jumlah inflasi yang telah berlaku antara titik masa tertentu, sebagaimana yang diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP). Aplikasi ini juga boleh digunakan untuk membuat perbandingan perubahan dalam harga item atau perkhidmatan tertentu dengan pergerakan harga secara umum (Howard, G.,2004).

Malaysia turut membangunkan kalkulator inflasi ini pada tahun 2019 bagi mengukur perubahan dalam kuasa beli isi rumah di Malaysia. Kuasa beli ialah jumlah barangan dan perkhidmatan yang boleh dibeli dengan unit mata wang dan di Malaysia diukur dalam Ringgit Malaysia (RM).

Kuasa beli adalah berbeza mengikut individu dan isi rumah. Apabila peningkatan pendapatan semasa isi rumah adalah lebih rendah daripada kenaikan tingkat harga, kemampuan mereka untuk berbelanja akan berkurangan. Hal ini berlaku kerana pendapatan benar setelah mengambil kira faktor inflasi akan menurun. Manakala pendapatan benar yang lebih tinggi bermakna kuasa beli yang lebih tinggi (Oner, IMF).

Dalam konteks Malaysia, kalkulator inflasi ini mengukur bagaimana kuasa beli dalam RM telah berubah dalam tempoh yang lama dengan menggunakan maklumat Indeks Harga Pengguna (IHP) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). IHP yang tersedia adalah dari tempoh Januari 1980 sehingga bulan Disember 2023. Justeru, objektif utama penulisan artikel ini adalah untuk memaklumkan mengenai pengukuran kuasa beli menggunakan IHP sama ada melalui kaedah formula atau pengiraan secara atas talian dikenali dengan kalkulator inflasi.

Perbezaan Nilai Duit yang Dibelanjakan

Pengukuran perubahan kuasa beli menggunakan IHP boleh mengukur nilai atau kos yang dibelanjakan dalam dua keadaan iaitu:

- i. Mendapatkan nilai perbelanjaan bagi tempoh-tempoh lepas bagi tahun berdasarkan kepada perbelanjaan barangan & perkhidmatan yang dibayar pada tahun terkini. Contohnya, seseorang berbelanja bagi bakul barangan & perkhidmatan berjumlah RM150 pada (Disember 2023), berapakah nilai yang perlu dibayar pada Januari 1980. Oleh itu, untuk mendapatkan nilai yang perlu dibayar pada Januari 1980, pengiraan adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

$$\text{Nilai Jan 1980} = \text{Nilai Disember 2023} * \left(\frac{\text{IHP Jan 1980}}{\text{IHP Disember 2023}} \right)$$

- ii. Pada masa yang sama, ia juga boleh digunakan untuk mendapatkan nilai pada tahun terkini berdasarkan nilai yang telah dibayar pada 43 tahun yang lalu (1980). Contohnya, sekiranya seseorang membayar RM150 bagi bakul barangan & perkhidmatan pada Januari 1980, berapakah nilai yang dibayar pada hari ini (Disember 2023). Justeru, pengiraan adalah seperti ditunjukkan di bawah:

$$\text{Nilai Disember 2023} = \text{Nilai Jan 1980} * \left(\frac{\text{IHP Disember 2023}}{\text{IHP Jan 1980}} \right)$$

Jadual 1: Ilustrasi Pengiraan

	Nilai dibayar (RM)	IHP Januari 1980	IHP Disember 2023	Nilai Januari 1980 (RM)	Nilai Disember 2023 (RM)
Disember 2023	150		131.20	45.96	
Januari 1980	150	46.38			489.55

Ilustrasi pada Jadual 1 menunjukkan bahawa kos barangan & perkhidmatan yang dibeli sebanyak RM150 pada Disember 2023 bernilai sebanyak RM45.96 pada Januari 1980. Manakala seseorang perlu membayar RM489.55 pada Disember 2023 untuk barangan & perkhidmatan yang dibayar sebanyak RM150 pada Januari 1980 (Rujuk Rajah 1 dan Rajah 2).

Rajah 1: Output Kalkulator Inflasi (Nilai Bayaran RM150 pada Disember 2023)

DEPARTMENT OF STATISTICS
MALAYSIA, OFFICIAL PORTAL
The Source of Malaysia's Official Statistics

Malaysia CPI Inflation Calculator

In Malaysia, basket of goods and services that costing

RM: Select Month: Select Year:

would cost

RM: Select Month: Select Year:

RM150.00 in December 2023 would cost RM45.96 in January 1980

Rajah 2: Output Kalkulator Inflasi (Nilai Bayaran RM150 pada Januari 1980)

DEPARTMENT OF STATISTICS
MALAYSIA, OFFICIAL PORTAL
The Source of Malaysia's Official Statistics

Malaysia CPI Inflation Calculator

In Malaysia, basket of goods and services that costing

RM: Select Month: Select Year:

would cost

RM: Select Month: Select Year:

RM150.00 in January 1980 would cost RM489.55 in December 2023

Kesan Inflasi Terhadap Perubahan Kuasa Beli bagi Kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol

Inflasi bagi kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol pada tahun 2022 mencatatkan peningkatan 5.8 peratus. Kumpulan ini juga merupakan komponen terbesar perbelanjaan isi rumah di Malaysia. Peningkatan kumpulan ini ialah sebahagian besarnya berpunca daripada kenaikan komponen Makanan di rumah. Makanan di rumah merujuk barangan bahan basah bagi penyediaan memasak di rumah seperti daging, sayur dan ikan meningkat 5.3 peratus berbanding 2.1 peratus yang dicatatkan pada tahun 2021. Sementara itu, makanan di luar rumah meningkat pada kadar 6.6 peratus berbanding 1.4 peratus yang direkodkan padatahun 2021.

Jadual 2 : Ilustrasi Pengiraan Nilai Perbelanjaan Sebanyak RM200 Bagi Kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol

	Nilai dibayar (RM)	IHP 2015	IHP 2022	Nilai 2015 (RM)	Nilai 2022 (RM)
2022	200		145.0	164.70	
2015	200	119.4			242.88

Sehubungan itu, satu ilustrasi ringkas dibuat untuk melihat kesan inflasi terhadap kuasa beli isi rumah bagi kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol. Perbandingan ini dibuat bagi tahun 2022 dan 2015.

Ilustrasi pada Jadual 2 menunjukkan bahawa kos perbelanjaan bagi kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol yang dibayar sebanyak RM200 pada tahun 2022 bernilai sebanyak RM164.70 pada tahun 2015. Seseorang perlu membayar RM242.88 pada tahun 2022 untuk bakul makanan & minuman yang dibeli pada kos RM200 bagi tahun 2015. Ini mencadangkan bahawa bagi bakul yang sama, pengguna terpaksa membayar tambahan hampir RM40 pada tahun 2022 berbanding tahun 2015.

Ini menunjukkan bagi bakul yang sama, pengguna terpaksa membayar tambahan hampir RM40 pada tahun 2022 berbanding tahun 2015.

Kesimpulan

Peningkatan harga barangan dan perkhidmatan boleh memberikan kesan kepada kuasa beli isi rumah. Ini ditunjukkan dengan pengiraan perubahan harga menggunakan IHP atau lebih dikenali dengan kalkulator inflasi yang menunjukkan peningkatan inflasi akan menurunkan kuasa beli isi rumah. Namun, penurunan kuasa beli mungkin berbeza mengikut isi rumah atau individu kerana ia turut bergantung kepada pendapatan benar yang diterima.

Pengiraan kuasa beli dengan menggunakan kalkulator inflasi ini atau menggunakan formula yang dinyatakan dalam artikel ini boleh dijadikan rujukan bagi mengetahui impak inflasi terhadap bajet perbelanjaan individu atau isi rumah. Walau bagaimanapun, perbandingan harga tertentu bagi satu-satu item antara dua titik masa memerlukan interpretasi dengan lebih berhati-hati.

Buat masa ini kalkulator inflasi yang dibangunkan boleh diakses secara talian hanya tersedia pada peringkat IHP keseluruhan mulai Januari 1980 sehingga terkini. Namun, pengguna data boleh membuat pengiraan yang lebih terperinci sehingga ke peringkat empat digit berdasarkan kepada Classification of Individual Consumption by Purpose (COICOP) menggunakan kaedah manual melalui formula yang dinyatakan. Data ini boleh diakses daripada penerbitan atau portal DOSM.

Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini hanya pandangan penulis sahaja dan tidak semestinya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

FASILITI KESIHATAN DAN PENYAKIT BERJANGKIT DI MALAYSIA 2010 — 2022

Roslawati Yahya, Nur Nabila Nazwa Abu Bakar, Maisarah Zaman, Norhidayu Musa dan Nur Aina Syuhada Omar

Pengenalan

Malaysia merupakan antara negara yang mempunyai pencapaian akses sejagat kepada perkhidmatan kesihatan yang membanggakan. Sistem penjagaan kesihatan di Malaysia terbahagi kepada dua, iaitu disediakan oleh sektor kesihatan awam dan sektor kesihatan swasta di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang merupakan penyumbang utama dalam penjagaan kesihatan rakyat¹.

Sistem kesihatan di negara ini berhadapan dengan pelbagai isu berkaitan dengan penjagaan kesihatan yang semakin mencabar antaranya penyakit berjangkit. Pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit merupakan antara usaha yang mencabar dan berterusan, terutama dengan situasi kemunculan semula penyakit berjangkit yang telah dibasmi dan penyakit berjangkit baharu seperti wabak COVID-19¹.


Pandemik COVID-19 yang menular pada tahun 2019 merupakan satu ujian yang mencabar bagi sektor penjagaan kesihatan di seluruh dunia. Namun begitu, sistem penjagaan kesihatan di Malaysia antara perkhidmatan penjagaan kesihatan terbaik dalam menangani wabak ini berbanding sesetengah negara lain. Berdasarkan kaji selidik oleh Firma Penyelidikan Pasaran dan Perundingan IPSOS, bermula bulan September hingga Oktober 2020, menunjukkan tiga daripada empat orang rakyat Malaysia mempercayai bahawa sistem penjagaan kesihatan di Malaysia menawarkan perkhidmatan yang terbaik. Kajian itu turut mendapati rakyat Malaysia memiliki keyakinan yang tinggi dalam sistem penjagaan kesihatan kerana percaya pada sistem yang adil dan memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi².

Fasiliti Kesihatan

Hospital kerajaan terdiri daripada hospital di bawah KKM, Institusi Perubatan Khas KKM dan juga hospital bukan KKM, manakala klinik kerajaan pula merangkumi klinik kesihatan (termasuk klinik kesihatan ibu dan anak), klinik desa, klinik komuniti dan klinik pergigian. Klinik swasta pula terdiri daripada klinik perubatan dan klinik pergigian.

Bilangan hospital kerajaan menunjukkan trend peningkatan dari tahun 2010 hingga 2022, iaitu 131 buah kepada 160 buah hospital, manakala bilangan hospital swasta menurun 35 buah kepada 219 buah pada 2020 berbanding 254 buah hospital (2010). Namun, bilangan hospital swasta meningkat semula kepada 257 buah hospital pada 2022.

Carta 1: Bilangan Hospital Kerajaan dan Hospital Swasta, Malaysia, 2010 — 2022




Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

¹ Pelan Strategik KKM 2021 — 2025

² Kajian IPSOS, 2020

Bilangan klinik kerajaan dan swasta merekodkan peningkatan bagi tempoh tahun 2010 sehingga 2022. Bilangan klinik kerajaan meningkat sebanyak 340 klinik, iaitu kepada 3,122 klinik pada tahun 2022 berbanding 2,782 klinik pada tahun 2010, manakala klinik swasta pula meningkat kepada 13,352 klinik pada tahun 2022 berbanding 7,954 klinik pada tahun 2010, iaitu pertambahan sebanyak 5,398 klinik.


Carta 2: Bilangan Klinik Kerajaan dan Klinik Swasta, Malaysia, 2010 — 2022



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan doktor kerajaan menunjukkan peningkatan sepanjang tiga tahun, iaitu 12,790 orang kepada 35,219 orang pada tahun 2013 berbanding 22,429 orang pada tahun 2010. Walau bagaimanapun pada tahun 2014, bilangan doktor kerajaan telah mengalami sedikit penurunan 5.5 peratus kepada 33,275 orang. Bilangan doktor kerajaan terus menunjukkan peningkatan sepanjang tujuh tahun kepada 58,193 orang pada tahun 2021 berbanding 33,545 orang pada tahun 2015. Sementara itu, bilangan doktor swasta menunjukkan peningkatan bagi tempoh tahun 2010 sehingga 2021 dengan pertambahan 5,951 orang kepada 16,501 orang pada tahun 2022 berbanding 10,550 orang pada tahun 2010.


Carta 3: Bilangan Doktor Kerajaan dan Swasta, Malaysia, 2010 — 2022



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Carta 4 memaparkan bilangan doktor pergigian kerajaan dan swasta yang menunjukkan trend peningkatan sepanjang tempoh tahun 2010 sehingga 2022. Bilangan doktor pergigian kerajaan pada tahun 2022 seramai 7,828 orang, iaitu peningkatan hampir empat kali ganda berbanding tahun 2010 seramai 2,055 orang. Bilangan doktor pergigian swasta turut meningkat kepada 5,608 orang pada tahun 2022 berbanding 1,755 orang pada tahun 2010 dengan pertambahan seramai 3,853 orang.


Carta 4: Bilangan Doktor Pergigian Kerajaan dan Swasta, Malaysia, 2010 — 2022



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Nisbah doktor kepada penduduk Malaysia bertambah baik dalam tempoh tahun 2010 sehingga 2022 kepada 1:412 pada tahun 2022 berbanding 1:859 pada tahun 2010. Nisbah doktor kepada penduduk Malaysia pada tahun 2019 sehingga 2022 memaparkan nilai yang lebih baik berbanding piawai Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), iaitu 1:500 (1 doktor kepada 500 penduduk)³ dan sasaran nisbah 1:500 yang disasarkan dalam Pelan Strategik KKM 2016-2020⁴ juga telah tercapai. Indikator ini akan ditambah baik dari semasa ke semasa bagi memastikan rakyat menerima perkhidmatan kesihatan yang terbaik.

Carta 5: Nisbah Doktor kepada Penduduk, Malaysia, 2010 — 2022




Sumber data: Kementerian Kesihatan Malaysia

Seterusnya, Carta 6 menunjukkan prestasi positif bagi nisbah doktor pergigian kepada penduduk Malaysia dalam tempoh tahun 2010 sehingga 2022, iaitu daripada 1:7,347 pada tahun 2010 kepada 1:2,434 pada tahun 2022. Dalam tempoh yang sama, nisbah doktor pergigian kepada penduduk mencatatkan nilai yang lebih baik daripada piawai WHO, iaitu 1:7,500 (1 doktor kepada 7,500 penduduk)³ dan sasaran nisbah 1:2,700 yang disasarkan dalam Pelan Strategik KKM 2016-2020⁴ juga sudah tercapai⁴.

³ Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

⁴ Pelan Strategik KKM 2016 — 2020

Carta 6: Nisbah Doktor Pergigian kepada Penduduk, Malaysia, 2010 — 2022



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Penyakit Berjangkit

Penyakit berjangkit biasanya disebabkan oleh mikroorganisma seperti bakteria, kulat atau virus yang membiak dalam tisu tubuh. Menurut KKM, bilangan kes dan kadar kejadian penyakit berjangkit di Malaysia yang dikenal pasti, iaitu sebanyak 24 jenis penyakit. Namun begitu, kes penyakit berjangkit yang dilaporkan setiap tahun bagi tempoh tahun 2010 hingga 2021 ialah 20 jenis penyakit


Jadual 1: Senarai Nama Penyakit Berjangkit yang Dilaporkan, Malaysia, 2010 — 2022

Bil.	Nama Penyakit	Bil.	Nama Penyakit
1	Kolera	11	Demam Denggi
2	Tifoid dan Paratifi	12	Demam Denggi Berdarah
3	Disenteri	13	Hepatitis
4	Keracunan Makanan	14	Malaria
5	Tibi	15	Sifilis
6	Kusta	16	Gonorea/ Jangkitan Gonokokol
7	Pertusis/ Batuk Kokol	17	Human Immune Deficiency Virus (HIV)
8	Tetanus	18	Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS)
9	Viral Ensefalitis	19	Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD)
10	Campak	20	Tifus

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Berdasarkan Carta 7, bilangan kes kejadian penyakit berjangkit mula menunjukkan trend peningkatan mencecah pada angka 200 ribu kes dalam tempoh tahun 2014 sehingga 2016. Bilangan kes kejadian penyakit berjangkit pada tahun 2017 dan 2018 telah menurun kepada 178,697 kes dan 151,761 kes.

Bilangan kes kejadian penyakit berjangkit pada tahun 2019 meningkat semula sebanyak 65.9 peratus kepada 251,809 kes dan merupakan jumlah tertinggi bagi tahun 2010 sehingga 2022. Namun begitu, bilangan kes kejadian penyakit berjangkit menunjukkan penurunan pada tahun 2020 dan 2021 kepada 162,115 kes dan 77,911 kes .

Carta 7: Bilangan Kes Kejadian Penyakit Berjangkit di Malaysia, 2010 — 2022


Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Lima penyakit berjangkit yang menunjukkan perubahan trend data paling ketara pada tahun 2010 hingga 2022 ialah demam denggi, penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD), tibi, keracunan makanan dan hepatitis seperti yang ditunjukkan di Carta 8. Demam denggi telah mencatatkan bilangan kes yang tertinggi berbanding kes penyakit berjangkit yang lain sejak tahun 2010 sehingga 2021 kecuali pada tahun 2011 dan 2012. Kes tertinggi demam denggi telah direkodkan pada tahun 2019, iaitu sebanyak 129,578 kes, meningkat 61.5 peratus berbanding 80,210 kes pada tahun sebelumnya. Berdasarkan data dan trend penyakit demam denggi sebelum ini, Bahagian Kawalan Penyakit, KKM mendapati berlaku lonjakan kes demam denggi setiap empat hingga lima tahun kitaran dan dijangka kes demam denggi akan meningkat semula pada 2024 atau 2025⁵.

Hepatitis merekodkan bilangan kes penyakit berjangkit yang paling rendah berbanding penyakit berjangkit yang lain kecuali pada tahun 2012, iaitu kes HFMD mempunyai nilai lebih rendah pada tahun tersebut. Kes HFMD kemudiannya meningkat secara mendadak dengan jumlah 72,230 kes pada tahun 2018 meningkat 146.0 peratus berbanding 29,359 pada tahun 2017. Kes HFMD juga merupakan kes tertinggi pada tahun 2022 iaitu sebanyak 149,578 kes. Seterusnya, tibi dan keracunan makanan merupakan penyakit berjangkit yang tidak terlalu ketara perubahan bilangan kesnya sepanjang 12 tahun tersebut.

⁵Astro Awani
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-catat-26365-kes-demam-denggi-tahun-lalu-terendah-sejak-sedekad-dr-noor-hisham-344433>

Carta 8: Lima Penyakit Berjangkit Paling Ketara, Malaysia, 2010 — 2022



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

KORONAVIRUS, COVID-19

Dunia telah dikejutkan dengan penularan wabak COVID-19 pada tahun 2020. COVID-19 merupakan penyakit berjangkit baharu yang pada mulanya dikesan pada pertengahan bulan Disember 2019 di Bandar Raya Wuhan, Hubei, China dan telah diiktiraf sebagai pandemik oleh WHO pada 11 Mac 2020. Malaysia telah mengesahkan kes pertama wabak COVID-19 di negara ini pada 24 Januari 2020. Bagi mengawal penularan pandemik ini, kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada bulan Mac 2020. PKP telah dikuatkuasakan dalam negara bagi memastikan rakyat melaksanakan pengasingan di rumah dan tidak terdedah dengan risiko jangkitan COVID-19. Sektor sosial juga terkesan daripada penularan wabak ini dan mengakibatkan aktiviti atau kegiatan sosial dilarang sepanjang tempoh PKP. Situasi ini juga mendesak negara mengambil langkah proaktif dengan menutup sementara semua institusi pendidikan dalam usaha mengelakkan penularan COVID-19.

Hal ini secara langsung dapat mengehadkan aktiviti sosial dalam kalangan rakyat Malaysia, sekali gus dapat membendung penularan penyakit berjangkit yang lain. Keberkesanan PKP dapat dilihat menerusi kesemua bilangan kes kejadian penyakit berjangkit mencatatkan penurunan pada tahun 2020 dan 2021. Walau bagaimanapun, kes positif COVID-19 meningkat bagi tempoh tahun 2020 sehingga 2021. Kes positif COVID-19 pada tahun 2021 juga menunjukkan peningkatan yang drastik, iaitu kepada 2,645,076 kes berbanding 113,010 kes pada tahun sebelumnya. Bilangan kematian akibat wabak COVID-19 juga menunjukkan peningkatan yang drastik, iaitu sebanyak 31,016 kematian pada tahun 2021 berbanding 471 kematian pada 2020. Namun begitu, kes positif COVID-19 dan kematian akibat wabak COVID-19 mencatatkan penurunan pada 2022 kepada 2,268,591 kes dan 5,366 kematian.

Selangor mencatatkan bilangan kes positif COVID-19 tertinggi pada tahun 2022, iaitu sebanyak 758,444 kes diikuti WP Kuala Lumpur 255,563 kes dan Sabah 166,016 kes. Sementara itu, Perlis mencatatkan bilangan kes positif COVID-19 yang paling rendah bagi tahun 2022, iaitu sebanyak 11,790 kes. Selangor turut mencatatkan kes kematian tertinggi pada 2022 iaitu 987 kematian, diikuti Johor, iaitu 834 kematian dan Perak 723 kematian. Manakala WP Putrajaya dan WP Labuan merekodkan kes kematian paling rendah, iaitu masing-masing sebanyak enam kematian pada tahun 2022.

Jadual 2: Kes Positif dan Kematian Disebabkan COVID-19 Mengikut Negeri, Malaysia, 2020 — 2022

Negeri	Kes Positif			Kematian		
	2020	2021	2022	2020	2021	2022
MALAYSIA	113,010	2,645,076	2,268,591	471	31,016	5,366
Johor	5,734	239,206	152,843	35	3,813	834
Kedah	3,024	165,362	149,679	12	2,131	586
Kelantan	758	168,285	90,797	8	1,240	180
Melaka	1,225	75,065	67,956	6	949	243
Negeri Sembilan	7,828	105,736	116,999	13	1,306	213
Pahang	1,365	93,981	87,031	7	759	261
Perak	3,195	125,844	109,441	16	1,386	723
Perlis	46	7,123	11,790	2	135	60
Pulau Pinang	3,488	157,616	145,828	9	1,747	310
Sabah	37,040	203,492	166,016	264	2,519	419
Sarawak	1,117	251,183	71,301	19	1,601	167
Selangor	32,395	754,235	758,444	45	9,914	987
Terengganu	325	82,355	50,051	1	706	191
WP Kuala Lumpur	13,487	197,363	255,563	22	2,647	180
WP Labuan	1,701	9,123	12,094	9	143	6
WP Putrajaya	282	9,107	22,758	3	20	6

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Kesimpulan

Bilangan kemudahan kesihatan dan doktor haruslah bertambah seiring dengan pertambahan penduduk. Kerajaan Malaysia berjaya membuktikan bahawa kerajaan peka dengan kepentingan sistem kesihatan dengan terus menambah baik kualiti perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)⁶, kerajaan bakal memperkenalkan Pelan Rangka Tindakan Pembaharuan Sistem Penjagaan Kesihatan Malaysia sebagai hala tuju baharu untuk mentransformasikan sistem penjagaan kesihatan negara. Pelaksanaan semua inisiatif bertujuan memastikan liputan kesihatan yang komprehensif, menjajarkan peranan pelbagai pihak berkepentingan dan menyelaraskan dengan lebih baik perkhidmatan penjagaan kesihatan.

⁶ Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)

Penularan wabak baharu seperti COVID-19 ini telah menambah senarai penyakit berjangkit yang sentiasa berada di sekitar kita sepanjang fasa endemik ini. Namun begitu, masyarakat harus sentiasa berwaspada dan perlu mempunyai rasa bertanggungjawab dalam setiap tindakan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi terus membendung penularan wabak COVID-19 ini. Progam vaksinasi negara telah berjaya menurunkan jumlah kes jangkitan COVID-19. Sehingga 31 Disember 2022, sebanyak 26.1 juta penduduk Malaysia telah menerima dos vaksinasi yang lengkap. Hal ini membolehkan lebih banyak sektor perniagaan dibuka kembali setelah sekian lama tergendat. Dengan pelaksanaan RMK-12 juga, kerajaan bakal mempergiatkan program pencegahan dan intervensi bagi memerangi penyakit berjangkit, khususnya sewaktu wabak atau pandemik.

Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini hanya pandangan penulis sahaja dan tidak semestinya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

KESAN COVID-19 KEPADA ALAM SEKITAR

Fuziah Md Amin, Syed Ibrahim Mohd Jamaluddin, Latifah Mohamed Shah,
Mohd Azland Affendi Abdul Rahman dan Ade Mas Erina Masri

Pengenalan

Pasca COVID-19, pembukaan semula aktiviti ekonomi dan fenomena perubahan iklim mempunyai pelbagai kesan terhadap alam sekitar pada 2022. Perubahan pada keadaan cuaca dengan hujan yang lebih lebat telah menyebabkan salah satu kejadian tanah runtuh terburuk dalam sejarah Malaysia yang berlaku di Batang Kali pada 16 Disember 2022.

Sejajar dengan penurunan kes COVID-19 pada tahun 2022, pembukaan semula sempadan negara telah merangsang kembali aktiviti ekonomi. Bilangan penumpang yang dikendalikan di lapangan terbang pulih dengan kukuh selepas dua tahun terhenti disebabkan penutupan sempadan sebagai salah satu langkah yang diambil oleh kebanyakan negara termasuk Malaysia untuk membendung penyebaran COVID-19. Bilangan penumpang yang dikendalikan di lapangan terbang meningkat sebanyak 394.5 peratus disebabkan oleh kesan asas (*base effect*) kepada 54.9 juta penumpang berbanding 11.1 juta penumpang pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, tahap yang dicapai pada tahun 2022 masih di bawah tahap sebelum COVID-19 (pra-COVID) yang direkodkan pada tahun 2019 iaitu sebanyak 109.5 juta penumpang. Akaun Satelit Pelancongan yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan trend yang sama dengan Nilai Ditambah Kasar Keseluruhan Industri Pelancongan meningkat kepada RM251.5 bilion berbanding RM198.5 bilion pada tahun 2021.

Kesan Cuaca Kepada Alam Sekitar

Purata suhu maksimum yang direkodkan di 42 stesen menunjukkan penurunan di 24 stesen antara 0.1°C sehingga 0.6°C, manakala sembilan stesen mencatatkan peningkatan antara 0.1°C sehingga 0.3°C berbanding 2021 disebabkan oleh musim La Niña. Stesen Ipoh mencatatkan purata suhu maksimum tertinggi pada tahun 2022 iaitu 33.1°C, manakala stesen Cameron Highlands mencatatkan purata suhu maksimum terendah pada 15.8°C.

Hujan tahunan di 22 stesen menunjukkan peningkatan antara 26.0 mm hingga 1,749.4 mm. Stesen Mulu kekal dengan jumlah hujan tertinggi pada 6,172.8 mm pada tahun 2022 (2021: 5,365.8 mm). Stesen Setiawan pula merekodkan jumlah hujan terendah pada tahun 2022 dengan 1,943.0 mm berbanding tahun sebelumnya iaitu di stesen Keningau (1,589.2 mm). Selain itu, stesen Kerteh mencatatkan peningkatan hujan tertinggi dengan peningkatan sebanyak 1,749.4 mm kepada 4,501.0 mm pada tahun 2022 (2021: 2,751.6 mm).

Kualiti Udara

Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengawal kualiti udara negara melalui 65 stesen pengawasan yang ditempatkan di seluruh negara. Cerapan dibuat bertujuan untuk mengawasi dan mengesan sebarang perubahan kualiti udara yang boleh memberi kesan negatif kepada kesihatan manusia dan alam sekitar. Berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh JAS, terdapat lima peringkat Indeks Pencemaran Udara (IPU) untuk menggambarkan kualiti udara sama ada baik, sederhana, tidak sihat, sangat tidak sihat dan berbahaya.

Negara telah merekodkan lebih jumlah hari bagi kualiti udara berstatus “Baik” dan “Sederhana” bagi tahun 2022. Stesen Kimanis mencatatkan jumlah hari tertinggi bagi kualiti udara berstatus “Baik” iaitu dengan 355 hari pada tahun 2022 berbanding 343 hari yang direkodkan pada tahun sebelumnya. Manakala stesen Limbang merekodkan 340 hari bagi kualiti udara berstatus “Baik” dan diikuti oleh stesen Kuching sebanyak 339 hari.

Jadual 1: Stesen Terpilih yang Mencatatkan Bilangan Hari Udara Berstatus “Baik”, 2017—2022


Stesen	Tahun/ Bilangan Hari Kualiti Udara Berstatus Baik					
	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Kimanis	184	290	227	296	343	355
Limbang	346	259	215	332	314	340
Kuching	337	143	141	278	289	339
Tawau	341	336	316	358	345	206
Pasir Gudang	316	32	62	122	95	89
Cheras, Kuala Lumpur	262	1	5	38	41	28
Shah Alam	272	331	2	16	4	8
Petaling Jaya	290	330	2	12	2	8

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Pelepasan asap kenderaan, aktiviti perindustrian dan aktiviti pembakaran kawasan perladangan dan tapak pelupusan sampah masih lagi menjadi punca utama mempengaruhi kualiti udara di Malaysia. Trend kepekatan purata harian PM_{2.5} di kawasan Rompin didapati rendah pada tahun 2022 iaitu 9.70 mikro gram meter padu, penurunan 49.6 peratus berbanding tahun 2021 (19.24 mikro gram meter padu).


Bahan pencemar udara seperti habuk halus (PM₁₀ dan PM_{2.5}), Ozon aras tanah (O₃), Karbon Monoksida (CO) dan Sulfur Dioksida (SO₂) menunjukkan trend penurunan walaupun aktiviti ekonomi semakin rancak. Secara ringkasnya, bagi tempoh Januari hingga Disember 2022 merekodkan PM₁₀ berjulat antara 17.35 hingga 23.55 mikro gram meter padu berbanding 16.84 hingga 25.74 mikro gram meter padu pada tahun 2021. Manakala bacaan CO ialah 0.501 hingga 0.575 bahagian setiap juta (Januari - Disember 2022) berbanding 0.488 hingga 0.564 bahagian setiap juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Carta 1: Purata Bulanan Kepekatan PM₁₀ di Udara, Malaysia, 2021 dan 2022



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Carta 2: Purata Bulanan Kepekatan CO di Udara, Malaysia, 2021 dan 2022



Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Kualiti Air Sungai

Hasil pemantauan oleh JAS terhadap 144 lembangan sungai, menunjukkan 108 atau 75.0 peratus lembangan sungai berada dalam kategori bersih pada tahun 2022, kekal tidak berubah dari tahun 2021. Selain itu, 30 sungai dikategori sederhana tercemar (2021: 29 lembangan sungai) dan enam dalam kategori tercemar (2021: 7 lembangan sungai).

Jadual 2: Lembangan Sungai yang Diawasi Mengikut Kategori, Malaysia, 2017 — 2022


Kategori	2017		2018		2019		2020		2021		2022	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%
Jumlah stesen pengawasan	891		1,353		1,353		1,353		1,351		1,353	
Jumlah lembangan sungai yang diawasi	140	100.0	143	100.0	144	100.0	144	100.0	144	100.0	144	100.0
Bersih	54	38.6	79	55.0	85	59.0	104	72.2	108	75.0	108	75.0
Sederhana Tercemar	72	51.4	54	38.0	49	34.0	33	22.9	29	20.1	30	20.8
Tercemar	14	10.0	10	7.0	10	7.0	7	4.9	7	4.9	6	4.2

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Kadar Kemalangan Jalan Raya

Kadar kemalangan jalan raya mencatatkan penurunan dua digit pada tahun 2020 iaitu 26.3 peratus (418,237 kes), manakala berlaku sedikit peningkatan pada tahun 2021 kepada 11.5 peratus (370,286 kes). Selain itu, pada 2021 sebanyak 4,539 kes kematian direkodkan akibat kemalangan jalan raya pada tahun 2021, berbanding 4,634 kematian pada tahun sebelumnya. Manakala pada tahun 2022, kemalangan jalan raya terus merekodkan peningkatan sangat ketara sebanyak 545,585 kes (47.3%) dengan kes kematian sebanyak 6,080 kes.


Carta 3: Kadar Kemalangan Jalan Raya, Malaysia, 2017 — 2022



Sumber: Polis Diraja Malaysia

Bagi pecahan mengikut negeri pula, Selangor mencatatkan jumlah kemalangan jalan raya tertinggi pada tahun 2022 iaitu 156,815 kes, meningkat 44.4 peratus berbanding tahun 2021 (108,564 kes) seperti. Ini diikuti oleh Johor, meningkat 53.4 peratus (2022: 76,028 kes) dan WP Kuala Lumpur, meningkat 55.2 peratus (2022: 62,428 kes). Tiga negeri yang mencatatkan kes kemalangan jalan raya paling rendah pada tahun 2022 ialah Perlis, meningkat 42.9 peratus (2022: 2,276 kes); WP Putrajaya, meningkat 62.5 peratus, (2022: 1,909 kes) dan WP Labuan, meningkat 45.7 peratus (2022: 564 kes).

Carta 4: Bilangan Kemalangan Jalan Raya, 2021 dan 2022



Sumber: Polis Diraja Malaysia

Sisa Klinikal

Penurunan kes COVID-19 telah memberi kesan langsung terhadap alam sekitar. Jumlah kes COVID-19 menurun daripada 2,645,076 kes pada tahun 2021 kepada 2,268,591 kes pada tahun 2022. Susulan penurunan kes COVID-19, buangan klinikal turut mengalami penurunan kerana kurangnya penggunaan peralatan perlindungan diri (PPE) dan peralatan kit ujian COVID-19 berikutan penutupan pusat-pusat kuarantin di seluruh negara.

Kuantiti sisa klinikal secara keseluruhannya mengalami penurunan sebanyak 14.4 peratus pada tahun 2022 (49,132 tan metrik) berbanding tahun sebelumnya (2021: 57,379 tan metrik). Tiga negeri yang mencatatkan jumlah sisa klinikal tertinggi adalah Selangor (10.6 ribu tan metrik), WP. Kuala Lumpur (5.8 ribu tan metrik) dan Sarawak (4.7 ribu tan metrik) masing-masing menurun 18.8, 1.4 dan 42.8 peratus. Penurunan ini disebabkan oleh penutupan pusat kuarantin, kurangnya penggunaan peralatan perlindungan diri (PPE) dan peralatan kit ujian COVID-19 berbanding tahun sebelumnya.

Jadual 3: Kuantiti Buangan Klinikal mengikut Negeri, Malaysia, 2017 — 2022

(Tan Metrik)

Negeri	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	28,375	31,398	33,757	39,883	57,379	49,132
Selangor	4,371	6,035	7,343	9,703	12,993	10,554
Sarawak	3,087	3,349	3,684	4,105	8,266	4,732
W.P Kuala Lumpur ¹	4,808	4,808	3,822	4,073	5,893	5,809
Johor	2,806	3,098	3,174	3,990	5,568	4,563
Perak	2,194	2,345	2,644	793	4,326	821
Negeri Sembilan	1,211	1,243	1,364	1,646	3,951	2,531
Sabah	1,763	1,849	1,900	2,606	3,210	3,269
Pahang	1,265	1,316	1,430	2,999	2,462	1,879
Kedah	1,406	1,466	1,609	1,660	2,390	1,972
Pulau Pinang	2,052	2,345	2,360	3,336	2,206	3,953
Kelantan	1,162	1,226	1,356	1,377	1,857	1,681
Melaka	1,196	1,187	1,895	1,800	1,594	1,896
Terengganu	753	818	846	938	1,287	1,183
Perlis	245	251	263	33	1,079	3,101
W.P Labuan	57	63	66	717	296	1,100
W.P Putrajaya	na	na	na	108	na	na

Nota:

¹ Data termasuk WP Labuan dari tahun 2017 hingga 2019

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Selain itu, kuantiti sisa terjadual yang dijana oleh industri pula merekodkan 5,915.1 ribu tan metrik pada tahun 2022, menurun 21.2 peratus berbanding 7,505.2 ribu tan metrik seperti mana yang dilaporkan pada tahun 2021. Penurunan ini dipengaruhi oleh industri loji rawatan air dan industri kuari. Selangor menyumbang jumlah buangan terjadual tertinggi iaitu 26.7 peratus, diikuti Johor (13.7%) dan Perak (9.8%).

Kesimpulan

Kualiti alam sekitar berkait secara langsung dengan aktiviti manusia dan ekonomi. Indikator alam sekitar pada tahun 2022 bertambah baik namun terdapat beberapa indikator menunjukkan peningkatan dari segi pencemaran tetapi pada kadar yang rendah seperti indikator pencemaran udara berbanding tahun 2021.

Langkah yang lebih proaktif perlu dilaksanakan supaya semua industri dengan mematuhi langkah kawalan pencemaran yang digariskan oleh pihak berkuasa. Sehubungan itu, penambahbaikan berterusan adalah perlu untuk menangani isu dalam pelbagai industri seperti pembinaan, perladangan, pembuatan dan pelancongan demi menuju ke arah kualiti alam sekitar yang lebih baik. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) telah mengorak langkah dengan memperkenalkan Pelan Kelestarian Alam Sekitar di Malaysia 2020 – 2030, untuk melestarikan alam sekitar pada tahun 2030. Melalui pelan ini, sebanyak 26 inisiatif dibangunkan berteraskan empat tunjang utama iaitu pengukuhan governan, pertumbuhan hijau, kolaborasi strategik dan keterangkuman sosial, meliputi udara, air, darat dan makhluk hidup. Selain itu, dengan inisiatif NRECC untuk meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) dengan tujuan mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan memperbaiki alam sekitar merupakan satu tindakan yang wajar dan berharap agar alam sekitar terus dilindungi melalui pindaan akta ini.

Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini hanya pandangan penulis dan tidak semestinya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

INFRASTRUKTUR PENGANGKUTAN DI MALAYSIA

Roslawati Yahya, Zaidatul Azreen Zulkiple, Nur Diyana Abdul Aziz, Nur Izzati Ilias dan Nur Syuhaima Mohd Zaini

Pengenalan

Infrastruktur pengangkutan merupakan nadi utama kepada pembangunan sosioekonomi melalui fungsinya untuk menggerakkan manusia dan barangan. Pembangunan infrastruktur pengangkutan yang berkualiti dan penyampaian perkhidmatan pengangkutan yang cekap merupakan nadi penting untuk meningkatkan taraf hidup.

Pembangunan sosioekonomi yang lebih pesat berbanding dengan pembangunan infrastruktur pengangkutan dan perkhidmatan yang berkaitan telah mengakibatkan masalah seperti kesesakan jalan raya, ketidakcukupan perkhidmatan pengangkutan awam dan akses kepada pelabuhan yang terhad. Bagi mengatasi masalah tersebut, Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) telah menggariskan pemangkin dasar bagi menambah baik perhubungan dan infrastruktur pengangkutan yang bertujuan menyediakan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang cekap dan inklusif.

Pengangkutan di Malaysia terbahagi kepada tiga kategori iaitu pengangkutan darat, pengangkutan udara dan pengangkutan air. Pengangkutan darat di Malaysia merangkumi jaringan jalan raya dan jaringan landasan kereta api. Panjang jalan raya di Malaysia pada tahun 2022 ialah 303,078.6 kilometer meliputi jalan persekutuan, jalan negeri dan lebuh raya bertol, manakala panjang landasan keretapi di Malaysia pada tahun 2022 ialah 1,849 kilometer di bawah seliaan Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Jabatan Kereta Api Negeri Sabah.

Pengangkutan udara terbahagi kepada perkhidmatan pengangkutan penumpang dan barangan (kargo). Terdapat dua sistem rangkaian lapangan terbang, iaitu lapangan terbang domestik dan antarabangsa. Malaysia mempunyai enam buah lapangan terbang antarabangsa. Kebanyakan bandar raya besar dihubungkan melalui laluan udara.

Pengangkutan laut di Malaysia terdiri daripada kapal kargo, kapal kerentan, kapal pesisir pantai dan kapal penumpang. Di Malaysia terdapat tujuh pelabuhan utama antaranya adalah Pelabuhan Pulau Pinang sebagai pintu masuk ke Semenanjung Malaysia, Pelabuhan Kuantan yang menyediakan perkhidmatan pemunggahan Pelabuhan Kontena, Teluk Sepanggar sebagai pelabuhan khusus untuk mengendalikan kontena dan Pelabuhan Tanjung Pelepas sebagai terminal kontena paling canggih di Malaysia².

Pengangkutan Darat

a. Pendaftaran Kenderaan Baharu

Pendaftaran kenderaan baharu dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah meningkat 31.5 peratus daripada 1,158 ribu kepada 1,523 ribu kenderaan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2022. Dalam tempoh tahun 2010 sehingga 2012, kenderaan jenis motokar dan motosikal masing-masing meningkat sebanyak 22.4 peratus dan 7.3 peratus sepanjang tiga tahun, namun pada tahun 2013 kedua-duanya menurun. Dalam tempoh tahun 2014 sehingga 2015, bilangan pendaftaran bagi motokar semakin meningkat, namun menurun bagi motosikal.


¹Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Unit Perancang Ekonomi

²Portal Rasmi Kementerian Pengangkutan Malaysia

Bagi tempoh tahun 2016 sehingga kini pula, kedua-dua jenis kenderaan menunjukkan trend yang hampir sama. Mengikut pada garis trend sepanjang tahun 2010 sehingga 2020, bilangan pendaftaran baharu bagi motokar semakin menurun, manakala bagi motosikal menunjukkan peningkatan.

Penurunan pendaftaran baharu kenderaan pada tahun 2020 adalah disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila kerajaan hanya membenarkan perkhidmatan asas tertentu beroperasi sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Sehubungan dengan itu, penjualan kenderaan tidak dibenarkan untuk beroperasi semasa tempoh PKP dilaksanakan dan ini memberi impak kepada pembelian kenderaan bermotor.

Carta 1: Pendaftaran Kenderaan Baharu Mengikut Jenis Kenderaan, Malaysia, 2010 — 2022



Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan

Nota:

Lain-lain merangkumi kenderaan seperti karavan, kenderaan bomba kerajaan & swasta, kenderaan sekolah memandu, kenderaan mayat, kenderaan orang cacat, kenderaan kerajaan, kenderaan pihak berkuasa tempatan, ambulan dan kenderaan kedutaan.

Sejak PKP dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara, kesan terhadap ekonomi amat besar. Oleh yang demikian, kerajaan telah memperkenalkan beberapa pakej rangsangan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) untuk memulihkan ekonomi dan antaranya ialah mengecualikan cukai jualan 100 peratus bagi kereta penumpang pemasangan tempatan dan 50 peratus bagi kereta import untuk kenderaan baharu³. Inisiatif ini dapat menjana pendapatan melalui peningkatan jualan dan seterusnya menyumbang peningkatan cukai korporat syarikat⁴.

³Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA)


⁴Berita Harian

<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/05/815609/cukai-jualan-kenderaan>

b. Bilangan Terkumpul Kenderaan Bermotor

Berdasarkan pendaftaran kenderaan bermotor yang direkodkan oleh JPJ, bilangan terkumpul kenderaan bermotor di Malaysia pada tahun 2021 telah meningkat 12.3 juta kepada 32.5 juta daripada 20.2 juta kenderaan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2021. Jenis Motosikal mencatatkan bilangan terkumpul tertinggi iaitu 15.2 juta daripada 9.4 juta kenderaan pada tahun 2010 dan diikuti dengan Motokar iaitu 15.0 juta berbanding 9.1 juta kenderaan bagi tempoh yang sama. Manakala jenis Kenderaan awam mencatatkan bilangan terkumpul terendah iaitu 174,059 daripada 172,110 kenderaan bagi tempoh tahun 2010 hingga 2021.

Carta 2: Bilangan Terkumpul Kenderaan Bermotor Mengikut Jenis Kenderaan, Malaysia, 2010 — 2022



Sumber: Jabatan Pengangkutan Jalan

Nota:

Lain-lain merangkumi kenderaan seperti karavan, kenderaan bomba kerajaan & swasta, kenderaan sekolah memandu, kenderaan mayat, kenderaan orang cacat, kenderaan kerajaan, kenderaan pihak berkuasa tempatan, ambulans dan kenderaan kedutaan.

c. Perkhidmatan Rel


Perkhidmatan rel di Malaysia merangkumi rel antara bandar dan rel bandar. Rel antara bandar meliputi Keretapi Tanah Melayu (KTM) Antarabandar dan *Electric Train Services* (ETS) manakala rel bandar meliputi KTM komuter, *Light Rail Transit* (LRT) Kelana Jaya, LRT Ampang, KL Monorel, KLIA Express, KLIA Transit dan *Mass Rapid Transit* (MRT).

Secara keseluruhan bilangan penumpang bagi jenis perkhidmatan rel mencatatkan penurunan 23.1 peratus sepanjang lima tahun kepada 179.7 juta pada tahun 2022 berbanding 233.8 juta pada tahun 2015 (Carta 3). Bagi perkhidmatan rel antara bandar, bilangan penumpang ETS meningkat daripada 4.1 juta penumpang pada tahun 2015 kepada 6.0 juta penumpang pada tahun 2021 dan perkhidmatan kereta api juga turut meningkat daripada 2.0 juta penumpang kepada 2.7 juta penumpang pada tempoh yang sama seperti yang ditunjukkan dalam Carta 4.

Perkhidmatan rel bandar mencatatkan penurunan 56.1 juta penumpang daripada 229.7 juta penumpang kepada 173.6 juta dalam tempoh tahun 2015 sehingga 2022. LRT Kelana Jaya menunjukkan penurunan terbanyak iaitu sebanyak 35.2 juta penumpang kepada 55.0 juta daripada 82.1 juta penumpang dalam tempoh yang sama seperti yang ditunjukkan dalam Carta 5.


Penurunan penumpang perkhidmatan rel dalam tempoh tahun 2019 sehingga 2022 adalah disebabkan penularan wabak COVID-19 yang mengakibatkan sektor pengangkutan awam ditutup disebabkan atas pelaksanaan PKP. Semua jenis perkhidmatan rel menunjukkan trend penurunan ketara pada tahun 202. Akibat daripada PKP ini, secara tidak langsung memberikan impak yang besar terhadap syarikat perkhidmatan ini termasuklah perkhidmatan MRT yang baru sahaja beroperasi pada tahun 2018.

Carta 3: Bilangan Penumpang Perkhidmatan Rel di Malaysia, 2015 — 2022




Sumber: Kementerian Pengangkutan Malaysia

Carta 4: Bilangan Penumpang Perkhidmatan Rel Antarabandar Malaysia, 2015 — 2022



Sumber: Kementerian Pengangkutan Malaysia


Carta 5: Bilangan Penumpang Perkhidmatan Rel Bandar Malaysia, 2015 — 2022



Sumber: Kementerian Pengangkutan Malaysia

Berdasarkan peratus penumpang perkhidmatan rel ini, bagi perkhidmatan rel antara bandar, perkhidmatan ETS ialah sebanyak 1.9 peratus dan perkhidmatan kereta api sebanyak 1.5 peratus, manakala antara tujuh jenis perkhidmatan rel bandar, LRT Kelana Jaya mencatatkan peratus penumpang tertinggi, iaitu 30.6 peratus, diikuti LRT Ampang 24.6 peratus dan MRT 25.2 peratus.

Carta 6: Peratus Penumpang Perkhidmatan Rel Mengikut Jenis Perkhidmatan, Malaysia, 2022



Jumlah Penumpang pada Tahun 2022: 179.7 Juta

Sumber: Kementerian Pengangkutan Malaysia


Pengangkutan Udara

Pengangkutan udara terbahagi kepada perkhidmatan pengangkutan penumpang dan barangan kargo. Pengangkutan udara juga turut membantu menggalakkan sektor pelancongan negara. Malaysia mempunyai enam buah lapangan terbang antarabangsa yang menerima terus penerbangan dari luar negara iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Selain itu, Malaysia juga mempunyai 16 buah lapangan terbang domestik dan 18 padang terbang (*short take off landing ports - STOLports*)⁵.

a. Penumpang

Bilangan penumpang penerbangan bagi ketibaan dalam negeri dan antarabangsa pada tahun 2022 masing-masing mencatatkan penurunan kepada 19.1 juta dan 8.2 juta berbanding 24.0 juta dan 21.5 juta pada tahun 2016. Bilangan penumpang penerbangan bagi perlepasan dalam negeri dan antarabangsa pada tahun 2022 juga masing-masing mencatatkan penurunan kepada 19.1 juta dan 8.3 juta berbanding 24.1 juta dan 22.0 juta pada tahun 2016. Penurunan ini juga merupakan salah satu impak daripada pelaksanaan PKP yang menghalang daripada aktiviti rentas sempadan.

Carta 7: Bilangan Penumpang Ketibaan dan Perlepasan, Malaysia, 2016 — 2022




Sumber: Kementerian Pengangkutan Malaysia

a. Mel

Bilangan mel yang dihantar melalui penerbangan dalam negeri dan antarabangsa pada tahun 2022, masing-masing menunjukkan penurunan kepada 40.3 tan metrik dan 10.3 ribu tan metrik daripada 3.4 tan metrik dan 13.3 tan metrik pada tahun 2016. Bilangan mel yang diangkut melalui penerbangan dalam negeri dan antarabangsa masing-masing juga mencatatkan penurunan kepada 1.3 ribu tan metrik dan 7.1 ribu tan metrik daripada 3.4 ribu tan metrik dan 15.2 ribu tan metrik pada tempoh yang sama.

⁵ Portal Rasmi Kementerian Pengangkutan Malaysia

Carta 8: Bilangan Mel Penerbangan, Malaysia, 2016 — 2022




Pengurangan penerbangan susulan sekatan pergerakan rentas negeri dan pelancongan bagi membendung wabak COVID-19 telah menyebabkan syarikat penerbangan swasta menggantung sementara semua penerbangan antarabangsa dan domestik, manakala syarikat penerbangan nasional masih beroperasi tetapi dalam kapasiti yang minimum. Pergerakan rentas negeri menggunakan penerbangan domestik hanya dibenarkan untuk hal yang berkaitan kecemasan seperti kematian ahli keluarga atau isu kesihatan⁶.

Pengangkutan Laut

a. Kapal yang Berlabuh

Bilangan kapal yang berlabuh yang direkodkan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia dalam tempoh 2015 hingga 2021 mencatatkan penurunan kepada 47,512 kapal (2021) daripada 60,862 kapal (2015). Manakala bilangan Tan Kasar Berdaftar turut menurun daripada 766,368 ribu tan (2015) kepada 715,049 ribu tan (2021) bagi tempoh yang sama.

Carta 9: Bilangan Kapal dan Berat Berdaftar, Malaysia, 2015 — 2022



Sumber: Kementerian Pengangkutan Malaysia


⁶Berita Harian
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/678636/pkp-hanya-hal-kecemasan-dibenar-guna-penerbangan-domestik>

Penurunan yang drastik dapat dilihat dalam tempoh tahun 2019 hingga 2022 bagi bilangan kapal kargo akibat daripada pelaksanaan PKP, tiada pergerakan bagi kargo barangan bukan utama di semua pelabuhan⁷.

b. Kargo

Secara keseluruhannya, bilangan kargo yang dikendalikan oleh pelabuhan mencatatkan penurunan kepada 567,643 ribu *freight weight tonnes* (FWT) daripada 570,401 ribu FWT bagi tempoh tahun 2015 sehingga 2022. Bilangan kargo eksport pada tahun 2022 juga turut mencatatkan penurunan kepada 215,430 ribu FWT berbanding 235,657 ribu FWT pada tahun 2015, manakala bilangan kargo import dan pindah kapal menunjukkan peningkatan masing-masing kepada 205,921 ribu FWT dan 146,292 ribu FWT berbanding 201,686 ribu FWT dan 133,058 ribu FWT dalam tempoh yang sama.

Carta 10: Bilangan Kargo yang dikendalikan, Malaysia, 2015 — 2022



Nota: FWT - Freight Weight Tonnes

Sumber: Kementerian Pengangkutan Malaysia

Kesimpulan

Sektor pengangkutan merupakan salah satu elemen penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Infrastruktur pengangkutan dan perkhidmatan yang berkaitan perlu penambah baik untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan menjamin kesejahteraan rakyat. Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12)⁸ telah menggariskan pemangkin dasar bagi menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan yang bertujuan menyediakan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang cekap dan inklusif.

Pandemik COVID-19 telah menjadi krisis ekonomi terbesar kepada sektor pengangkutan di seluruh dunia. Sekatan perjalanan rentas sempadan yang dilaksanakan di Malaysia telah menghadkan sebilangan pengangkutan untuk beroperasi. Selain itu, pelaksanaan pelbagai langkah bagi membendung risiko jangkitan COVID-19 di Malaysia terbukti memberi impak terhadap operasi

⁷Berita Harian

<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/03/669092/covid-19-pelabuhan-lapangan-terbang-sesak-barangan-tersekat-ekoran>

⁸Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), Unit Perancang Ekonomi

pengangkutan awam yang bukan sahaja dari segi jumlah penumpang tetapi juga aspek pilihan orang ramai untuk bergerak secara selamat⁹.

Majoriti rakyat yang telah menerima vaksinasi untuk melindungi diri daripada jangkitan COVID-19 telah membantu kerajaan membuka semula sempadan negara susulan peralihan ke fasa endemik. Keupayaan sektor pengangkutan awam untuk mengadaptasi situasi semasa yang mampu mengembalikan kepercayaan orang ramai menggunakannya. Kesiapsiagaan yang terancang dan teratur mampu memastikan keadaan baharu yang lebih selamat dan berterusan.

Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini hanya pandangan penulis sahaja dan tidak semestinya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

⁹ Astro Awani
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pengangkutan-awam-diasak-impak-covid19-khidmat-ehailing-kian-berkembang-272329>

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SEPINTAS LALU SEKTOR PELANCONGAN SEPANJANG COVID-19

Siti Sarah Che Dan dan Nurul Aini Abdul Wahab

Pengenalan

Industri pelancongan merupakan pemangkin dalam pembangunan ekonomi Malaysia serta menyumbang kepada pendapatan dan pertumbuhan negara. Namun begitu, sektor pelancongan juga didapati mudah terkesan atau “sangat rapuh” terhadap krisis seperti bencana alam, wabak penyakit, konflik politik dan juga krisis kewangan sama ada di dalam negara atau pada peringkat antarabangsa. Umum mengetahui pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah menyebabkan industri ini lumpuh berikutan pelaksanaan sekatan pergerakan dalam negara bagi membendung penularan wabak COVID-19. Impak negatif terhadap industri ini turut membawa kepada kesan domino, kerana industri ini akan memberi tempias dan kesan pertumbuhan dalam industri rantai pelancongan lain seperti industri penginapan, pengangkutan dan makanan dan minuman.


Prestasi Pelancongan Global dan Serantau

COVID-19 telah memberikan impak yang besar bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga di seluruh dunia bagi kedua-dua sektor ekonomi dan sosial. Industri pelancongan merupakan industri yang paling terkesan disebabkan gangguan dalam permintaan akibat sekatan perjalanan dan penutupan sempadan antarabangsa oleh kebanyakan negara.


Berdasarkan laporan daripada *United Nations World Tourism Organization (UNWTO) World Tourism Barometer*, pelancongan global pada tahun 2020 telah mencatatkan rekod terburuk dengan ketibaan pelancong merosot 72.2 peratus, iaitu 407 juta orang berbanding 1.47 bilion orang pada tahun 2019. Pada tahun 2021, pelancongan global mengalami peningkatan 12.0 peratus, berbanding pada tahun 2020, iaitu 456 juta orang berbanding 407 juta orang.

Walau bagaimanapun, ketibaan pelancong meningkat dua kali ganda pada tahun 2022, iaitu seramai lebih 963 juta orang yang menunjukkan pemulihan sebanyak 65.7 peratus dari tahun 2019.

Paparan 1: Ketibaan Pelancong Peringkat Global, 2019 — 2022




Paparan 2: Perubahan Peratusan Tahunan, 2019 — 2022



Sumber: UNWTO World Tourism Barometer

Benua Asia dan Kawasan Pasifik mengalami kejatuhan ketibaan pelancong antarabangsa paling buruk dengan penurunan 83.6 peratus pada tahun 2020 dan terus mencatatkan penurunan pada tahun 2021 kepada 58.0 peratus. Hal yang demikian kerana kebanyakan negara masih menutup sempadan untuk perjalanan yang tidak perlu. Kadar pemulihan yang perlahan serta berbeza di seluruh rantau dunia adalah disebabkan oleh pelbagai peringkat sekatan perjalanan, kadar vaksinasi serta keyakinan pelancong. Walau bagaimanapun, berbeza pula dengan negara Eropah dan Benua Amerika yang telah merekodkan ketibaan pelancong yang positif pada tahun 2021 berbanding pada tahun 2020, iaitu masing-masing 27.2 dan 17.1 peratus. Benua Asia dan Kawasan Pasifik menunjukkan peningkatan yang drastik dengan ketibaan pelancong antarabangsa pada tahun 2022 sebanyak 304.6 peratus. Selain itu, negara Eropah dan Benua Amerika juga mencatatkan peratus ketibaan pelancong yang semakin meningkat, iaitu 95.0 dan 91.0 peratus. Negara Benua Afrika dan Timur Tengah merekodkan ketibaan pelancong yang memberangsangkan, iaitu masing-masing mencatatkan 136.8 dan 163.4 peratus. Secara keseluruhannya, pelancongan global kembali pulih pada tahun 2022 dan menunjukkan trend pertumbuhan yang kukuh dengan ketibaan pelancong.

Carta 1: Ketibaan Pelancong di Malaysia, 1991 — 2022



Sumber: Tourism Malaysia

Malaysia juga tidak terkecuali terkesan akibat pandemik COVID-19 dengan mengalami penurunan sebanyak 83.4 peratus pelancong masuk ke dalam negara pada tahun 2020 yang hanya merekodkan 4.3 juta orang berbanding 26.1 juta orang pada tahun sebelumnya. Kejatuhan ini merupakan rekod terburuk dalam sejarah pelancongan negara selepas penularan Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) pada tahun 2003 yang menyusut 20.6 peratus. Kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 juga terpaksa dibatalkan dan menyebabkan anggaran kerugian sebanyak RM100 bilion dalam sektor pelancongan. Ketibaan pelancong bagi tahun 2021 masih mencatatkan penurunan yang tinggi, iaitu 96.9 peratus dengan bilangan 135.0 ribu pelancong sahaja. Ketibaan pelancong di Malaysia pada tahun 2022 pula kembali mencatatkan peningkatan yang agresif, iaitu 7,375.0 peratus dengan bilangan pelancong sebanyak 10.1 juta orang. Hal ini kerana peralihan Malaysia ke fasa endemik dan pembukaan semula sempadan negara kepada pengembara antarabangsa pada bulan April 2022 serta pemansuhan keperluan kuarantin dan ujian saringan COVID-19 ketika tiba di Malaysia mulai 1 Ogos 2022. Dengan kejayaan program vaksinasi COVID-19 Malaysia dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikemas kini untuk sektor pelancongan, negara kini telah bersiap sedia untuk menyambut kedatangan pelancong sekali lagi.


Prestasi Pelancongan Domestik, 2022

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melaksanakan tinjauan pelancongan domestik di Malaysia bermula pada tahun 2008. Tinjauan ini menyediakan statistik ketibaan pelawat, perbelanjaan pelancongan, corak perjalanan dan profil sosial dan demografi pelawat domestik.

a. Bilangan Pelawat Domestik, 2022

Setelah hampir dua tahun Malaysia bergelut dengan virus COVID-19 yang hampir melumpuhkan ekonomi negara, rakyat kini dapat menarik nafas lega apabila pelancongan domestik kembali rancak dan menunjukkan tanda pemulihan meskipun belum melepasi paras pra-pandemik. Secara keseluruhannya, ketibaan pelawat domestik melonjak 160.1 peratus dengan merekodkan 171.6 juta pelawat berbanding 66.0 juta pelawat pada tahun 2021, iaitu -49.9 peratus. Ini selari dengan pertumbuhan positif bagi volum pelancong, iaitu 337.1 peratus dan pelawat harian 108.5 peratus.

Carta 2: Bilangan Pelawat Domestik, 2012 — 2022




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

b. Jumlah Perbelanjaan Pelawat Domestik

Selari dengan peningkatan bilangan pelawat domestik, perbelanjaan turut meningkat 248.1 peratus berbanding pada tahun 2021. Namun begitu, jika dibandingkan dengan tahun 2019 sebelum pandemik COVID-19, jumlah ketibaan domestik menurun sebanyak 28.2 peratus (2019: 239.1 juta pelawat). Prestasi memberangsangkan bagi perbelanjaan ini didorong oleh peningkatan jumlah berbelanja terutamanya oleh pelancong domestik 425.1 peratus dan pelawat harian 129.0 peratus [Carta 3].

Dari segi perbelanjaan, peratusan pelancong bermalam mengatasi perbelanjaan pelawat harian dengan merekodkan 60.7 peratus (2021: 40.2%). Aktiviti membeli-belah merupakan komposisi terbesar daripada jumlah perbelanjaan dengan sumbangan 38.9 peratus (2021: 50.3%), manakala makanan dan minuman 15.2 peratus (2021: 15.1%) dan pembelian bahan api kenderaan menyumbang 13.8 peratus (2021: 11.1%). Aktiviti melawat saudara-mara dan rakan-rakan kembali menjadi penyumbang tertinggi bagi tujuan utama pelancong domestik, iaitu 33.7 peratus (2021: 24.2%), namun masih belum mengatasi peratusan yang dicatatkan pada tahun prapandemik, iaitu 42.3 peratus. Ini diikuti oleh membeli-belah dengan sumbangan 29.9 peratus (2021: 36.4%).

Carta 3: Jumlah Perbelanjaan Pelawat Domestik, 2012 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

c. Bilangan Perjalanan dan Tempoh Inap Purata (ALOS)

Sebanyak 207.8 juta perjalanan pelancongan telah dilakukan oleh pelawat domestik. Ini menggambarkan bahawa lonjakan tinggi sebanyak 187.0 peratus berbanding tahun sebelumnya, iaitu 332.4 juta perjalanan direkodkan pada tahun 2019. Sementara itu, Tempoh Inap Purata (ALOS) telah meningkat kepada 2.55 hari berbanding 2.19 hari pada tahun 2021. Peningkatan ini telah pun dijangka memandangkan sekatan larangan merentas negeri ditamatkan pada awal bulan Oktober 2021 dan orang ramai mengambil kesempatan untuk menginap dengan lebih lama.

d. Ketibaan Pelawat Domestik Mengikut Negeri

Selangor merupakan negeri yang dikunjungi oleh pelawat domestik paling ramai pada tahun 2022, iaitu 22.0 juta pelawat, diikuti oleh WP Kuala Lumpur dan Sarawak dengan masing-masing mencatatkan 16.9 juta dan 15.5 juta pelawat. Pada tahun 2022, jumlah pelancong domestik pada tahun 2022 menurun sebanyak 67.8 peratus untuk merekodkan 65.1 juta pelancong berbanding tahun sebelumnya 14.9 juta pelancong.

Dari segi ketibaan pelancong pula, Pahang berada pada kedudukan pertama sebagai negeri destinasi utama yang menerima kedatangan pelancong seramai 7.8 juta pelancong, diikuti Perak 6.9 juta pelancong dan Selangor 6.4 juta pelancong. Antara destinasi tumpuan di Pahang ialah Genting Highlands, Cameron Highlands dan Pantai Teluk Cempedak.

Pelaksanaan PKP 3.0 yang dijalankan sepanjang tahun 2021 telah mengakibatkan sektor perhotelan mengalami kerugian yang dianggarkan mencecah RM5.0 bilion. Walaupun kadar pengoperasian hotel pada tempoh tersebut sebanyak 71.0 peratus, kebanyakannya hanya bergantung kepada keperluan kuarantin dan tetamu dalam sektor perkhidmatan penting. Walau bagaimanapun, industri pelancongan beransur memulih seiring dengan fasa endemik COVID-19.

Kesimpulan dan Rantaian ke Hadapan

Berdasarkan statistik yang dinyatakan di atas, prestasi pelancongan domestik Malaysia pada tahun 2022 menunjukkan tanda-tanda pemulihan sektor pelancongan ini dan dijangka akan kembali rancak menjelang tahun seterusnya meskipun berlaku ketidakpastian ekonomi global. Fasa peralihan ke endemik yang bermula pada 1 April 2022 ternyata memberikan kelegaan dan kegembiraan kepada pelbagai pihak khususnya penggiat industri pelancongan selepas dua tahun terpaksa “menyepi” berikutan pandemik COVID-19. Malaysia telah membuka semula sempadan negara sepenuhnya untuk membenarkan perjalanan dan pelancongan bebas kuarantin. Pembukaan semula kepada dunia ini dapat merancakkan kembali ketibaan pelancong asing ke Malaysia sekali gus menyumbang kepada usaha-usaha pemulihan sektor pelancongan dengan impak positif ke atas ekonomi negara.

UNWTO menjangkakan pemulihan industri pelancongan akan berterusan sepanjang tahun 2023 dengan ketibaan pelancong antarabangsa yang boleh mencapai 80.0 peratus sehingga 95.0 peratus daripada tahap prapandemik. Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan RM250 juta untuk mempromosikan industri pelancongan menerusi Belanjawan 2023 bagi menggerakkan industri pelancongan serta memperkuat strategi pemasaran dan promosi yang lebih efektif agar Malaysia bangkit semula sebagai destinasi tumpuan pelancongan.

Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini hanya pandangan penulis sahaja dan tidak semestinya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

PENGUNAAN KOMPUTER YANG SEMAKIN BERKURANGAN DALAM ERA ENDEMIK

Azmi Bin Ali dan Nur Hidayah Binti Kassim


Pengenalan

Krisis pandemik COVID-19 memaparkan hampir kesemua urusan harian dilakukan secara dalam talian, sekaligus mendesak masyarakat di pelbagai peringkat jantina dan usia untuk menyesuaikan diri dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Sebelum ini, aktiviti dalam talian lebih menjurus kepada soal kewangan, proses jual beli dan hubungan sosial, kini kegiatan secara maya lebih meluas, antaranya melibatkan pekerjaan yang bekerja dari rumah (BDR), Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR), mesyuarat secara dalam talian dan pelbagai lagi. Lantaran itu juga istilah seperti *Google*, *YouTube* serta aplikasi seperti *Zoom* dan *Google Meet* yang mana sebelum ini hanya popular dalam kalangan belia dan anak muda, kini perlu dicerna oleh golongan dewasa serta kanak-kanak seawal usia lima tahun bagi memastikan mereka tidak ketinggalan daripada peredaran semasa.

Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) memaparkan sebuah dokumen strategi pembangunan lebih 500 halaman yang telah dibentangkan dan diketahui umum. RMK-12 adalah asas kepada usaha terkini bagi menghadapi era baharu, iaitu era endemik kesan daripada COVID-19. Tuntasnya, penularan pandemik ini memberi impak luar jangka terutama kepada pendapatan isi rumah dan mengubah struktur kumpulan isi rumah serta sosio-ekonomi masyarakat.

Walau bagaimanapun, tidak ketinggalan juga penggunaan dan keperluan kepada akses kepada ICT sewaktu COVID-19 ini memainkan peranan yang amat penting. Namun, setelah Malaysia beralih kepada fasa endemik yang berkuat kuasa pada 1 April 2022, ianya memberikan impak negatif kepada penggunaan komputer dalam kalangan masyarakat. Paparan 1 menunjukkan peratusan penggunaan komputer di Malaysia dari tahun 2018 hingga tahun 2022.

Paparan 1: Peratusan Penggunaan Komputer di Malaysia, 2018 — 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Paparan 1 menunjukkan bahawa penggunaan komputer memberikan gambaran jelas terhadap fasa peralihan COVID-19 yang berlaku pada tahun 2020 kerana pada masa ini, masyarakat diwajibkan untuk BDR, PdPR serta melakukan pembelian barangan secara dalam talian dan menunjukkan berlaku peningkatan penggunaan komputer dari tahun ke tahun. Penggunaan komputer dalam kalangan masyarakat Malaysia pada tahun 2022 menurun sedikit kepada 80.2% (2021: 83.5%) kerana pembukaan semua sektor di Malaysia di samping penjawat awam mahupun swasta kembali bekerja di pejabat dan pelajar-pelajar juga kembali ke sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Pendedahan Peranti-peranti Utama Dalam Penggunaan Komputer

Komputer ialah sebuah alat ciptaan sains dan teknologi yang merupakan satu mesin elektronik yang boleh menerima arahan atau data digital, memproses, menyimpan dan mengeluarkan hasil daripada data yang diproses. Ia juga merujuk kepada *desktop*, komputer riba atau papan elektronik mudah alih (*tablet*). Namun, ia tidak termasuk peralatan dengan beberapa *embedded computing ability* seperti set TV pintar dan peranti dengan telefon sebagai fungsi utama contohnya telefon pintar. Sejarah komputer elektronik berdigital boleh dikatakan bermula pada tahun 1940-an dan boleh dibahagikan kepada enam generasi bermula pada tahun 1940-an sehingga kini (Ceruzzi, 2012).

Di Malaysia, peranan komputer amatlah meluas penggunaannya termasuklah bidang pentadbiran, pendidikan, industri, perniagaan, kesihatan dan pelbagai lagi bidang yang menggunakan komputer. Dalam pada itu, komputer juga boleh dibahagikan kepada tiga kelas utama, iaitu komputer peribadi, komputer riba dan papan elektronik mudah alih. Komputer peribadi merujuk kepada istilah yang digunakan untuk komputer yang diletakkan di atas meja (*Desktop Computer*). Lazimnya, yang diletakkan di atas meja hanyalah monitor, tetikus dan papan kekunci, sementara CPU pula diletakkan di bawah meja di samping komputer ini terpisah antara CPU dengan monitornya. Komputer riba adalah komputer yang bentuknya ringkas dan mudah alih, iaitu mudah dibawa ke mana-mana. CPU, monitor dan papan kekunci menyatu dan menyerupai sebuah buku. Penggunaannya perlu dibuka terlebih dahulu kerana setiap pengguna akan meletakkannya di atas pangkuan (riba). Sebagai contoh, *Notebook* Komputer, *NetBook* Komputer, *Subnotebook* Komputer, *Palmtop* Komputer dan *Laptop* Lasak juga dikategorikan di bawah komputer riba. Papan elektronik mudah alih merujuk kepada keperluan pengguna PC atau *notebook* untuk bekerja dan berkomunikasi membuat pengilang mencipta alat input peranti selain papan kekunci dan tetikus. Maka, terhasillah alat tulis kecil seperti pensil yang disebut sebagai *stylus*. *Stylus* ini digunakan untuk menulis di monitor *laptop* atau *notebook* di mana monitornya boleh diputar dan dilipat seperti menulis di atas kertas. Komputer jenis ini disebut sebagai *PC Tablet*. Paparan 2 menunjukkan peratusan penggunaan tiga peranti utama komputer dalam kalangan masyarakat Malaysia pada tahun 2022.

Paparan 2: Peratusan Penggunaan Tiga Peranti Utama Komputer di Malaysia, 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penggunaan komputer terutamanya penggunaan komputer peribadi mengalami penurunan kepada 24.5 peratus pada tahun 2022 berbanding tahun 2021, iaitu sebanyak 29.7 peratus. Manakala, penggunaan komputer riba juga menunjukkan peratusan penurunan kepada 38.4 peratus berbanding tahun 2021, iaitu sebanyak 45.1 peratus. Dalam pada itu juga, peratusan papan elektronik mudah alih menunjukkan penurunan kepada 26.2 peratus berbanding tahun 2021, iaitu 30.9 peratus.

Jadual 1: Siri Masa Statistik Import Komputer, Malaysia, 2018 — 2022

Komputer	2018	2019	2020	2021	2022
RM (Juta)	3,216.4	3,483.3	4,657.2	7,781.2	5,691.6
Pertumbuhan (%)		8.3	33.7	67.1	-26.9
CAGR 2018 — 2022	15.3				


Jumlah import komputer pada tahun 2019 meningkat sebanyak 8.3 peratus kepada RM3,483.3 berbanding tahun 2018 (RM3,216.4). Kemajuan dalam teknologi telah membawa kepada pengenalan model komputer yang lebih efisien. Jika dilihat pada tahun 2020, import komputer meningkat sebagaimana permintaan meningkat dengan peratusan sebanyak 33.7 peratus kepada RM4,657.2 berbanding tahun 2019. Malaysia telah memperlihatkan lonjakan yang luar biasa dalam import komputer pada tahun 2021 dengan peningkatan sebanyak 67.1 peratus kepada RM7,781.2 berbanding tahun 2020, mencerminkan perubahan ketara dalam tingkah laku pengguna, kemajuan teknologi dan faktor ekonomi. Walau bagaimanapun, penularan pandemik COVID-19 telah meninggalkan implikasi yang besar terhadap import komputer yang ditunjukkan oleh penurunan sebanyak 26.9 peratus kepada RM5,691.6 berbanding tahun 2021. Lantaran itu juga, Kadar Pertumbuhan Tahunan di Kompaun (CAGR) menggariskan perubahan yang komprehensif dalam ekosistem digital negara. Peningkatan CAGR dari tahun 2018 hingga 2022 sebanyak 15.3 peratus bagi import komputer menandakan peralihan transformatif ke arah pendigitalan.

Kefahaman pemacu di sebalik pertumbuhan ini adalah penting bagi penggubal dasar dan pihak berkepentingan untuk memanfaatkan peluang di samping menangani cabaran seperti pergantungan teknologi dan keterangkuman digital.

Pengukuhan Kemahiran Dalam Penggunaan Komputer

Penggunaan komputer telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian kita. Kemajuan teknologi memerlukan individu memiliki kemahiran dalam penggunaan komputer untuk berfungsi dengan berkesan dalam pelbagai bidang. Lantaran itu, pengukuhan kemahiran dalam penggunaan komputer adalah aspek penting dalam perkembangan individu itu sendiri dan juga perkembangan masyarakat.

Paparan 2: Peratusan Penggunaan Komputer oleh Individu Mengikut Kemahiran ICT, Malaysia, 2021 — 2022



Lima aktiviti utama terpilih menunjukkan peratusan tertinggi pada tahun 2022 adalah aktiviti menyalin atau memindahkan fail (97.0%) berbanding tahun 2021, iaitu 94.6 peratus. Ini diikuti dengan aktiviti menggunakan teknik menyalin dan menampal untuk mendua atau memindahkan maklumat di dalam satu dokumen (96.3%) berbanding tahun 2021 (93.2) peratus. Menguasai asas seperti menghantar emel beserta fail sebanyak 89.4 peratus berbanding tahun 2021 (78.7%) membolehkan individu menjalankan tugas harian dengan lebih cekap, lebih-lebih lagi apabila berurusan dengan beberapa pihak lain. Kemahiran dalam memindahkan fail di antara komputer dan peranti mudah alih lain juga meningkat daripada 74.4 peratus (2021) kepada 83.1 peratus dan seterusnya menghubungkan dan memasang peranti baru menunjukkan peningkatan kepada 79.2 peratus berbanding 76.0 peratus pada tahun 2021.

Dalam memperoleh kemahiran menggunakan komputer, inisiatif pembelajaran berterusan dan penggunaan sumber pendidikan digital adalah penting. Pusat latihan, kursus dalam talian dan sumber pembelajaran yang diakses secara bebas boleh membantu individu dalam meningkatkan kemahiran selaras dengan kemajuan teknologi.

Kesimpulan

Penggunaan komputer dalam era endemik ini telah memberikan impak yang negatif setelah bermulanya pembukaan semua sektor di Malaysia terutamanya pendidikan yang menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka di sekolah mahupun institusi. Ini menandakan peralihan ketara dalam aliran teknologi ditambah pula dengan perubahan dalam tingkah laku masyarakat menyumbang kepada pengurangan penggunaan komputer merentasi pelbagai domain. Walau bagaimanapun, pembangunan dalam pengkomputeran memberikan kesan kepada hampir setiap komuniti (Parameswaran & Whinston, 2007). Ini bermakna jangkaan pelaburan yang meluas dalam tenaga kerja negara adalah penting.

Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini hanya pandangan penulis sahaja dan tidak semestinya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

PENILAIAN PRESTASI INDIKATOR MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG) MALAYSIA 2022: ADAKAH KITA DI LANDASAN KE ARAH AGENDA 2030?

Mohd Azmi Bahtiar dan Nur-'Azah Afnan Hanafi

Latar Belakang SDG

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah melancarkan Agenda 2030 pada tahun 2015 yang memfokuskan kepada pembangunan mampan. Malaysia bersama-sama 192 negara PBB yang lain berkomitmen untuk menyokong dan melaksanakan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) serta mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan. Kerangka indikator global yang terdiri daripada 244 indikator telah diterima pakai oleh *United Nations General Assembly* untuk mengukur 17 matlamat dan 169 sasaran. Semasa sesi ke-51 *United Nation Statistical Commission* pada Mac 2020, kerangka indikator telah dikaji semula dan 247 indikator diterima pakai. Keputusan sesi ke-53 *United Nation Statistical Commission* pada Mac 2022 menyatakan bahawa bilangan indikator SDG global yang terkini ialah 248 (231 indikator unik).

Pelaksanaan SDG di Malaysia

Pada peringkat nasional, usaha penyediaan indikator SDG telah bermula sejak tahun 2016 melalui bengkel dan mesyuarat bersama kementerian serta agensi yang berkaitan. Sehingga kini, terdapat 51 kementerian dan agensi yang terlibat dalam pembangunan indikator SDG di Malaysia. Pemantauan pencapaian SDG ini pula diperkukuh dengan penubuhan Tadbir Urus SDG Negara bagi merancang dan memantau pelaksanaan SDG. Tadbir urus ini dipimpin oleh Majlis SDG Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Hal ini menunjukkan komitmen yang serius oleh negara untuk mencapai sebuah negara yang lebih adil, inklusif dan mampan dengan menerapkan Agenda 2030 sebagai sasaran dalam dasar kerajaan. Justeru adalah amat penting untuk kita menilai ketersediaan dan pencapaian indikator SDG kerana indikator ini berperanan sebagai tulang belakang dalam proses pengukuran, pemantauan dan keberhasilan penerapan SDG dalam negara.

Ketersediaan Indikator SDG 2022


Status ketersediaan indikator SDG Malaysia telah menunjukkan perkembangan positif dengan ketersediaan 99 indikator (41%) pada tahun 2018 meningkat kepada 175 indikator (71%) pada tahun 2021. Ketersediaan indikator telah bertambah baik kepada 195 indikator iaitu 79 peratus pada tahun 2022 daripada 248 indikator global. Pada peringkat negeri, ketersediaan indikator adalah sebanyak 80 indikator pada tahun 2022 berbanding 76 indikator tahun sebelumnya. Manakala, peringkat daerah merekodkan 23 ketersediaan indikator pada tahun 2022 berbanding 20 indikator pada tahun 2021. Pencapaian dalam ketersediaan indikator SDG menunjukkan kesungguhan negara untuk menjayakan SDG ini.

Prestasi Indikator SDG Mengikut Matlamat

Peningkatan atau pertumbuhan positif sesuatu indikator bermaksud pertambahan atau pengurangan nilai sesuatu indikator ke arah mencapai sasaran SDG. Sebagai contoh pengurangan insiden kemiskinan mutlak dalam negara menunjukkan indikator tersebut positif ke arah sasaran SDG manakala sebaliknya peningkatan insiden kemiskinan menunjukkan indikator tersebut bertumbuh negatif ke arah sasaran SDG.

Melihat daripada sudut prestasi indikator SDG pada tahun 2022, berbanding jumlah keseluruhan 195 indikator yang dilaporkan, sebanyak 146 indikator yang mempunyai data bagi tahun 2022. Sejumlah 100 indikator (68%) menunjukkan peningkatan positif bagi tempoh tersebut manakala selebihnya 29 indikator (20%) perubahan negatif dan 17 indikator (12%) tiada perubahan. Matlamat 17 mencatatkan bilangan indikator positif tertinggi iaitu 15 indikator, diikuti dengan Matlamat 16 (10 indikator) dan Matlamat 3 (9 indikator).

Carta 1: Prestasi Indikator SDG, Malaysia Mengikut Matlamat berdasarkan Laporan Indikator SDG, Malaysia, 2022



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Matlamat Pembangunan Mampan 1 (SDG1) menyasarkan untuk membasmi kemiskinan tegar menjelang 2030. SDG1 meliputi 13 indikator pada peringkat global dan lapan indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Antara indikator yang mencapai sasaran positif ialah SDG 1.4.1 (Akses kepada keperluan asas), SDG 1.5.1 (Bencana), SDG 1.5.3 (Pengurangan risiko bencana), SDG 1.5.4 (Pengurangan risiko bencana kerajaan tempatan) dan SDG 1.a.2 (Perbelanjaan kerajaan bagi kesihatan). Dua indikator SDG1 yang mencatatkan perubahan negatif ialah SDG 1.2.1 (Paras kemiskinan nasional) dan SDG 1.3.1 (Perlindungan sosial) manakala SDG 1.1.1 (Paras kemiskinan antarabangsa) tiada perubahan prestasi. Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), Malaysia menunjukkan tekad yang lebih kukuh untuk mengatasi masalah kemiskinan, khususnya melalui Tema 2 dan Pemacu Perubahan 6. Fokus utama adalah untuk mengubah pendekatan dalam usaha memerangi kemiskinan tegar menjelang tahun 2025.

Matlamat Pembangunan Mampan 2 (SDG2) menetapkan untuk menamatkan kelaparan, mencapai keterjaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan. SDG2 meliputi 14 indikator pada peringkat global dan empat indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Terdapat tiga indikator menunjukkan prestasi positif iaitu SDG 2.2.1 (Prevalens pembantutan), SDG 2.3.1 (Produktiviti pertanian) dan SDG 2.5.1 (Sumber genetik untuk makanan). SDG 2.2.2 (Prevalens berlebihan berat badan) pula mencatatkan prestasi negatif pada tahun 2022. Dasar Agromakanan Negara, 2021-2030 (DAN 2.0) merupakan langkah kerajaan untuk membangunkan sektor agromakanan yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi dalam usaha bagi memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti makanan dan nutrisi.

Matlamat Pembangunan Mampan 3 (SDG3) menasaskan untuk memastikan kehidupan sihat dan menggalakkan kesejahteraan pada semua peringkat umur. SDG3 meliputi 28 indikator pada peringkat global dan 18 indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Sebanyak sembilan indikator mencatatkan prestasi positif bagi matlamat ini iaitu SDG 3.1.1 (Mortaliti ibu bersalin), SDG 3.1.2 (Kakitangan kesihatan terlatih), SDG 3.3.5 (Pemberian ubat secara beramai-ramai), SDG 3.4.2 (Kematian bunuh diri), SDG 3.7.2 (Kadar kelahiran remaja), SDG 3.b.1 (Pemberian vaksin), SDG 3.c.1 (Pekerja kesihatan), SDG 3.d.1 (Peraturan Kesihatan Antarabangsa) dan SDG 3.d.2 (Rintangan antimicrobial). Indikator yang mencatatkan prestasi negatif bagi matlamat ini ialah SDG 3.2.1 (Mortaliti kurang daripada 5 tahun), SDG 3.2.2 (Mortaliti neonatal), SDG 3.3.2 (Insidens tibi), SDG 3.5.1 (Intervensi rawatan dadah) dan SDG 3.6.1 (Kematian kemalangan jalan raya). Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menyediakan Pelan Tindakan KKM 2021-2025 bagi meningkatkan sistem kesihatan negara. Terdapat empat teras dalam Pelan Tindakan ini iaitu:

- i. Teras Strategik 1: Memperkemas Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan;
- ii. Teras Strategik 2: Memperkukuh Pembiayaan Kesihatan;
- iii. Teras Strategik 3: Memperkukuh Kesedaran Kesihatan dan Pemerkasaaan Masyarakat; dan
- iv. Teras Strategik 4: Memanfaatkan Teknologi dan Inovasi Dalam Penjagaan Kesihatan.

Matlamat Pembangunan Mampan 4 (SDG4) menasaskan untuk memastikan pendidikan berkualiti secara menyeluruh dan saksama. SDG4 meliputi 12 indikator pada peringkat global dan 10 indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Sebanyak lapan indikator mencatatkan prestasi positif bagi matlamat ini iaitu SDG 4.1.2 (Kadar tamat persekolahan), SDG 4.2.2 (Kadar penyertaan peringkat prasekolah), SDG 4.4.1 (Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi), SDG 4.5.1 (Indeks kesetaraan), SDG 4.6.1 (Tahap kecekapan literasi), SDG 4.a.1 (Perkhidmatan asas), SDG 4.b.1 (Bantuan pembangunan rasmi untuk biasiswa) dan SDG 4.c.1 (Guru dengan kelayakan minimum). Manakala dua indikator yang menunjukkan prestasi negatif ialah SDG 4.2.1 (Perkembangan kesihatan kanak-kanak yang sepatutnya) dan SDG 4.3.1 (Belia dan dewasa dalam pendidikan dan latihan formal serta tidak formal). Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 telah menetapkan sasaran yang perlu dicapai dari segi kualiti, ekuiti dan akses dalam tempoh 13 tahun. Terdapat lima aspirasi sistem pendidikan Malaysia iaitu:

- i. Akses - 100% enrolmen merentas semua peringkat pendidikan daripada prasekolah hingga menengah atas menjelang tahun 2020;
- ii. Kualiti - Negara dalam kelompok sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa seperti TIMSS dan PISA dalam tempoh 15 tahun;
- iii. Ekuiti - 50% pengurangan dalam jurang pencapaian (bandar-luar bandar, sosioekonomi, gender) menjelang tahun 2020;
- iv. Perpaduan - Sistem pendidikan yang menawarkan perkongsian pengalaman dan nilai kepada kanak-kanak dengan menghargai kepelbagaian; dan
- v. Kecekapan - Sistem yang memaksimumkan keberhasilan murid mengikut peruntukan sedia ada.

Matlamat Pembangunan Mampan 5 (SDG5) menasaskan untuk mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa golongan wanita dan kanak-kanak perempuan. SDG5 meliputi 14 indikator pada peringkat global dan 10 indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Terdapat enam indikator merekodkan pencapaian positif iaitu SDG 5.5.1 (Rangka kerja undang-undang), SDG 5.5.2 (Wanita dalam jawatan pengurusan), SDG 5.6.2 (Dasar Kesihatan Sosial dan Reproduksi Remaja), SDG 5.a.2 (Undang-undang hak pemilikan tanah), SDG 5.b.1 (Pemilikan telefon bimbit) dan SDG 5.c.1 (Sistem kesaksamaan *gender*). Dua indikator yang mencatatkan perubahan negatif ialah SDG 5.5.2 (Keganasan seksual selain pasangan intim) dan SDG 5.5.1 (Kerusi yang disandang oleh wanita dalam dewan rakyat). Dasar Wanita Negara yang dilaksanakan pada tahun 1989 adalah untuk menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita dengan mengarusperdanakan kepentingan

wanita untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan negara untuk mencapai kesaksamaan gender.

Matlamat Pembangunan Mampan 6 (SDG6) menasaskan untuk memastikan ketersediaan dan pengurusan air mampan serta sanitasi untuk semua. SDG6 meliputi 11 indikator pada peringkat global dan enam indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Empat indikator merekodkan pencapaian positif bagi matlamat ini iaitu SDG 6.1.1 (Air minuman yang diuruskan), SDG 6.2.1 (Perkhidmatan sanitasi), SDG 6.3.1 (Air sisa domestik dirawat) dan SDG 6.3.2 (Kualiti air ambien yang baik). Manakala SDG 6.4.2 menunjukkan pencapaian negatif (Tahap tekanan air) dan SDG 6.5.2 (Kawasan lembangan rentas sempadan) mencatatkan tiada perubahan prestasi. Dasar Sumber Air Negara 2010-2050 menggariskan hala tuju strategik dan rangka kerja bagi tindakan strategik untuk memastikan sumber air diguna dan dibangunkan secara lestari untuk manfaat negara, penduduk dan alam sekitar.

Matlamat Pembangunan Mampan 7 (SDG7) menasaskan untuk memastikan akses kepada tenaga mampu milik, boleh dipercayai, mampan dan moden untuk semua. SDG7 meliputi enam indikator pada peringkat global dan dua indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Terdapat satu indikator yang mencatatkan pencapaian positif dan negatif bagi matlamat ini masing-masing SDG 7.1.2 (Pergantungan kepada bahan api dan teknologi bersih) dan SDG 7.1.1 (Akses kepada bekalan elektrik). Pelaksanaan Dasar Tenaga Negara (2022-2040) merupakan langkah kerajaan untuk meningkatkan penggunaan sumber tenaga yang bersih dalam campuran tenaga utama.

Matlamat Pembangunan Mampan 8 (SDG8) menasaskan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan berkekalan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang sesuai untuk semua. SDG8 meliputi 16 indikator pada peringkat global dan 10 indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Tujuh indikator mencatatkan prestasi positif bagi matlamat ini iaitu SDG 8.1.1 (KDNK per kapita), SDG 8.2.1 (KDNK per pekerja), SDG 8.5.1 (Purata pendapatan), SDG 8.5.2 (Kadar pengangguran), SDG 8.9.1 (KDNK daripada pelancongan), SDG 8.10.2 (Memiliki akaun di institusi kewangan) dan SDG 8.b.1 (Strategi untuk pekerjaan belia). Sebaliknya terdapat tiga indikator menunjukkan prestasi negatif iaitu SDG 8.6.1 (Belia bukan dalam pendidikan, pekerjaan atau latihan), SDG 8.8.1 (Kecederaan maut dan bukan maut pekerjaan) dan SDG 8.10.1 (Bilangan cawangan bank komersial). Pertumbuhan aspek ekonomi seperti yang ditekankan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) merupakan langkah kerajaan untuk meningkatkan pencapaian SDG8.

Matlamat Pembangunan Mampan 9 (SDG9) menasaskan untuk membina infrastruktur yang berdaya tahan, menggalakkan perindustrian menyeluruh dan mampan serta menggalakkan inovasi. SDG9 meliputi 12 indikator pada peringkat global dan enam indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Terdapat lima indikator mencatatkan pencapaian positif bagi SDG9 iaitu SDG 9.1.2 (Jumlah penumpang dan barangan), SDG 9.2.1 (Nilai ditambah sektor pembuatan), SDG 9.2.2 (Guna tenaga sektor pembuatan), SDG 9.b.1 (Industri berteknologi tinggi dan sederhana) dan SDG 9.c.1 (Rangkaian mudah alih). Satu indikator menunjukkan pencapaian negatif bagi SDG9

iaitu SDG 9.3.1 (Industri berskala kecil). Sebagai respons terhadap Revolusi Industri Keempat (4IR), Dasar Kebangsaan Industri 4.0 atau Industry4WRD dilancarkan pada 31 Oktober 2018 untuk mendorong transformasi digital sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan berkaitan di Malaysia. Manakala Dasar Pengangkutan Negara 2019 — 2030 bertujuan untuk membangunkan sektor pengangkutan mampan yang memacu pertumbuhan ekonomi dan menyokong kesejahteraan rakyat seiring dengan status negara maju.

Matlamat Pembangunan Mampan 10 (SDG10) menyasarkan untuk mengurangkan ketidaksamaan dalam dan antara negara. SDG10 meliputi 14 indikator pada peringkat global dan lapan (8) indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Lima indikator merekodkan pencapaian positif dalam SDG10 iaitu SDG 10.1.1 (Perbelanjaan atau pendapatan terendah 40 peratus penduduk), SDG 10.2.1 (Penduduk di bawah 50 peratus daripada pendapatan penengah), SDG 10.5.1 (Penunjuk Kestabilan Kewangan), SDG 10.7.2 (Dasar migrasi) dan SDG 10.a.1 (Produk tarif sifar). Manakala dua indikator menunjukkan prestasi negatif iaitu SDG 10.4.1 (Pampasan pekerja) dan SDG 10.c.1 (Kos pengiriman wang).

Matlamat Pembangunan Mampan 11 (SDG11) menyasarkan untuk menjadikan bandar dan penempatan penduduk sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan. SDG11 meliputi 15 indikator pada peringkat global dan 10 indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Terdapat lapan indikator mencatatkan prestasi positif dalam SDG11 iaitu SDG 11.3.1 (Kadar penggunaan tanah), SDG 11.5.1 (Bencana), SDG 11.6.1 (Sisa pepejal dikendalikan), SDG 11.6.2 (Tahap habuk halus), SDG 11.7.2 (Mangsa gangguan seksual), SDG 11.a.1 (Dasar perbandaran negara), SDG 11.b.1 (Strategi pengurangan risiko bencana nasional) dan SDG 11.b.2 (Strategi pengurangan risiko bencana tempatan). Manakala indikator yang menunjukkan pencapaian negatif ialah SDG 11.7.1 (Kawasan terbuka untuk awam). Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) 2016-2025 merupakan langkah kerajaan untuk memastikan pembangunan bandar yang mampan dengan penekanan terhadap keseimbangan pembangunan fizikal, alam sekitar, sosial dan ekonomi negara.

Matlamat Pembangunan Mampan 12 (SDG12) menyasarkan untuk memastikan corak penggunaan dan pengeluaran yang mampan. SDG12 meliputi 13 indikator pada peringkat global dan enam indikator telah tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Terdapat tiga indikator menunjukkan prestasi positif iaitu SDG 12.1.1 (Dasar peralihan penggunaan dan pengeluaran yang mampan), SDG 12.5.1 (Kadar kitar semula nasional) dan SDG 12.7.1 (Tahap pelaksanaan dasar). Manakala satu indikator iaitu SDG 12.4.2 (Sisa buangan berbahaya) dan dua indikator SDG 12.4.1 (Perjanjian alam sekitar antarabangsa) serta SDG 12.b.1 (Pelaksanaan alat perakaunan standard) masing-masing mencatatkan prestasi negatif dan tiada perubahan. Antara dasar kerajaan yang dapat meningkatkan pencapaian SDG12 ialah Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara 2016.

Matlamat Pembangunan Mampan 13 (SDG13) menyasarkan untuk mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim dan kesannya. SDG13 meliputi lapan indikator pada peringkat global dan empat indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Terdapat empat indikator di bawah SDG13 mencatatkan prestasi positif pada tahun 2022 iaitu SDG 13.1.1 (Bencana), SDG 13.1.2 (Strategi pengurangan risiko bencana nasional), SDG 13.1.3 (Strategi pengurangan risiko bencana tempatan) dan SDG 13.2.1 (Strategi perubahan iklim negara). Antara polisi kerajaan yang menyokong pencapaian SDG13 ialah Dasar Perubahan Iklim Negara.

Matlamat Pembangunan Mampan 14 (SDG14) menasaskan untuk memulihara dan menggunakan sumber lautan, laut dan marin secara mampan untuk pembangunan mampan. SDG14 meliputi 10 indikator pada peringkat global dan lapan indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Empat indikator mencapai prestasi positif bagi SDG14 iaitu SDG 14.2.1 (Ekosistem kawasan laut), SDG 14.3.1 (Kualiti air marin), SDG 14.b.1 (Perundangan perikanan berskala kecil) dan SDG 14.c.1 (Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa). Antara polisi kerajaan yang dapat membantu pencapaian SDG14 ialah Pelan Pembangunan Perikanan Negara 2021-2030.

Matlamat Pembangunan Mampan 15 (SDG15) menasaskan untuk melindungi, memulih dan menggalakkan penggunaan ekosistem daratan mampan, menguruskan hutan, mencegah penggunaan, menghentikan dan memulihkan degradasi tanah dan menghentikan kehilangan biodiversiti secara mampan. SDG15 meliputi 14 indikator pada peringkat global dan lima indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Terdapat tiga (3) indikator mencatatkan prestasi positif bagi matlamat ini iaitu SDG 15.6.1 (Dasar perkongsian manfaat yang adil dan saksama), SDG 15.8.1 (Undang-undang pencegahan atau kawalan bagi spesies asing yang invasif) dan SDG 15.9.1 (Sasaran 2 Biodiversiti Aichi). Manakala dua (2) indikator menunjukkan prestasi negatif iaitu SDG 15.7.1 (Dagangan hidupan liar) dan SDG 15.c.1 (Dagangan hidupan liar). Antara dasar yang dapat membantu pencapaian SDG 15 ialah Dasar Perhutanan Malaysia 2021.

Matlamat Pembangunan Mampan 16 (SDG16) menasaskan untuk mengurangkan secara signifikan semua bentuk keganasan dan kadar kematian yang berkaitan di seluruh dunia. SDG16 meliputi 24 indikator pada peringkat global dan 14 indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. Terdapat 10 indikator yang mencatatkan prestasi positif dalam SDG16. Antaranya SDG 16.1.1 (Mangsa pembunuhan), SDG 16.1.3 (Mangsa jenayah), SDG 16.2.1 (Penderaan kanak-kanak), SDG 16.2.2 (Mangsa pemerdagangan Manusia), SDG 16.3.1 (Mangsa keganasan), SDG 16.3.2 (Orang tahanan yang tidak dijatuhkan hukuman), SDG 16.4.2 (Senjata yang disita), SDG 16.5.1 (Rasuah), SDG 16.7.1 (Jawatan di institusi kerajaan) dan SDG 16.a.1 (Institusi Hak Asasi Manusia Kebangsaan). Dasar Keselamatan Negara (DKN) 2021-2025 dilihat mampu meningkatkan pencapaian SDG16.

Matlamat Pembangunan Mampan 17 (SDG17) menasaskan untuk memperkukuhkan kaedah pelaksanaan dan menggiatkan semula Kerjasama Global untuk Pembangunan Mampan. SDG17 meliputi 24 indikator pada peringkat global dan 17 indikator tersedia pada peringkat nasional pada tahun 2022. 15 indikator merekodkan prestasi positif dalam SDG17 iaitu SDG 17.1.1 (Hasil kerajaan), SDG 17.1.2 (Hasil cukai dan perbelanjaan persekutuan), SDG 17.3.1 (Malaysian Technical Cooperation Programme), SDG 17.6.1 (Langganan jalur lebar), SDG 17.8.1 (Individu yang menggunakan Internet), SDG 17.9.1 (Bantuan kewangan dan teknikal), SDG 17.11.1 (Sumbangan eksport global), SDG 17.12.1 (Purata tarif), SDG 17.14.1 (Dasar pembangunan mampan), SDG 17.15.1 (Rangka kerja keputusan dan alat perancangan), SDG 17.16.1 (Rangka kerja pemantauan keberkesanan pembangunan), SDG 17.18.1 (Kapasiti indikator statistik), SDG 17.18.2 (Peraturan statistik nasional), SDG 17.18.3 (Pelan statistik kebangsaan) dan SDG 17.19.2 (Banci penduduk dan perumahan).

Limitasi atau Kekangan

Prestasi indikator SDG yang dibincangkan dalam artikel ini hanya melihat dari sudut pertumbuhan atau pencapaian pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya. Sasaran SDG nasional perlu ditetapkan pada peringkat sasaran atau indikator bagi menggambarkan prestasi SDG yang akan dicapai menjelang tahun 2030. Dengan penetapan sasaran ini, penilaian komprehensif dapat dilaksanakan bagi mengukur jurang antara nilai sasaran semasa dan nilai sasaran yang telah ditetapkan.

Kesimpulan

Ketersediaan indikator SDG adalah diperlukan bagi mengukur prestasi negara ke arah mencapai Agenda Pembangunan Mampan 2030. Justeru, kerjasama dan komitmen semua agensi atau kementerian adalah amat penting dalam pengumpulan data bagi penyediaan indikator yang berkualiti untuk mengukur serta memantau pencapaian Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang turut dijayarkan kepada SDG. Peningkatan ketersediaan indikator kepada 79 peratus (195 indikator) pada tahun 2022 menunjukkan bahawa negara sedang bergerak ke arah landasan yang baik bagi mengukur pencapaian SDG yang lebih inklusif agar tiada siapa yang tertinggal.

Peningkatan prestasi SDG pada tahun 2022 memberi gambaran awal tentang pemulihan negara setelah dilanda wabak penyakit global pada tahun 2020 dan 2021. Penetapan sasaran SDG pada peringkat indikator juga diperlukan untuk mengukur pencapaian semasa dengan sasaran yang ditetapkan. Usaha kerajaan menyediakan Pelan Hala Tuju SDG Fasa 2 adalah perlu untuk memastikan pelaksanaan dasar lebih berkesan ke arah mencapai Agenda Pembangunan Mampan 2030.

Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini hanya pandangan penulis sahaja dan tidak semestinya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

PENGUKUR TAHAP KEBAHAGIAAN RAKYAT MALAYSIA

Roslawati Yahya, Nor Alkashah Arif Shah dan Wan Syakirah Wan Jamil

Takrifan Kebahagiaan Rakyat Malaysia

Kebahagiaan ialah sebuah konsep multi-dimensi yang merujuk kepada kepuasan, perasaan bahagia, kesenangan hidup dan kesejahteraan pelbagai aspek kehidupan individu yang telah digarap bagi pelaksanaan survei ini dari sudut fizikal, sosial, emosi dan spiritual. Takrifan kebahagiaan dikategorikan kepada empat aspek seperti berikut:

Paparan 1: Takrifan Kebahagiaan Rakyat Malaysia

Aspek fizikal	Merujuk kepada kestabilan ekonomi, persekitaran kerja yang kondusif dan pendidikan yang holistik;
Aspek sosial	Merujuk kepada perumahan yang selesa dan selamat, tahap kesihatan, keluarga yang harmoni, keselamatan awam dan penyertaan sosial;
Aspek emosi	Adalah berkait dengan perasaan seperti bahagia, seronok, kecewa dan sunyi;
Aspek spiritual	Berkait dengan kerohanian yang berasaskan akal dan agama

Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia (MHI) menggunakan nilai skor bagi mengukur tahap kebahagiaan rakyat Malaysia iaitu dari nilai 0.00 hingga 10.00. Pengukuran ini menunjukkan semakin tinggi nilai skor diperoleh semakin baik tahap kebahagiaan rakyat Malaysia. Dalam kajian ini, tahap kebahagiaan rakyat Malaysia dikategorikan kepada lima skor seperti di Paparan 2:

Paparan 2: Skor dan Kategori Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia

SKOR INDEKS	KATEGORI
0.00-2.00	<u>Sangat Tidak Bahagia</u>
2.01-4.00	<u>Tidak Bahagia</u>
4.01-6.00	<u>Sederhana Bahagia</u>
6.01-8.00	Bahagia
8.01-10.00	<u>Sangat Bahagia</u>

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Komponen dan Indikator Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia

MHI dinilai berdasarkan 13 komponen iaitu keluarga, perumahan dan alam sekitar, penyertaan sosial, kesihatan, kemudahan komunikasi, pendidikan, persekitaran kerja, pendapatan, keselamatan awam, penggunaan masa, amalan kerohanian, kebudayaan dan pengalaman emosi.

Paparan 3: Komponen dan Indikator Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia

KOMPONEN	INDIKATOR
1. KELUARGA	i. Hubungan kekeluargaan ii. Kestabilan kewangan keluarga iii. Keselamatan keluarga
2. PERUMAHAN DAN ALAM SEKITAR	i. Kemudahan dan infrastruktur yang disediakan di persekitaran tempat tinggal ii. Tahap kebersihan di persekitaran tempat tinggal iii. Pencemaran di persekitaran tempat tinggal iv. Bayaran sewa tempat kediaman
3. PENYERTAAN SOSIAL	i. Sokongan sosial daripada komuniti ii. Hubungan kejiranan iii. Aktiviti sosial
4. KESIHATAN	i. Tahap kesihatan ii. Perkhidmatan kesihatan kerajaan iii. Rawatan perubatan oleh perkhidmatan kesihatan kerajaan iv. Bekalan ubat-ubatan yang dibekalkan (kerajaan) v. Kadar bayaran perkhidmatan kerajaan vi. Perkhidmatan kesihatan swasta vii. Rawatan perubatan oleh perkhidmatan kesihatan swasta viii. Bekalan ubat-ubatan yang dibekalkan (swasta) ix. Kadar bayaran perkhidmatan swasta
5. KEMUDAHAN KOMUNIKASI	i. Capaian internet di tempat tinggal ii. Sokongan perkhidmatan telekomunikasi yang disediakan a) Tempat tinggal b) Sekitar kawasan tempat tinggal iii. Kadar bayaran perkhidmatan telekomunikasi

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KOMPONEN	INDIKATOR		
6. PENDIDIKAN	i. Kualiti penyampaian pendidikan dan keberhasilan: a) Sistem di institusi pendidikan awam b) Sistem di institusi pendidikan swasta c) Pembelajaran dalam talian ii. Tahap keselamatan di institusi pendidikan iii. Peluang bagi memasuki institusi pendidikan tinggi iv. Pembiayaan perkhidmatan institusi pendidikan tinggi		
7. PERSEKITARAN KERJA	i. Keseimbangan kehidupan kerja ii. Perhubungan dengan majikan iii. Perhubungan dengan rakan sekerja iv. Hak untuk bersuara v. Peningkatan kerjaya vi. Bebanan kerja vii. Manfaat pekerjaan		
8. PENDAPATAN	i. Pendapatan daripada pekerjaan pertama ii. Pendapatan daripada pekerjaan tambahan/ sambilan/ sampingan iii. Pendapatan yang diperoleh setimpal dengan kos sara hidup iv. Gaji/ Upah yang dibayar setimpal dengan tempoh jam bekerja v. Bebanan hutang		
9. KESELAMATAN AWAM	i. Tahap keselamatan di kawasan tempat tinggal ii. Perkhidmatan keselamatan awam iii. Bayaran perkhidmatan keselamatan awam yang diberi iv. Pengawal keselamatan warga asing di kawasan tempat tinggal		
10. PENGGUNAAN MASA	i. Masa rehat sendiri (<i>me-time</i>) ii. Masa tidur yang mencukupi iii. Masa untuk beriadah dan rekreasi iv. Masa untuk bersosial		
11. AMALAN KEROHANIAN	i. Amalan kerohanian/ keagamaan ii. Amalan kerohanian/ keagamaan bersama komuniti iii. Sikap hormat menghormati kepelbagaian amalan kerohanian/keagamaan masyarakat lain		
12. KEBUDAYAAN	i. Penglibatan aktiviti kesenian dan kebudayaan		
13. PENGALAMAN EMOSI	i. Rasa berminat ii. Tertekan iii. Teruja iv. Sedih v. Kuat semangat vi. Rasa bersalah vii. Takut	viii. Terancam ix. Bersemangat x. Bangga xi. Terganggu xii. Peka xiii. Malu xiv. Terinspirasi	xv. Gementar xvi. Bertekad xvii. Memberi perhatian xviii. Gelisah xix. Aktif xx. Rasa bimbang


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Keseluruhan Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia

Berdasarkan dapatan survei, prestasi skor MHI pada tahun 2021 berada pada tahap Bahagia iaitu dengan skor 6.48. Analisis mengikut komponen menunjukkan skor indekstertinggi yang dicatatkan adalah komponen keluarga, iaitu 7.23, diikuti komponen amalan kerohanian (7.21) dan kesihatan (6.75). Penyumbang utama bagi komponen keluarga ialah indikator hubungan kekeluargaan (83.0%) dan keselamatan keluarga (76.6%) yang memilih skala Bahagia dan Sangat Bahagia. Kesemua indikator bagi komponen amalan kerohanian mencatatkan, lebih 70.0 peratus yang memilih skala Bahagia dan Sangat Bahagia. Manakala, indikator tahap kesihatan dan bekalan ubat-ubatan yang dibekalkan oleh kerajaan merupakan penyumbang utama kepada skor indeks bagi komponen kesihatan di mana kedua-dua indikator ini adalah melebihi 70.0 peratus.

Selebihnya, komponen penggunaan masa direkodkan pada skor 6.72, penyertaan sosial (6.46), perumahan dan alam sekitar (6.39), persekitaran kerja (6.31), pendidikan (6.30), keselamatan awam (6.28), kebudayaan (6.20), pengalaman emosi (6.15), kemudahan komunikasi (6.14) dan pendapatan (6.04). Secara keseluruhan, kesemua 13 komponen berada pada tahap bahagia antara skor 6.04 hingga 7.23.

Carta 1: Indeks Kebahagiaan Rakyat Malaysia Mengikut Komponen, 2021



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rumusan

Secara keseluruhannya, rakyat Malaysia berada pada tahap Bahagia walaupun negara berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19 dan krisis ekonomi pada tahun pelaksanaan Survei MHI 2021. Senario ini mungkin akan berbeza untuk kajian yang akan datang. Penemuan survei ini juga menunjukkan tidak wujud jurang yang ketara antara strata, etnik, kumpulan umur, jantina, pencapaian pendidikan dan taraf perkahwinan dalam mengukur tahap kebahagiaan rakyat Malaysia.

Penafian

Pandangan yang dikemukakan dalam rencana ini hanya pandangan penulis sahaja dan tidak semestinya mewakili Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

RUMUSAN

Struktur penduduk di Malaysia telah berubah secara mendadak dari tahun 1970 kepada 2023 dan ke arah 2040. Malaysia menggunakan strategi untuk mengekalkan TFR antara 1.9 dan 2.1 sehingga 2030 melalui Pelan Tindakan Strategik Pembangunan Mampan Menuju 2030. Antara usaha kerajaan ialah mempelbagaikan pilihan penjagaan kanak-kanak, menekankan penjagaan dan keperluan ibu, membantu pasangan bergelut dengan sub-fertiliti, menurunkan kos penjagaan anak dan menyediakan insentif pro-kesuburan. Pertumbuhan penduduk semasa adalah penting untuk memberikan tumpuan kepada isu kependudukan yang dijangka berlaku pada masa hadapan terutamanya berkenaan isu-isu baharu yang memberikan kesan kepada perubahan demografi serta impak kepada pasaran buruh dan masyarakat.

Statistik tenaga buruh merupakan maklumat penting yang menunjukkan tingkah laku majikan dan pekerja sebagai tindak balas kepada perubahan harga, keuntungan, gaji & upah dan keadaan kerja. Pasaran buruh negara juga tidak terlepas dengan kesan ancaman pandemik COVID-19 iaitu kadar pengangguran nasional menunjukkan peningkatan kepada 4.6 peratus pada tahun 2021. Namun pada tahun 2022, kadar pengangguran nasional menurun kepada 3.9 peratus hampir kembali ke paras pra-pandemik (2019: 3.3%). Pada masa yang sama, situasi penganggur siswazah bertambah baik dengan kadar pengangguran menurun kepada 3.7 peratus. Kejayaan ini mencerminkan kestabilan asas ekonomi negara dan kemampuan pemulihan daripada kesan pandemik, dihasilkan daripada aktiviti ekonomi dan sosial yang berterusan. Manakala, dari segi gaji & upah bulanan, ia beransur meningkat sebanyak 5.8 peratus kepada RM3,212 pada tahun 2022

Pendapatan isi rumah kasar bulanan purata bagi isi rumah belia pada tahun 2022 ialah RM6,701, meningkat daripada RM6,273 pada tahun 2019. Perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata isi rumah belia pula ialah RM4,430. Isi rumah belia lebih cenderung berbelanja lebih tinggi untuk kumpulan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain dengan 22.8 peratus. Ini diikuti untuk Makanan & minuman (16.9%) dan Restoran & perkhidmatan penginapan (18.0%). Berdasarkan pola perbelanjaan, komitmen bulanan isi rumah belia tertumpu kepada perbelanjaan untuk Makan di rumah dan juga Makan di luar rumah. Kedua-dua item tersebut memiliki peratusan yang tinggi iaitu 17.5 peratus dan 16.9 peratus berbanding dengan item perbelanjaan yang lain. Perbelanjaan untuk Komunikasi bagi isi rumah belia ialah sebanyak 6.6 peratus. Manakala, statistik perbelanjaan untuk Kesihatan oleh isi rumah belia ialah 2.6 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan penggunaan isi rumah.

Kadar inflasi meningkat 3.3 peratus pada tahun 2022 berbanding 2.5 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan harga barang dan perkhidmatan memberi kesan kepada kuasa beli isi rumah. Ini ditunjukkan dengan pengiraan perubahan harga menggunakan IHP yang mencadangkan peningkatan inflasi akan menurunkan kuasa beli isi rumah. Namun, penurunan kuasa beli mungkin berbeza mengikut isi rumah atau individu kerana ia turut bergantung kepada pendapatan benar yang diterima.

Sistem penjagaan kesihatan di Malaysia adalah antara perkhidmatan penjagaan kesihatan yang terbaik dalam menguruskan wabak COVID-19 berbanding sesetengah negara lain. Dari tahun 2010 hingga 2022, Kementerian Kesihatan Malaysia giat meningkatkan perkhidmatan kesihatan dengan menambah fasiliti kesihatan seperti bilangan klinik kesihatan, hospital kerajaan, doktor kerajaan dan swasta. Penularan wabak COVID-19 pada tahun 2020 telah menyebabkan penurunan bilangan kes kejadian penyakit berjangkit seperti demam denggi, HFMD, tibi, keracunan makanan dan hepatitis. Walau bagaimanapun, pembukaan semula aktiviti ekonomi semasa pasca COVID-19 telah menyebabkan peningkatan yang drastik sebanyak kepada 279,886 kes pada tahun 2022 berbanding 77,011 kes pada tahun 2021 .

Pasca COVID-19 juga mempunyai pelbagai kesan terhadap alam sekitar pada tahun 2022. Susulan penurunan kes COVID-19, buangan klinikal turut mengalami penurunan kerana kurangnya penggunaan peralatan perlindungan diri (PPE) dan peralatan kit ujian COVID-19 berikutan penutupan pusat-pusat kuarantin di seluruh negara. Kuantiti sisa klinikal secara keseluruhannya mengalami penurunan sebanyak 14.4 peratus pada tahun 2022 (49,132 tan metrik) berbanding tahun sebelumnya (2021: 57,379 tan metrik). Walaupun pelepasan asap kenderaan, aktiviti perindustrian dan aktiviti pembakaran kawasan perladangan dan tapak pelupusan sampah masih lagi menjadi punca utama mempengaruhi kualiti udara di Malaysia, namun Malaysia masih merekodkan lebih jumlah hari bagi kualiti udara berstatus “Baik” dan “Sederhana” bagi tahun 2022. Manakala kemalangan jalan raya merekodkan peningkatan sangat ketara sebanyak 545,585 kes (47.3%) dengan kes kematian sebanyak 6,080 kes pada tahun 2022.

Sektor pengangkutan merupakan salah satu elemen penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Walaupun begitu, pandemik COVID-19 telah menjadi krisis ekonomi terbesar kepada sektor pengangkutan di seluruh dunia. Sekatan perjalanan rentas sempadan yang dilaksanakan di Malaysia telah mengehadkan sebilangan pengangkutan untuk beroperasi. Pelan pemulihan negara telah merencanakan semula sektor pengangkutan iaitu bilangan penumpang perkhidmatan rel meningkat 128.9 peratus pada tahun 2022 kepada 179.7 ribu orang berbanding 78.5 ribu orang pada tahun 2021. Bilangan penumpang penerbangan ketibaan dan perlepasan juga masing-masing meningkat bagi perjalanan dalam negeri dan antarabangsa.

Fasa peralihan ke endemik ternyata memberikan kelegaan dan kegembiraan kepada pelbagai pihak khususnya penggiat industri pelancongan selepas dua tahun terpaksa “menyepi” berikutan pandemik COVID-19. Ketibaan pelancong di Malaysia pada tahun 2022 kembali mencatatkan peningkatan yang agresif, iaitu 7,375.0 peratus dengan bilangan pelancong sebanyak 10.1 juta orang. Hal ini kerana peralihan Malaysia ke fasa endemik dan telah membuka semula sempadan negara sepenuhnya untuk membenarkan perjalanan dan pelancongan bebas kuarantin. Prestasi ini menunjukkan tanda-tanda pemulihan sektor pelancongan dan dijangka akan kembali rancak menjelang tahun seterusnya meskipun berlaku ketidaktentuan ekonomi global.

Krisis pandemik COVID-19 memaparkan hampir kesemua urusan harian dilakukan secara dalam talian, sekaligus mendesak masyarakat di pelbagai peringkat usia untuk menyesuaikan diri dengan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Namun, peralihan kepada fasa endemik memberikan impak negatif kepada penggunaan komputer dalam kalangan masyarakat. Penggunaan komputer dalam kalangan masyarakat Malaysia pada tahun 2022 menurun sedikit kepada 80.2 peratus (2021: 83.5%) kerana pembukaan semua sektor di Malaysia di samping penjawat awam mahu pun swasta kembali bekerja di pejabat dan pelajar-pelajar juga kembali ke sekolah dan institusi pengajian tinggi.

Ketersediaan indikator SDG diperlukan bagi mengukur prestasi negara ke arah mencapai Agenda Pembangunan Mampan 2030. Peningkatan prestasi SDG pada tahun 2022 memberi gambaran awal tentang pemulihan negara setelah dilanda wabak penyakit global pada tahun 2020 dan 2021. Status ketersediaan indikator SDG Malaysia telah menunjukkan perkembangan positif dengan ketersediaan 195 indikator (79%) pada tahun 2022 daripada 248 indikator global.

Rakyat Malaysia berada pada tahap Bahagia walaupun negara berhadapan dengan cabaran pandemik COVID-19 dan krisis ekonomi, pada tahun pelaksanaan Survei MHI 2021. Senario ini mungkin akan berbeza untuk kajian yang akan datang. Penemuan survei ini juga menunjukkan tidak wujud jurang yang ketara antara strata, etnik, kumpulan umur, jantina, pencapaian pendidikan dan taraf perkahwinan dalam mengukur tahap kebahagiaan rakyat Malaysia.

SIDANG PENGARANG

Zainuddin Ahmad
Norhayati Jantan
Siti Asiah Ahmad
Jamaliah Jaafar
Wan Mohd Shahrulnizam Wan Mohd Najuri
Ezatul Nisha Abdul Rahman
Riyanti Saari
Fuziah Md Amin
Roslawati Yahya
Herzie Mohamed Nordin
Maslina Samsudin
Mohamad Shukor Mat Lazim
Azmi Ali
Azura Arzemi
Syed Ibrahim Mohd Jamaluddin
Nur Layali Mohd Ali Khan
Nur-'Azah Afnan Hanafi
Suhaily Safie
Siti Faezah Hanim Md Matar
Latifah Mohamed Shah
Siti Sarah Che Dan
Mazliana Mustapa
Nor Alkashah Arif Shah
Masriyanti Rekkeman
Jefri Ab Ghani
Tassha Hilda Adnan
Nurul Aini Abdul Wahab
Zaidatul Azreen Zulkiple
Nur Nabila Nazwa Abu Bakar
Nur Fazlin Abdullah
Wan Syakirah Wan Jamil
Mohd Azmi Bahtiar
Muhammad Shafiq Harun
Ahmad Thawrique Mohd Taufan
Siti Ruhaya Sujunu
Mohd Azland Affendi Abdul Rahman
Nur Diyana Abdul Aziz
Ade Mas Erina Masri
Siti Aminah Abdullah
Nur Qistinna Israrr Ahmad
Nadia Farahana Mohd Nazri
Nur Izzati Ilias
Nurul Nadiah Rosli
Nur Syahera Ishak
Maisarah Zaman
Norhidayu Musa
Nur Aina Syuhada Omar
Nur Syuhaima Mohd Zaini
Nur Hidayah Kassim

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

SENARAI EDITOR

Liang Hung Shan
Nor Alkashah Arif Shah
Nur Azah Afnan Hanafi
Siti Fairuz Mohd Zukri
Azhari Ahmad
Nur Alham Othman
Faiza Rusrianti Tajul Arus
Nurul Effa Farhana Halim
Rosmiyawati Anwar
Nazirah Ibrahim
Norul Anisa Abu Safran
Mohd Azrol Mohd Noor
Siti Normusaharah Haji Abd Wahab
Nur Ai'n Jamil
Muhammad Aidil Idham Roslan

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

PENGHARGAAN

Ketua Perangkawan Malaysia
Timbalan Ketua Perangkawan (Program Sosial & Pembangunan Teknikal)
Timbalan Ketua Perangkawan (Program Ekonomi)
Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (BPP)
Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (BPHPP)
Bahagian Perangkaan Akaun Negara (BPAN)
Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (BPPD)
Malaysian Bureau of Labour Statistics (MBLS)
Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (BPPAS)
Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (BPTMS)
Bahagian Metodologi dan Penyelidikan (BMP)
Bahagian Integrasi dan Pengurusan Data (BIPD)
Core Team Analitik Data Raya (CTADR)
Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong